
NGAH IBRAHIM

Orang Kaya
Menteri Paduka Tuan

NGAH IBRAHIM

Orang Kaya
Menteri Paduka Tuan

ABDULLAH ZAKARIA BIN GHAZALI

Diterbitkan oleh:
Persatuan Muzium Malaysia
Muzium Negara
50566 Kuala Lumpur

Editor Penyelaras: Jazamuddin Baharuddin
Rekabentuk: Shahnun Abdullah

Cetakan Pertama 1993

© Hakcipta: Abdullah Zakaria bin Ghazali
Hakcipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan mana-mana bahagian
karya ini dalam apa juga bentuk tanpa mendapat keizinan daripada
pengarangnya atau Yang Dipertua, Persatuan Muzium Malaysia.

M
928.09595114
AZG

M

1136165

Dicetak oleh
United Selangor Press Sdn Bhd
Kuala Lumpur

13 FEB 2004

*Pertubuhan Negara
Malaysia*

KANDUNGAN

ix	Penghargaan
xi	Pendahuluan
xiii	Singkatan
1	Keturunan Menteri Ngah Ibrahim
2	Pengukuhan Kuasa di Larut
20	Menegakkan Maruah dan Kedaulatan
44	Pembuangan ke Pulau Seychelles
49	Pulang dari Buangan
60	Kesimpulan
62	Lampiran
64	Bibliografi
67	Indeks

PENGHARGAAN

Dalam usaha menyediakan kajian ini dan terhasilnya dalam bentuk yang ada sekarang saya mendapat bantuan dan kerjasama daripada berbagai pihak. Oleh itu dengan rasa rendah diri saya merakamkan penghargaan dan ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada Profesor Dato' Khoo Kay Kim, Saudara Abdullah Azmi bin Abdul Khalid, Saudara Jazamuddin Baharudin dan Profesor Madya Nik Hassan Shuhaimi bin Nik Abdul Rahman kerana sokongan, bantuan dan galakan yang diberikan. Selain itu, tidak lupa juga ucapan terima kasih ini saya tujukan kepada Perpustakaan Universiti Malaya, Kuala Lumpur dan Jabatan Muzium Malaysia serta kakitangannya di atas bantuan dan kerjasama yang sangat bernilai kepada saya ketika menjalankan penyelidikan ini. Juga ucapan terima kasih sekali lagi kepada Jabatan Muzium Malaysia kerana membenarkan saya menggunakan gambar-gambar yang dimuatkan di dalam buku ini. Akhirnya, ucapan terima kasih ini saya tujukan kepada semua mereka yang terlibat, sama ada secara langsung atau tidak dalam kajian ini sehingga ia menjadi kenyataan.

Abdullah Zakaria bin Ghazali
Jabatan Sejarah
Universiti Malaya
Kuala Lumpur

15 Jun 1993

PENDAHULUAN

Walaupun Ngah Ibrahim seringkali dikaitkan dengan perkembangan perusahaan bijih timah di Larut, tetapi tulisan ini tidak banyak menumpukan kepada kegiatan beliau dalam perkara itu. Namun begitu tulisan ini ada menyentuh mengenai kegiatan beliau dalam pungutan cukai ke atas bijih timah dan penglibatannya dalam persaingan di antara dua kongsi gelap; Ghee Hin dan Hai San.

Walaupun Ngah Ibrahim mewarisi pentadbiran Larut daripada ayahnya, Long Jaafar; tetapi kedudukan kekuasaannya ke atas Larut bertambah kukuh apabila Sultan Jaafar memberi kuasa kepadanya pada 24 Mei 1858 menggubal undang-undang sendiri dan boleh berhubung terus dengan British. Pada 23 Oktober 1863 pula, Sultan Jaafar menganugerahkan gelaran Orang Kaya Menteri Paduka Tuan kepada Ngah Ibrahim. Gelaran ini meletakkan Menteri Ngah Ibrahim dalam susun lapis Orang Besar Berempat Perak. Menteri Ngah Ibrahim ialah anak Long Jaafar. Persoalan ini sukar untuk dipertikaikan lagi, kerana dalam segala surat menyurat di antara Menteri Ngah Ibrahim dengan pihak British; serta British dengan Menteri Ngah Ibrahim ketika Menteri Ngah Ibrahim berada dalam buangan di Pulau Seychelles tercatat, Ngah Ibrahim bin Jaafar.

Kekuasaan Ngah Ibrahim di Larut di dicemburui oleh Raja Muda Abdullah. Dengan alasan Raja Muda sepatutnya juga berhak ke atas kekayaan di Larut menyebabkan hubungan kedua pihak tidak baik. Kerenggangan hubungan ini menyebabkan Menteri Ngah Ibrahim menyokong Raja Bendahara Ismail ditabalkan menjadi Sultan Perak menggantikan Sultan Ali yang mangkat pada tahun 1871. Dengan itu hubungan kedua pihak bertambah runcing. Namun begitu Menteri Ngah Ibrahim tidak mempunyai pilihan, kerana ditekan oleh British, menandatangani Perjanjian Pangkor pada 20 Januari 1874 mengakui Raja Muda Abdullah sebagai Sultan Perak dan Sultan Ismail diturunkan daripada takhta kerajaan dan diberi pencen. Walaupun begitu Menteri Ngah Ibrahim masih memihak kepada Sultan Ismail.

Namun begitu perubahan berlaku kepada diri Menteri Ngah Ibrahim setelah J.W.W. Birch dilantik sebagai Residen British dan T.C.S. Speedy sebagai Penolong Penasihat British di Larut. Sikap Residen British yang tidak mempedulikan Orang Besar dan Sultan Perak telah menyebabkan Menteri Ngah Ibrahim bersama pembesar Perak, Sultan Abdullah dan Sultan Ismail terlibat dalam pakatan menentang British dan menghapuskan J.W.W. Birch. Malah Menteri Ngah Ibrahim merancang gerakan menentang British tidak berapa lama selepas Perjanjian Pangkor ditandatangani. Rancangan Menteri Ngah Ibrahim dan pembesar Perak gagal untuk memansuhkan Perjanjian Pangkor. Namun kegagalan ini tidak mematikan semangat perjuangan Menteri Ngah Ibrahim. Kini Menteri Ngah Ibrahim terlibat dalam pakatan menentang British bersama Sultan Abdullah dan pembesar Perak, seperti Dato' Maharaja Lela, Dato' Sagor, Dato' Laksamana dan Dato' Syahbandar.

Beberapa mesyuarat diadakan membincangkan pentadbiran British di Perak. Dalam mesyuarat di Durian Sebatang, 21 Julai 1875; walaupun Menteri Ngah Ibrahim tidak hadir, tetapi menghantar Penghulu Muhammad Ali dengan kuasa penuh; memutuskan bahawa J.W.W. Birch mesti dihapuskan. Keputusan mesyuarat "bunuh" yang dihadiri oleh orang besar Perak dan dipengerusikan oleh Sultan Abdullah dilakukan di Pasir Salak pada 2 November 1875. Dengan itu pihak British menghantar pasukan memburu mereka yang terlibat. Oleh kerana tidak dapat mengatasi kekuatan pasukan British, para pemimpin mengundur diri. Namun begitu mereka kemudiannya menyerah diri atau ditangkap. Menteri Ngah Ibrahim diarahkan ke Singapura. Beliau ditahan di sini. Kemudian bersama Sultan Abdullah, Laksamana, Syahbandar, Menteri Ngah Ibrahim dibuang ke Pulau Seychelles. Setelah beberapa lama berada dalam buangan, Menteri Ngah Ibrahim dibenarkan pulang, tinggal beberapa tahun di Sarawak. Kemudiannya beliau dibenarkan tinggal di Singapura. Mengikut akhbar *Perak Pioneer*, Sabtu 9 Februari 1895, Menteri Ngah Ibrahim meninggal dunia di Singapura pada 4 Februari 1895.

Perjuangan Menteri Ngah Ibrahim menentang British bermula selepas Perjanjian Pangkor. Beliau terlibat dalam usaha membatalkan perjanjian tersebut. Beliau mengeluarkan duit sakunya sendiri membayar pembiayaan untuk maksud tersebut kepada peguam, R.C. Woods. Kegagalan membatalkan Perjanjian Pangkor tidak menghalang perjuangannya. Beliau terus bersama dengan Sultan Abdullah dan pembesar lain Perak. Akibatnya beliau dihukum buang negeri oleh British.

SINGKATAN

- BROL — Brooke, Sir Charles Johnson, 1829-1917: The Rajah's Outgoing Letters, 1887-1906.
- C.O. — Colonial Office.
- CEAP — Copies, or Extracts, of Correspondence with reference to the case of the Ex-Sultan Abdullah of Perak.
- ECCOP — Enquiry as to Complicity of Chiefs in the Perak Outrages.
- ECCPOE — Enquiry as to Complicity of Chiefs in the Perak Outrages. Precis of Evidence.
- ECPOAEAH — Enquiry as to Complicity of Chief in Perak Outrages, Abridgement of Eviden, Arranged various heads.
- hlm. — halaman.
- JMBRAS — Journal of the Malayan Branch Royal Asiatic Society.
- MBRAS — Malayan Branch of the Royal Asiatic Society.
- SBLD — Straits Settlements Blue Book of the Larut District in the Native State of Perak for the year 1874.
- TMMB — Trial of Maharaja Lela and Others for Murder of Mr. Birch.
- t.t. — tanpa tarikh.

KETURUNAN MENTERI NGAH IBRAHIM

Menteri Nгах Ibrahim dilahirkan kira-kira pada tahun 1840. Keturunannya berasal dari Aceh, Sumatera. Nyak Besahing yang berasal dari Aceh berputerakan Tuk Kasah; Tuk Kasah berputerakan Tuk Narah Kembal. Tuk Narah Kembal pula berputerakan Tuk Paduka Setia Pandak Jamaluddin. Pandak Jamaluddin mendapat empat orang putera iaitu Dato' Panglima Bukit Gantang Alang Aladdin, Tuk Paduka Setia Long Abdul Latif, Che Pandak Abdullah dan Busu Jamihan. Tuk Paduka Setia Long Abdul Latif memperolehi dua orang putera dan seorang puteri iaitu Che Nгах Lamat, Che Long Jaafar dan Che Long Halimah atau Tuk Puan Kinta. Che Nгах Lamat berkahwin dengan Long Hamidah dan mendapat Che Kulup Muhammad Juling. Che Long Jaafar pula mendapat Kulup Seman, Nгах Ibrahim dan Che Alang Sepiah.¹ Menteri Nгах Ibrahim pernah dijadikan anak angkat dan diakui sebagai saudara Raja Abdullah (kemudiannya Raja Muda dan Sultan Perak, 1874-1876) oleh Sultan Jaafar.²

Menteri Nгах Ibrahim berkahwin dengan Tuk Puan Halimah, anak Laksamana Wan Muhammad Amin. Hasil daripada perkahwinan itu mereka mendapat Wan Muhammad Isa (Menteri), Wan Mat Nasir, Wan Yeop Abdul Shukor dan Che Sufiah. Menteri Wan Muhammad Isa pula mendapat beberapa puteri dan putera; Tuk Puan Esah, Wan Hajah Mariam (atau Wan Hajah Yahani), Wan Ahmad Rashid (Menteri), Haji Wan Muhammad Razali (Menteri), Tuk Puan Su, Wan Chik, Wan Teh, Wan Ibrahim dan Wan Nong.³

¹ Wee Choon Siang, 'Nгах Ibrahim' in *Larut 1858-1874*, Graduation Exercise, University of Malaya, Singapore, 1962, hlm. 1. Lihat juga Khoo Kay Kim, *Taiping* (Kuala Lumpur: Persatuan Muzium Malaysia, 1981), hlm. 1.

² Muhammad Ibrahim Mursyi, *Kisah Pelayaran Muhammad Ibrahim Mursyi* (Johor: Pejabat Cetak Kerajaan, 1966), hlm. 75. Sultan Jaafar (atau Raja Nгах Jaafar) ialah putera Raja Kecil Tengah Ahmad ibn Sultan Abdul Malik Mansur Shah (Marhum Jamalullah).

³ Wee Choon Siang, *Nгах Ibrahim in Larut 1858-1874*, hlm. 1.

II

PENGUKUHAN KUASA DI LARUT

Ngah Ibrahim mewarisi pentadbiran Larut daripada ayahandanya Long Jaafar. Long Jaafar pula adalah tokoh yang berjaya meletakkan asas kepada perkembangan Larut di masa pentadbiran Ngah Ibrahim. Sebelum memulakan usaha di Larut, Long Jaafar yang mengalami kesusahan hidup telah mengembara ke Teluk Belanga, Singapura. Ketika berada di Teluk Belanga, Long Jaafar tidak begitu berjaya membaiki taraf hidupnya. Melalui simpati Temenggung Seri Maharaja Ibrahim (Temenggung Johor) Long Jaafar dihantar pulang ke Perak. Di Perak Long Jaafar tinggal di Larut. Mulai dari sinilah beliau menceburkan diri dalam perusahaan perlombongan bijih timah dengan membawa masuk buruh Cina ke Larut.

Penglibatan dalam perlombongan bijih timah ini menyebabkan Long Jaafar menjadi kaya dan berpengaruh di Larut. Kedudukannya di Larut menjadi kuat apabila Long Jaafar berjaya mendapat pajakan Larut daripada mertuanya, Dato' Panglima Bukit Gantang Alang Alaidin dengan bayaran sebanyak \$125.00 setahun.¹ Beliau telah membawa masuk kira-kira 20 orang buruh Cina dari daerah Chin Seah membuka lombong di Kelian Pauh.² Berikutnya kedudukan Long Jaafar di Larut bertambah kukuh lagi setelah beliau berjaya mendapat geran ke atas Larut bertarikh 6 November 1850 dengan bantuan Raja Ngah Ali daripada Sultan Shahabuddin Riayat Syah (1830-1851).³ Dalam masa tiga hingga empat tahun Long Jaafar dengan bantuan pelombong-pelombong Cina berjaya dalam perlombongan dan Larut menjadi maju.⁴ Pada tahun 1851 Sultan

1. Muhammad Ibrahim Munshi, *Kisah Pelayaran Muhammad Ibrahim Munshi*, hlm. 75.

2. *Straits Settlements Blue Book of the Larut District in the Native State of Perak for the year 1874* (Singapore: Government Printing, 1874), hlm. 1. (Seterusnya diringkaskan sebagai "SBLD, 1874").

3. Sultan Shahabuddin Riayat Syah ialah putera Raja Inu Ibtu Sultan Ahmadin Syah (Marhum Bongsu).

4. C.O. 273/94, W.F. Robinson kepada Michael Hicks Beach, 20 Julai 1878, terlampir Rayuan Menteri Ngah Ibrahim, 11 Jun 1877 (29 Jamadil Awal 1294). Wee Choon Siang, *Ngah Ibrahim in Larut 1858-1874*, hlm. 4. R.J. Wilkinson (ed.), *Papers on Malay Subjects* (Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1971), hlm. 90.

Shahabuddin Riayat Syah mangkat dan takhta kerajaan Perak digantikan oleh Sultan Abdullah (1851-1857).⁵ Ketika pemerintahan Sultan Abdullah, Raja Ngah Jaafar sebagai Raja Muda, Raja Ngah Ali, putera Sultan Shahabuddin Riayat Syah sebagai Raja Bendahara. Persaingan merebut takhta kerajaan berlaku di antara Raja Muda Ngah Jaafar yang disokong oleh Raja Ngah Ali dengan Sultan Abdullah. Persengketaan ini membawa kepada pengunduran Sultan Abdullah pada bulan Jun 1854 dari Istana baginda di Tanjung Sarang Dendang ke Durian Sebatang berlingdung dengan Laksamana. Raja Muda Ngah Jaafar ditabalkan sebagai Sultan Perak dengan gelaran Sultan Safiuddin Muazzam Syah pada tahun 1854. Walaupun demikian baginda dengan rasminya menjadi Sultan pada tahun 1857 setelah Sultan Abdullah mangkat. Raja Ngah Ali diangkat menjadi Raja Muda dan Raja Ismail⁶ sebagai Raja Bendahara.

Kegiatan Long Jaafar di Larut tidak diganggu oleh Dato' Panglima Bukit Gantang Alang Alaidin. Dato' Panglima Bukit Gantang masih berkuasa di Kurau; wakilnya di sini ialah Penghulu Rejab. Kedudukan Long Jaafar menjadi lebih teguh lagi dengan geran baru yang diberikan kepadanya bertarikh 8 November 1856 oleh Raja Muda Ngah Jaafar, tokoh yang sebenarnya berkuasa di Perak ketika itu.⁷ Long Jaafar juga beransur-ansur meluaskan pegangannya ke atas Kerian, Matang dan Selama. Long Jaafar membeli rumah di Pulau Pinang dan menyimpan wangnya dalam Bank di Pulau Pinang. Beliau seringkali memberi bantuan kepada mereka yang susah.⁸ Sebelum meninggal dunia, Long Jaafar berjaya mengukuhkan kedudukannya di Larut.⁹

Kumpulan awal orang Cina yang masuk mengusahakan lombong bijih timah di Kelian Pauh diketuai oleh Law Sam. Beliau mempunyai hubungan yang sangat rapat dengan Long Jaafar. Pelombong pada ketika ini menggunakan Sungai Larut sebagai jalan perhubungan ke kawasan perlombongan. Terdapat beberapa buah kampung yang penting di kawasan pendalaman; seperti Matang, Kota, Simpang, Kelian Baru, Kelian Pauh dan Kemunting. Apabila permintaan terhadap bijih timah meningkat, jajahan Larut menjadi penting.¹⁰

5 Sultan Abdullah ialah putera Raja Kecil Abdul Rahman ibni Sultan Ahmadin Syah (Marhum Boncong).

6 Raja Ismail ialah putera Raja Syed Hitam dengan Raja Mardak, puteri Sultan Ahmadin. Beliau berkahwin dengan Raja Fatinah, puteri Raja Kecil Besar, Raja Daud dan memperoleh dua orang anak, Raja Lope dan Raja Khadijah. Raja Khadijah menjadi isteri Raja Osman, putera Sultan Ali Inayat Syah (Khoo Kay Kim, *The Western Malay States 1850-1873: The Effects of Commercial Development on Malay Politics*, (Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1972), jlm. 125; *Negeri-Negeri Melayu Pantai Barat 1850-1873: Kisah Perkembangan Dagang Terhadap Politik Melayu*, (Petaling Jaya: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd., 1984), jlm. 161).

7 Khoo Kay Kim, *Negeri-Negeri Melayu Pantai Barat*, jlm. 139; *Tai ping*, jlm. 2.

8 Muhammad Ibrahim Mansyir, *Kisah Pelajaran Muhammad Ibrahim Mansyir*, jlm. 76.

9 C.D. Cowan, *Tanah Melayu Kurau Kesembilan Belas* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1970), jlm. 61; *Nineteenth Century Malaya: The Origins of British Political Control* (London: Oxford University Press, 1967), jlm. 45.

10 Khoo Kay Kim, *Tai ping*, jlm. 4.

Apabila Long Jaafar meninggal dunia pentadbiran Larut digantikan oleh anaknya Ngah Ibrahim. Oleh kerana pada ketika itu Ngah Ibrahim berusia belasan tahun maka pentadbiran Larut diuruskan oleh bapa saudaranya, saudara Long Jaafar, iaitu Ngah Lamat selama kira-kira dua tahun.¹¹ Ngah Ibrahim pula mendapat pengesahan kuasa ke atas Larut, meliputi Kerian dan Bagan Tiang¹² pada 24 Mei 1858 daripada Sultan Jaafar serta berkuasa menggubal undang-undang dan membuat hubungan dengan British di Pulau Pinang.¹³ Ngah Ibrahim pernah datang ke Johor mengadap Maharaja Abu Bakar mempelajari selok-belok pentadbiran di sana untuk dilaksanakan di Larut.¹⁴

Ngah Ibrahim tinggal di Permatang (Matang), Ngah Lamat pula tinggal di Kota. Dalam pentadbirannya, Ngah Ibrahim mendapat bantuan daripada Sheikh Muhammad Taib, Abdul Jabar dan Pandak Leman. Di samping memiliki pasukan keselamatan sendiri, Ngah Ibrahim mempunyai seorang kerani.¹⁵

Pada bulan Oktober 1859 Panglima Besar Muhammad Kasasi diarahkan oleh Sultan Jaafar ke Pulau Pinang menemui pegawai British. Beliau membawa surat perlantikannya yang ditandatangani dan dicop mohor oleh Sultan, Raja Muda dan Raja Bendahara sebagai Gabenor Kerian dan akan ditempatkan di Rantau Panjang, Kuala Sungai Kerian.¹⁶ Oleh kerana di Kerian, sudah ada Penghulu, iaitu Penghulu Haji Osman yang mewakili Menteri Ngah Ibrahim, maka pertelingkahan berlaku di antara Penghulu Haji Osman dengan Panglima Besar Muhammad Kasasi. Dalam satu peristiwa, Penghulu Haji Osman menahan kayu balak kepunyaan saudagar Pulau Pinang, Chang Koon Chee di tempat yang berhampiran dengan Sungai Seman dan meminta cukai sebanyak 50 sen bagi tiap-tiap satu batang. Chang Koon Chee mendapat kebenaran daripada Long Jaafar untuk mengusahakan kayu balak di kawasan Sungai Ijau selama tiga tahun. Penahanan kayu balak ini dilaporkan oleh Chang Koon Chee kepada British. Laporan ini diterima oleh Timbalan Pesuruhjaya Polis Pulau Pinang, Robertson pada 26 April 1859. Residen Konsular Pulau Pinang W.T. Lewis mengarahkan Timbalan Pesuruhjaya Polis

11 C.O. 273/94, W.F. Robinson kepada Michael Hicks Beach, 20 Julai 1878, terlampir Rayuan Menteri Ngah Ibrahim, 4 Jun 1877 (29 Jamadil Akhir 1294).

12 Bagan Tiang letaknya kira-kira lapan kilometer ke Selatan Sungai Krian. (P.L. Burns (ed. & introduced), *The Journals of J.W.W. Birch: First British Resident to Perak 1874-1875* (Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1976), hlm. 106).

13 Khoo Kay Kim, *Negeri-Negeri Melayu Pantai Barat 1850-1873*, hlm. 139-40, Hishamuddin bin Aetnan, "British di Perak: Satu Kajian Mengenai Keterlibatannya dan Penerimaan Orang-Orang Melayu sehingga terbunuhnya J.W.W. Birch", Esei Panjang, Jabatan Sejarah, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1985/86, hlm. 5. Wee Choon Siang, Ngah Ibrahim in Larut 1858-1874, hlm. 6. C.D. Cowan, *Nineteenth Century Malaya*, hlm. 45-46; *Tiniah Melayu Kurus Kesembilan Belas*, hlm. 62.

14 Muhammad Ibrahim Munshi, *Kisah Melayu Kurus Kesembilan Belas*, hlm. 76.

15 Khoo Kay Kim, *Thipring*, hlm. 2.

16 Wee Choon Siang, Ngah Ibrahim in Larut 1858-1874, hlm. 7.

Robertson dan Inspektor Jeremia berangkat ke Perak. Dalam perjalanan ke Perak mereka bertemu dengan Panglima Besar Muhammad Kasasi dan berangkat sama ke Perak. Apabila sampai di kubu Penghulu Haji Osman, Panglima Besar Muhammad Kasasi dan Ah Soon yang cuba mengambil kayu balak tersebut secara kekerasan ditembak oleh pengikut-pengikut Penghulu Haji Osman. Pada mulanya Robertson mengarahkan pasukannya melepaskan tembakan balas tetapi kemudiannya berundur setelah dilawan oleh pengikut Penghulu Haji Osman.¹⁷

Langkah Sultan Jaafar cuba mengurangkan kuasa Ngah Ibrahim di Larut dengan melantik Panglima Besar Muhammad Kasasi berkuasa di Kerian menyebabkan Raja Muda Ngah Ali yang dipengaruhi oleh Ngah Ibrahim dan Ngah Lamat, bersama Panglima Bukit Gantang mengajukan bantahan kepada kerajaan British di Pulau Pinang. Dalam bantahan tersebut dinyatakan bahawa bidang kuasa di Kerian adalah di bawah Panglima Bukit Gantang.¹⁸ Sultan Jaafar berjanji akan menarik balik Panglima Besar Muhammad Kasasi dan memastikan bahawa orang yang berpengaruh akan menjaga sempadan.¹⁹ Pada tahun 1861 Sultan Jaafar memajakkan Kerian kepada W.T. Lewis. Apabila beliau datang menempatkan petani di sawah tersebut pada 11 Mei 1861, Raja Muda Ngah Ali menghantar bantahan pada 15 Mei 1861. Dalam bantahannya itu Raja Muda Ngah Ali menyatakan bahawa Sultan Jaafar memberi pajakan kawasan tersebut tanpa berunding dengannya terlebih dahulu. Raja Muda Ali juga menyatakan bahawa sebagai Raja Muda yang bakal mewarisi takhta kerajaan Perak, beliau juga mempunyai kuasa yang sama; dengan itu tidak akan membenarkan pajakan tersebut. Kemudiannya Sultan Jaafar membatalkan pajakan kepada W.T. Lewis.²⁰


Ngah Ibrahim menjadi kaya melalui pungutan cukai ke atas hasil perlombongan bijih timah. Perkembangan perusahaan bijih timah di Larut membawa kepada penghijrahan orang Cina ke sini. Oleh kerana kedatangan mereka bersama dengan kongsi gelap menyebabkan pergaduhan di antara mereka seringkali berlaku. Pada tahun 1861 berlaku pergaduhan di antara sekumpulan Chen Sang (Hakka) yang tinggal di Kelian Pauh dengan Fui Chiu (Hakka) di Kelian Baru. Suku Chen Sang adalah anggota Hai San dan Fui Chiu anggota Ghee Hin. Anggota Ghee Hin telah diserang oleh Hai San di kedai judi Taiping. Ghee Hin yang kebanyakannya adalah peranakan Negeri-Negeri Selat dikalahkan dan mereka berundur ke Pulau Pinang, seterusnya mendapatkan bantuan daripada Gabenor

17 Wee Choon Siang, *Ngah Ibrahim in Larut 1858-1874*, jilid. 89

18 Khoo Kay Kim, *Negeri-Negeri Melayu Pantai Barat 1850-1873*, jilid. 140

19 Wee Choon Siang, *Ngah Ibrahim in Larut 1858-1874*, jilid. 9

20 Khoo Kay Kim, *Negeri-Negeri Melayu Pantai Barat 1850-1873*, jilid. 142



Peta: Menunjukkan Kerian-Larut.

Negeri-Negeri Selat, Kolonel Orfeur Cavenagh. Dalam persengketaan ini Menteri Ngah Ibrahim menyokong Hai San. Gabenor Cavenagh menghantar tuntutan ganti rugi bagi pihak Ghee Hin kepada kerajaan Perak. Sementara itu kapal perang dihantar menyusuri pinggir pantai Perak. Sultan Jaafar pula meminta Menteri Ngah Ibrahim menyelesaikan tuntutan tersebut.²¹ Menteri Ngah Ibrahim yang bersetuju menyelesaikan hutang ini membayar duitnya sendiri sebanyak \$17,447.04.²² Pada 23 Oktober 1863 Ngah Ibrahim dianugerahkan gelaran Orang Kaya Menteri Paduka Tuan dan menerima geran kuasa ke atas Larut yang merangkumi kawasan pedalaman hingga ke Kelian Baru; ke timur hingga ke kuala Sungai Beruas dan ke barat sampai ke Kerian.²³ Namun begitu pada 31 Mac 1864 Sultan Jaafar telah mengurangkan kuasa Menteri Ngah Ibrahim dengan mengeluarkan geran baru yang mengurangkan kawasan kawalan beliau. Kawasan yang termasuk dalam pentadbiran Menteri Ngah Ibrahim yang membentuk negeri Larut hingga ke Kerian ialah dari Larut dan Kerian ke Bagan Tiang. Dari pesisiran hingga ke Tanjung Belanak ialah dari Pasir Gedebu hingga ke Muara Kerian; pedalamanannya pula hingga ke sempadan Kedah.²⁴ Orang Kaya Menteri adalah penasihat peribadi Sultan dan Orang Besar Empat dalam susunan pentadbiran kerajaan Perak. Seperti juga ayahandanya Long Jaafar, Menteri Ngah Ibrahim menyimpan wangnya di bank di Pulau Pinang. Pada tahun 1872 beliau memiliki atau menyewa dua buah kapal yang berulang-alik membawa bijih timah dari Larut ke Pulau Pinang.²⁵

Di masa pentadbiran Menteri Ngah Ibrahim Daerah Larut panjangnya kira-kira 112 kilometer dan lebarnya pula di antara 32 hingga 80 kilometer. Sempadannya pula: utara di Sungai Kurau; Selatan di Sungai Beruas; Timur di Gunung Bulu dan Barat sampai ke pantai.²⁶ Pungutan cukai dalam kampung dikendalikan oleh masing-masing penghulu. Beliau juga adalah hakim dalam kampung masing-masing. Menteri Ngah Ibrahim akan menghantar pegawainya

21 J. Kennedy, *A History of Malaya* (London: The Macmillan Press Ltd., 1975), hlm. 138. C.N. Parkinson, *British Intervention in Malaya 1867-1877* (Singapore: University of Malaya Press, 1960), hlm. 75. J.F.A. McNair, *Perak and the Malays* (Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1972), hlm. 350-351.

22 Wilfred Blythe, *The Impact of Chinese Secret Societies in Malaya* (London: Oxford University Press, 1969), hlm. 122. R.J. Wilkinson (ed.), *Papers on Malay Subjects*, hlm. 91, mencatatkan \$17,447.00. C.D. Cowan, *Tanah Melayu Kurau Kesembilan Belas*, hlm. 66 dan J.F.A. McNair, *Perak and the Malays*, hlm. 351, mencatatkan \$17,000.00. Manakala C.O. 273/94, W.F. Robinson kepada Michael Hicks Beach, 20 Julai 1878, terlampir Rayuan Menteri Ngah Ibrahim, 11 Jun 1877 (29 Jamadil Awal 1294) mencatat sebanyak \$20,000.00. Khoo Kay Kim, *Taiping*, hlm. 4, mencatatkan \$17,474.00.

23 Khoo Kay Kim, *Negeri-Negeri Pantai Barat 1850-1873*, hlm. 144. Wee Choon Siang, *Ngah Ibrahim in Larut 1858-1874*, hlm. 25. R.J. Wilkinson (ed.), *Papers on Malay Subjects*, hlm. 91, mencatatkan gelaran itu dianugerahkan pada akhir Mac 1863.

24 Khoo Kay Kim, *Negeri-Negeri Melayu Pantai Barat 1850-1873*, hlm. 145.

25 E. Sadka, *The Protected Malay States 1874-1875* (Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1970), hlm. 26.

26 "SBLD, 1874", hlm. 1. Catatan ini dibuat oleh T.C.S. Speedy, Penolong Residen British Larut.

untuk menungut satu persepuluh hasil tahunan padi daripada penduduk kampung untuk dirinya.²⁷ Selain daripada perlombongan, terdapat tanaman kopi, teh, buah pala, tebu, tembakau, bunga cengkeh dan ubi kayu di Larut.²⁸

Menteri Ngah Ibrahim adalah pemerintah Larut yang bebas. Pendapatan bulanan beliau dianggarkan di antara \$5,000.00 hingga \$6,000.00.²⁹ Namun ada juga yang menyatakan pendapatan tahunan beliau tidak kurang daripada \$100,000.00 dan pernah dianggarkan sebanyak \$186,000.00 dan \$200,000.00. Beliau tinggal disebuah rumah banglo berbentuk Eropah, memiliki sebuah lagi di Pulau Pinang, mempunyai sebuah kapal api *S.S. Indra Bayu* dan satu pasukan polis yang terdiri daripada 40 orang.³⁰ Menteri Ngah Ibrahim mendapat bayaran sebanyak \$19.00 daripada tiap-tiap satu bahara bijih timah.³¹ Walaupun Menteri Ngah Ibrahim adalah pemerintah yang sebenar di Larut tetapi beliau masih tertakluk kepada Yang Dipertuan Perak. Menteri Ngah Ibrahim dikenali oleh pegawai dan orang Eropah sebagai Raja Larut atau Menteri Larut. Di kalangan orang Melayu tertentu Menteri Ngah Ibrahim dipanggil Tengku Menteri.³²

Pada 20 Mac 1864 Sultan Jaafar (atau Sultan Safiuddin) mangkat. Sekali lagi berlaku rebutan jawatan Sultan, berlarutan hingga ke akhir tahun 1865. Persaingan kali ini di antara Raja Muda Ali dengan Raja Abdullah, putera Sultan Jaafar. Pada Januari 1866 Raja Muda Ngah Ali telah dilantik sebagai Sultan Perak. Baginda pula mendapat sokongan daripada Menteri Ngah Ibrahim. Raja Abdullah dilantik sebagai Raja Muda.

Walaupun Raja Abdullah dilantik sebagai Raja Muda tetapi beliau masih tidak puas hati dengan jawatan itu. Oleh kerana Menteri Ngah Ibrahim menyokong Sultan Ali menyebabkan berlaku keretakan hubungan mereka berdua. Raja Muda Abdullah sangat berharap untuk berkuasa di bahagian utara Perak. Keinginan ini disebabkan kemajuan perdagangan di bahagian utara lebih baik berbanding dengan selatan. Dalam usaha ini Raja Muda Abdullah mendapat sokongan daripada pedagang-pedagang Pulau Pinang, salah seorangnya Edward Bacon. Kegiatan Raja Muda Abdullah menimbulkan kebinbangan Sultan Ali. Dengan itu baginda meminta bantuan Leftenan Gabenor A.E.H. Anson memberi amaran kepada saudagar-saudagar supaya jangan melibatkan diri dengan kegiatan

27 "SBLD, 1874", hlm. 11.

28 "SBLD, 1874", hlm. 4.

29 Wilfred Blythe, *The Impact of Chinese Secret Societies in Malaya*, hlm. 121.

30 C.D. Cowan, *Nineteenth Century Malaya*, hlm. 50; *Tanah Melayu Kurun Kesembilan Belas*, hlm. 167. R.J. Wilkinson (ed.), *Papers on Malay Subjects*, hlm. 92.

31 P.L. Burns & C.D. Cowan (ed.), *Swettenham's Malayan Journals 1874-1876* (Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1975), hlm. 11. Satu bahara bersamaan dengan 400 pounds atau tiga pikul.

Raja Muda Abdullah. Tanpa menghiraukan langkah yang diambil oleh Sultan Ali, Raja Muda Abdullah telah memberi uluran kepada Edward Bacon dan beberapa saudagar lain di tebing Sungai Kerian. Pemberian uluran ini melalui Surat Kuasa yang dicop dengan Cop Mohor Sultan. Raja Muda Abdullah juga memaksa Menteri Ngah Ibrahim menurunkan sama Copnya di atas Surat Kuasa kepada Edward Bacon selama lima belas tahun dengan kadar bayaran \$5,500.00 setahun. Menteri Ngah Ibrahim melaporkan perkara ini kepada Sultan Ali. Sultan Ali pula membatalkan geran ini.

Menteri Ngah Ibrahim terlibat dalam pergaduhan di Kelian Baru di antara Fui Chiu (Ghee Hin) dengan Cheng Sang (Hai San) yang berlaku pada tahun 1865. Dalam pergaduhan ini Ngah Lamat dan Kulup Ali (kedua-duanya penyokong Menteri Ngah Ibrahim) membantu Chen Sang menyerang Fui Chiu di Kelian Baru. Dengan itu saudagar-saudagar Ghee Hin melaporkan serangan ini kepada kerajaan British di Pulau Pinang. Berikutnya Timbalan Pesuruhjaya Polis, W.P. Earl dihantar ke Larut pada 21 September 1865 untuk menjalankan siasatan. Fui Chiu meninggalkan Kelian Baru ke Pulau Pinang dan sejak itu tidak kembali lagi ke Kelian Baru. Semua harta dan bijih timah dirampas oleh Cheng Sang.³³

Pada 26 Mei 1871 Sultan Ali al-Mukamal Inayat Syah mangkat di Sayong. Jenazah baginda hanya dimakamkan kira-kira sebulan kemudian, iaitu pada 29 Jun 1871. Kelewatan ini disebabkan timbulnya masalah untuk menentukan pengganti Sultan. Raja Muda Abdullah tidak hadir dalam upacara pemakaman tersebut. Kegagalan Raja Muda Abdullah hadir di upacara ini menyebabkan para pembesar mengambil keputusan melantik Raja Bendahara Ismail sebagai Sultan Perak. Pembesar yang hadir pada hari pemakaman itu ialah Seri Maharaja Lela, Temenggung, Raja Bendahara Ismail, Menteri Ngah Ibrahim, Dato' Sagor dan Dato' Panglima Kinta. Raja Muda Abdullah, Laksamana, Syahbandar dan Raja Yusof tidak hadir. Raja Yusof tidak dijemput; manakala Laksamana dan Syahbandar memberi alasan masing-masing. Laksamana sedang menyelesaikan penyerahan Kuala Perak dan Syahbandar pula menunggu rumah Raja Bendahara Ismail.³⁴ Perlantikan ini disokong oleh Menteri Ngah Ibrahim. Raja Osman, putera Sultan Ali dilantik sebagai Raja Bendahara.³⁵ Menteri

32 R.J. Wilkinson (ed.), *Papers on Malay Subjects*, hlm. 92.

33 Khoo Kay Kim, *Tutung*, hlm. 4. Wee Choong Seng, Ngah Ibrahim in Larut 1858-1874, hlm. 31-33.

34 C.O. 273/87, "List of Witnesses", kenyataan Haji Raja Yahya, Singapura, 4 November 1878.

35 C.O. 273/87, "List of Witnesses", kenyataan Haji Raja Yahya, Singapura, 4 November 1878. *Enquiry as to complicity of chiefs in the Perak outrages: facts of evidence*, (Singapore: The Government Printing Office, 1876), hlm. 2. (Seterusnya diringkaskan sebagai ECODE, 1876) J. Kennedy, A. *History of Malaya*, hlm. 150. P.L. Burris (ed.), *The Journals of J.W.W. Birch*, hlm. 13. C.D. Cowan, *Nineteenth Century Malaya*, hlm. 78-79; *Tanah Melayu Kurun Kesembilan Belas*, hlm. 106-107. P.L. Burris & C.D. Cowan (ed.), *Surrenderham's Malayan Journals 1874-1876*, hlm. 38. R.J. Wilkinson (ed.), *Papers on Malay Subjects*, hlm. 100-101.

Ngah Ibrahim mempengaruhi Raja Osman menyerahkan alat-alat kebesaran Perak kepada Raja Bendahara Ismail. Kemudiannya Menteri Ngah Ibrahim bersama-sama Laksamana dan pembesar lain melantik Raja Bendahara Ismail sebagai Sultan Perak.³⁶ Raja Bendahara Ismail menduduki takhta kerajaan Perak dengan gelaran Sultan Ismail Muabidin Syah. Baginda mendapat pengiktirafan British.³⁷ Walaupun begitu terdapat mereka yang tidak menyokong perlantikan ini, iaitu Raja Muda Abdullah, Raja Yusof dan Dato' Syahbandar.³⁸

Kenaikkan Raja Bendahara Ismail di atas takhta kerajaan Perak menimbulkan rasa tidak puas hati Raja Muda Abdullah, yang kini menetap di Purbayan, Hilir Perak. Kemudian pada tahun 1872 Raja Muda Abdullah yang mendapat sokongan daripada pembesar Hilir Perak dan galakan daripada Edward Bacon mengisytiharkan dirinya sebagai Sultan Perak dengan gelaran Sultan Abdullah Muhammad Syah. Berikutnya baginda melantik Raja Yusof sebagai Raja Muda Perak.³⁹ Edward Bacon menyokong Raja Muda Abdullah kerana beliau mempunyai minat untuk mendapatkan uluran di Kerian. Sultan Abdullah mengutuskan surat kepada Gabenor Negeri-Negeri Selat, Sir Harry Ord yang ditandatangani dan dicop mohor oleh Syahbandar, Orang Kaya Balai, Laksamana, Dato' Seri Agar Diraja (Dato' Sagor) dan Maharaja Lela. Surat ini menyatakan bahawa mereka tidak dapat menerima Sultan Ismail sebagai Sultan Perak kerana baginda keturunan Siak, Sumatera, bukan kerabat diraja Perak.⁴⁰

Tidak lama selepas pemilihan Raja Bendahara Ismail sebagai Sultan Perak, Laksamana membawa Raja Muda Abdullah ke Kerian dan diperkenalkan kepada Edward Bacon, seorang peladang di Seberang Perai. Dalam pertemuan ini Raja Muda Abdullah menawarkan kepada Edward Bacon memungut cukai di daerah Kerian dengan bayaran sebanyak \$1,000.00 setahun. Setelah kira-kira tiga bulan tinggal di Kerian, Raja Muda Abdullah menghantar surat kepada Menteri Ngah Ibrahim di Larut supaya menurunkan cop di atas perjanjian beliau dengan Edward Bacon. Dengan itu Menteri Ngah Ibrahim bersama keraninya, Muhammad Ishak datang ke Kerian bertemu Raja Muda Abdullah, Laksamana dan Edward Bacon. Setelah berunding di antara sepuluh hingga lima belas hari,

36 C.O. 273-86, Jervois kepada Carnarvon, 14 Disember 1870, enclosure 4, "List of Witnesses", kenyataan Nakhoda Trang, Singapura, 1 September 1870. (Seterusnya diringkaskan sebagai C.O. 273-86, "List of Witnesses").

37 R.J. Wilkinson (ed.), *Papers on Malay Subjects*, hlm. 101.

38 C.O. 273-86, "List of Witnesses", kenyataan Nakhoda Trang, Singapura, 1 September 1870.

39 C.O. 273-86, "List of Witnesses", kenyataan Edward Bacon, Bandar Baru, 10 Mei 1876, C.D. Cowan, *Nineteenth Century Malaya*, hlm. 79; *Tanah Melayu Kuruh Kesembilan Belas*, hlm. 108; J. Kennedy, *A History of Malaya*, hlm. 151.

40 *ECCOPE*, 1876, hlm. 2.

Menteri Ngah Ibrahim menurunkan tandatangan dan copnya di atas surat perjanjian yang disediakan oleh Muhammad Ishak. Menteri Ngah Ibrahim dipaksa menurunkan tandatangan dan copnya itu.⁴¹

Dalam mengukuhkan kekuasaan di Larut, Menteri Ngah Ibrahim menjalankan peranan mengelakkan perluasan kuasa Raja Muda Abdullah di Larut. Akibatnya berlaku persaingan di antara mereka berdua. Apabila Raja Muda Abdullah bersama kira-kira dua belas buah perahu dan lebih kurang dua ratus orang belayar ke utara, Menteri Ngah Ibrahim bertanggapan bahawa Raja Muda Abdullah akan ke Kerian dan menetap di sini. Pergeseran Raja Muda Abdullah dengan Ngah Ibrahim telah membawa kepada penglibatan mereka dalam persaingan di antara dua kongsi gelap. Ghee Hin dan Ho Hup Seah dengan Hai San dan Toa Peh Kong yang merebut kawasan perlombongan di Larut. Raja Muda Abdullah menyokong Ghee Hin dan sanggup membelanjakan separuh kos peperangan dan pajakan kawasan timah di Larut. Ngah Ibrahim pula memihak kepada Hai San.⁴²

Pada 16 Safar 1289 (25 April 1872) Munsyi Ibrahim⁴³ dengan perintah C.J. Irving menulis surat kepada Menteri Ngah Ibrahim menjemput beliau datang berjumpa C.J. Irving di Kuala Larut di kapal *Pluto*; atau sebaliknya C.J. Irving akan berjumpa Menteri.⁴⁴ Setelah menerima surat tersebut Menteri Ngah Ibrahim datang bersama dengan sekoci kapten kapal *Pluto* ke kapal *Pluto*. Dalam perjalanan itu datang pula Raja Muda Abdullah ke kapal *Pluto* untuk berjumpa dengan C.J. Irving. Dengan itu Raja Muda Abdullah dan Menteri Ngah Ibrahim datang ke kapal *Pluto* bertemu C.J. Irving. Dalam pertemuan ini Raja Muda Abdullah memaklumkan bahawa dalam kesultanan Perak, Raja Muda sepatutnya dilantik menjadi Sultan.⁴⁵ Kemudian Raja Muda Abdullah dan pengiring turun ke perahu masing-masing meninggalkan kapal *Pluto*. Setelah Raja Muda Abdullah pergi, Menteri Ngah Ibrahim memaklumkan kepada C.J. Irving bahawa Raja Bendahara Ismail dilantik menjadi Sultan Perak

41 C.O. 273/87, "List of Witnesses", kenyataan Muhammad Arshad, Singapura, 2 November 1876. Sebelum bertugas dengan Menteri Ngah Ibrahim, Muhammad Ishak yang boleh bertutor dan menulis dalam bahasa Inggeris berkhidmat di Pejabat Tutuh Jajahan di masa Gabenor Blundell. Disebabkan kesalahan, beliau diadapkan di Mahkamah dan dilapati bersalah; ditukuk penjara selama satu tahun. Pada tahun 1869 beliau dibebaskan dan Menteri Ngah Ibrahim mengangaji beliau bertugas dengan gaji \$30.00 sebulan.

42 C.O. 273/87, "List of Witnesses", kenyataan Muhammad Ishak, Singapura, 2 November 1876. J. Kennedy, *A History of Malaya*, hlm. 51.

43 Muhammad Ibrahim Munsyi ialah anak Abdullah bin Abdul Kadir Munsyi, memegang jawatan Darul Bentara Dalam Johor ketika itu serta dalam pelayaran bersama C.J. Irving, Oditor Besar Negeri Negeri Selat ke Selangor, Perak dan Pahang Pinang pada tahun 1872.

44 Mohd. Fadzi Othman, Suatu Penilaian Kritis Tentang Kisah Pelayaran Muhammad Ibrahim Munsyi Sebagai Sumber Sejarah, Tesis M.A. Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1976, hlm. 186. Muhammad Ibrahim Munsyi, *Kisah Pelayaran Muhammad Ibrahim Munsyi*, hlm. 64-65.

45 Sila lihat pengadilan Raja Muda Abdullah dalam Mohd. Fadzi Othman, Suatu Penilaian Kritis Tentang Kisah Pelayaran Muhammad Ibrahim Munsyi Sebagai Sumber Sejarah, hlm. 188-193.

dipersetujui oleh Orang-Orang Besar Perak. Juga memberi alasan bahawa Raja Muda Abdullah tidak disukai kerana seringkali terlibat dalam pergaduhan dan penghisap candu. Selain daripada itu isterinya telah dilarikan orang.⁴⁶

Langkah Menteri Ngah Ibrahim menyokong Hai San menyebabkan Ghee Hin membakar rumah Menteri Ngah Ibrahim di Pulau Pinang pada 16 September 1872.⁴⁷ Pada Oktober 1872 meletus pertempuran di Larut, di antara See-Kwans (Orang Empat Daerah) dengan Goh Kwans (Orang Lima Daerah). See-Kwans daripada kongsi gelap Ghee Hin dan Goh Kwans daripada Hai San. Dalam pertempuran ini Ghee Hin yang dikalahkan oleh Hai San berundur ke Permatang di Larut. Ketika pertempuran ini, Menteri Ngah Ibrahim membina kubu pertahanan di keliling rumahnya dan dikawal oleh kira-kira seratus orang. Dalam pertempuran ini ramai orang Ghee Hin terbunuh. Kediaman Menteri Ngah Ibrahim dikepong oleh Ghee Hin beberapa hari menyebabkan sepuluh orang polisnya terbunuh. Walaupun Menteri Ngah Ibrahim berjaya berundur ke Bukit Gantang tetapi kubunya ditawan oleh Ghee Hin.⁴⁸ Apabila merasakan kedudukannya terancam, Menteri Ngah Ibrahim berundur ke Pulau Pinang dan membuat perjanjian dengan pemimpin Hai San dan memihak Hai San dalam pertempuran.⁴⁹ Pada awal tahun 1873 Menteri Ngah Ibrahim merasakan tidak aman lagi tinggal di Larut telah berpindah ke kawasan Sungai Kerian. Dalam bulan Februari 1873 beliau mengiktirafkan Raja Muda Abdullah sebagai Sultan dan Sultan Abdullah pula mengiktirafkan Menteri Ngah Ibrahim.⁵⁰

Sementara pertempuran berterusan di Larut, Raja Muda Abdullah, Syahbandar, Laksamana dan Haji Musa (seorang saudagar yang kaya) menyerang Raja Mahkota (Pegawai Darjat Dua) yang dilantik oleh Sultan Ismail memungut cukai di Sungai Durian.⁵¹ Raja Mahkota gagal mengatasi serangan itu menyerah dan kalah. Beliau juga menyerahkan jawatan memungut cukai di sini. Keadaan Larut masih bergolak; Ghee Hin menguatkan kedudukannya di Permatang. Pada Januari 1873, Raja Muda Abdullah bersama-sama

46 Pergaduhan Menteri Ngah Ibrahim, sila lihat Mohd. Fadzai Othman, Suatu Penilaian Kritis Tentang Kisah Pelayaran Muhammad Ibrahim Munshi Sebagai Sumber Sejarah, hlm. 193-195. Muhammad Ibrahim Munshi, *Kisah Pelayaran Muhammad Ibrahim Munshi*, hlm. 67-68. Isteri Raja Muda Abdullah dilarikan oleh Raja Daud, kerabat diraja Selangor.

47 J. Kennedy, *A History of Malaya*, hlm. 147. C.D. Cowan, *Nineteenth Century Malaya*, hlm. 123; *Tamah Melayu Kurun Kesembilan Belas*, hlm. 168.

48 C.O. 273/87, "List of Witnesses", kenyataan Hiji Raja Yatiya, Singapura, 4 November 1876. Wilfred Blythe, *The Impact of Chinese Secret Societies in Malaya*, hlm. 179.

49 Mengenai pertempuran Ghee Hin dan Hai San, sila lihat C.D. Cowan, *Nineteenth Century Malaya*, hlm. 91-101; *Tamah Melayu Kurun Kesembilan Belas*, hlm. 135-137; 154-156; 163-171. P.L. Burns (eds.), *Sweetingham's Malayan Journals 1874-1876*, hlm. XIX. Wilfred Blythe, *The Impact of Chinese Secret Societies in Malaya*, hlm. 176-184. J.F.A. McNair, *Perak and Malaya*, hlm. 353-360.

50 R.O. Winstedt & R.J. Wilkinson, *A History of Perak* (Kuala Lumpur: The Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society, 1974), hlm. 86.

51 C.O. 273/86, "List of Witnesses", kenyataan Nakhoda Trang, 1 September 1876.

Syahbandar, Laksamana dan Raja Idris (sepupu Raja Muda Abdullah) berangkat ke Pulau Pinang. Ketika berada di Pulau Pinang Raja Muda Abdullah telah membuat perjanjian bertulis dengan pemimpin Ghee Hin pada 28 Februari 1873. Raja Muda Abdullah menyatakan sokongannya kepada Ghee Hin; sanggup memajak lombong di Larut kepada mereka dan membayar separuh daripada perbelanjaan perang. Pada 3 April 1873, Raja Muda Abdullah meninggalkan Pulau Pinang, singgah di Kerian memerhatikan perkembangan di Larut. Dikatakan bahawa Raja Yusof juga turut memerhatikan perkembangan di Larut; dan beliau telah pun diakui oleh Sultan Abdullah sebagai Raja Muda. Setelah beberapa bulan pertempuran meletus di Larut, kegiatan perlombongan terbiar, perdagangan dengan Pulau Pinang terganggu; persisiran pantai tidak aman kerana kegiatan rompakan di bawah naungan Ghee Hin dan Hai San. Ketika berada di Kerian, Sultan Abdullah mengutuskan surat kepada Menteri Ngah Ibrahim menjemput datang ke Kerian untuk berunding bagi menamatkan pertempuran di antara Ghee Hin dan Hai San. Menteri Ngah Ibrahim yang seringkali datang ke Kerian menyatakan kepada Sultan Abdullah bahawa beliau akan berusaha menamatkan pertempuran tersebut, tetapi akan memakan sedikit masa.⁵²



Kota Ngah Ibrahim.

⁵² C.O. 273/87, "List of Witnesses", kenyataan Muhammad Ishak, Singapura, 2 November 1876.

Dalam persaingan yang wujud di antara Raja Muda Abdullah dengan Menteri Ngah Ibrahim, kedua-duanya meminta bantuan Lee Kim Ching (berpengaruh di negeri-negeri Melayu dan konsul Siam di Singapura). Raja Muda Abdullah berusaha supaya ia dilantik dan diiktirafkan sebagai Sultan Perak dan Menteri Ngah Ibrahim pula berusaha supaya ia diakui sebagai pemerintah Larut. Lee Kim Ching menyatakan kesanggupannya ke Pulau Pinang untuk menyelesaikan persengketaan di antara Ghee Hin dengan Hai San, dengan syarat Menteri Ngah Ibrahim mengakui Raja Muda Abdullah sebagai Sultan Perak dan menjamin bahagian tertentu hasil Larut kepadanya. Cadangan Lee Kim Ching tidak dapat diterima oleh Menteri Ngah Ibrahim kerana beliau mempunyai cita-cita untuk bebas di Larut. Seiring dengan ini Menteri Ngah Ibrahim mendapatkan perkhidmatan Kapten T.C.S. Speedy⁵³ yang telah bersara daripada jawatan Pesuruhjaya Polis, Pulau Pinang dan beberapa orang sepoi yang didatangkan dari India oleh Kapten Speedy. Ketika Gabenor Negeri-Negeri Selat Sir Harry Ord berada di Pulau Pinang, Menteri Ngah Ibrahim mengajukan surat menyatakan bahawa Hai San yang berhak ke atas kawasan perlombongan; manakala Ghee Hin yang bertanggung jawab ke atas kekacauan di persisiran pantai dan telah di halau dari Perak.⁵⁴ Pada bulan Jun 1873 Menteri Ngah Ibrahim mengambil keputusan mengundurkan diri ke Pulau Pinang. Dalam bulan Oktober 1873 Leftenan Gabenor Pulau Pinang, A.E.H. Anson mengaturkan pertemuan untuk menamatkan permusuhan di antara Ghee Hin dengan Hai San. Pertemuan ini dihadiri oleh Raja Muda Abdullah, Raja Yusof, Menteri Ngah Ibrahim dan Tunku Kudin, Wizurai Selangor. Dalam rundingan ini persetujuan dicapai di mana Menteri Ngah Ibrahim mengiktirafkan Raja Muda Abdullah sebagai Waris yang berhak di atas takhta kerajaan Perak; manakala Raja Muda Abdullah pula akan mengesahkan jajahan Larut sebagai hak Menteri. Walaupun persetujuan dicapai bagi menamatkan permusuhan tersebut tetapi pertempuran masih berlaku di Larut.⁵⁵ Menteri Ngah Ibrahim dan bondanya, masing-masing mengutuskan surat kepada Nakhoda Trang supaya datang ke Pulau Pinang membantu menyelesaikan pertempuran di Larut. Dalam satu pertemuan di Pulau Pinang, Menteri Ngah Ibrahim memaklumkan kepada Nakhoda Trang bahawa beliau telah dihalau dari Larut,

53. Tristram Charles Sawyer Speedy pernah berkhidmat di Abyssinia. Pernah juga bertugas dalam pasukan tentera India. Beliau dilantik sebagai Timbuan Pesuruhjaya Polis Pulau Pinang pada tahun 1872. Pada bulan Julai 1873 beliau meletakkan jawatan dan berkhidmat sebagai Komander pasukan polis Menteri Ngah Ibrahim dan terlibat menyokong Menteri Ngah Ibrahim dan Hai San dalam pertempuran di Larut di antara Ghee Hin dengan Hai San. (K.G. Treaganing, *A History of Modern Malaya*, (Singapore: Eastern Universities Press Ltd., 1964), hlm. 148. J.M. Gullick, "Captain Speedy of Larut", *JMBRAS*, Vol. 28, Pt. 3, 1953. E. Sukka, *The Protected Malay States 1874-1895*, hlm. 65.

54. *ECCHOPE*, 1876, hlm. 2.

55. C.D. Cowan, *Nineteenth Century Malaya*, hlm 119; *Tanah Melayu Kurun Kesembilan Belas*, hlm. 163.

rumah dan hartanya ditawan. Juga meminta Nakhoda Trang mendapatkan bantuan daripada Lee Kim Ching untuk menyelesaikan pergaduhan di Larut. Dengan itu Nakhoda Trang berjumpa Lee Kim Ching dan berangkat ke Singapura. Menteri Ngah Ibrahim mengutuskan surat lagi kepada Nakhoda Trang menyatakan supaya melaporkan perkembangan terhadap keputusan perbincangan di Singapura. Apabila Lee Kim Ching melihat surat ini beliau mengarahkan Nakhoda Trang berangkat ke Pulau Pinang memaklumkan kepada Menteri Ngah Ibrahim bahawa Lee Kim Ching akan berangkat ke Pulau Pinang dan sanggup menyelesaikan pergaduhan Ghee Hin dan Hai San dengan syarat Menteri Ngah Ibrahim sanggup mengiktirafkan Raja Muda Abdullah sebagai Sultan Perak. Nakhoda Trang yang datang ke Pulau Pinang menyatakan cadangan Lee Kim Ching. Cadangan ini tidak diterima oleh Menteri Ngah Ibrahim kerana beliau telah pun mengiktirafkan Raja Bendahara Ismail sebagai Sultan Perak.⁵⁶ Pada 3 September 1873 Gabenor Sir Harry Ord mengiktirafkan Menteri Ngah Ibrahim sebagai pemerintah Larut.⁵⁷ Pada 15 September 1873 rumah kediaman Menteri Ngah Ibrahim di Pulau Pinang diserang oleh Ghee Hin, menyebabkan lima orang mengalami kecederaan dan seorang polis terbunuh.⁵⁸

Gabenor Sir Harry Ord menunjukkan sikap memihak kepada Menteri Ngah Ibrahim dengan menghantar kapal *Midge* dan *Thalia* untuk bertindak dan mententeramkan persisiran pantai. Dengan itu pada 20 September 1873, pasukan di bawah pimpinan Pegawai Laut Kanan Kapten Woolcombe dihantar untuk menjalankan tugas tersebut dan telah berjaya memusnahkan tiga buah jong tempur, dua kubu di Sungai Larut dan kira-kira 4,000 orang di bandar Larut menyerah diri tanpa syarat. Kini keadaan persisiran pantai bebas daripada ancaman Ghee Hin. Pada 22 September 1873 perahu kenaikan Raja Muda Abdullah turut juga ditawan oleh kapal *Midge* dan dibawa ke Pulau Pinang.⁵⁹ Namun begitu Raja Muda Abdullah dibebaskan oleh Leftenan Gabenor Pulau Pinang, A.E.H. Anson. Raja Yusof pula meninggalkan Bukit Gantang, yang kemudiannya diduduki oleh pasukan Kapten Speedy.

Sokongan kepada Menteri Ngah Ibrahim menandakan Sultan Abdullah tidak mempunyai tempat pada Gabenor Sir Harry Ord. Namun begitu Raja Muda Abdullah masih meneruskan usaha mendapatkan bantuan Lee Kim Ching di Singapura. Setelah berjaya

56 C.O. 273-86, "List of Witnesses", kenyataan Nakhoda Trang, Singapura, 1 September 1876.

57 R.O. Winstedt & R.J. Wilkinson, *A History of Perak*, hlm. 88. J. Kennedy, *A History of Malaya*, hlm. 151. R.J. Wilkinson (ed.), *Papers on Malay Subjects*, hlm. 38.

58 R.O. Winstedt & R.J. Wilkinson, *A History of Perak*, hlm. 89.

59 C.O. 273-87, "List of Witnesses", kenyataan Muhammad Ishak, Singapura, 2 November 1876.

mengumpulkan wang sebanyak \$1,000.00 melalui usaha Laksamana, Raja Muda Abdullah dan lima orang pengikutnya berangkat ke Singapura. Rombongan Raja Muda Abdullah tiba di Singapura pada 3 Oktober 1873, disambut dan disediakan kemudahan serta tempat tinggal oleh Lee Kim Ching. Walaupun berada kira-kira dua puluh hari di Singapura, Raja Muda Abdullah tidak diterima berjumpa dengan Gabenor Sir Harry Ord. Dengan nasihat Lee Kim Ching, Raja Muda Abdullah berangkat ke Perak pada 23 Oktober 1873. Raja Muda Abdullah berharap Lee Kim Ching akan berikhtiar supaya British menerimanya sebagai Sultan; sementara itu Raja Muda Abdullah berjanji akan melantik Lee Kim Ching sebagai Pemungut Cukai di Larut selama sepuluh tahun.⁶⁰ Raja Muda Abdullah dalam usahanya untuk menduduki takhta Perak cuba mendapatkan sokongan daripada saudagar-saudagar di Pulau Pinang dan pegawai-pegawai British. Beliau kerap menghubungi pegawai British; malah beliau pernah meminta jasa baik Munsyi Ibrahim memaklumkan kepada C.J. Irving bahawa sekiranya beliau menjadi Sultan, beliau sanggup melayani kehendak British.

Pada 4 November 1873 Sir Andrew Clarke tiba di Singapura memegang jawatan Gabenor Negeri-Negeri Selat menggantikan Sir Harry Ord. Lee Kim Ching mengambil peluang kedatangan Gabenor baru dengan melaporkan tuntutan Raja Muda Abdullah dan meminta Raja Muda Abdullah menulis surat kepada Gabenor Negeri-Negeri Selat supaya menjadi orang tengah dalam penyelesaian persengketaan di antara beliau dengan Menteri Ngah Ibrahim; serta sanggup berlindung di bawah bendera British.⁶¹ Di samping itu Raja Muda Abdullah juga dipengaruhi oleh W.H. Read supaya menulis surat kepada Gabenor Negeri-Negeri Selat.⁶² Gabenor Negeri-Negeri Selat, Sir Andrew Clarke menerima surat Raja Muda Abdullah pada 9 Januari 1874 meminta British campur tangan dalam negeri Perak. Namun begitu jemputan Raja Muda Abdullah ini tidak boleh dirumuskan sebagai permulaan menyebabkan tindakan campur tangan British di Perak. Sir Andrew Clarke telah pun menghantar W.A. Pickering sebelum tarikh ini ke Perak untuk mendapatkan persetujuan daripada kedua-dua kongsi gelap, Ghee Hin dan Hai San bagi menamatkan permusuhan mereka. Begitu juga pada 7 Januari 1874, Sir Andrew Clarke telah menghantar Kapten S. Dunlop dan Mejar McNair, Jurutera Tanah Jajahan ke Perak untuk mengaturkan perdamaian di antara pembesar Perak.⁶³

60. *ECCLYPE*, 1876, hlm. 3; R.O. Wirstedt & R.J. Wilkinson, *A History of Perak*, hlm. 98.

61. *ECCLYPE*, 1876, hlm. 3; Appendix 1, Sultan Abdullah kepada Gabenor Negeri Negeri Selat, 12 Zulkaedah 1290 (2 Januari 1874), hlm. 1.

62. C.D. Cowan, *Nineteenth Century Malaya*, hlm. 180; *Tanah Melayu Kurus Kesembilan Belas*, hlm. 247.

63. Abdullah Zakaria bin Ghazali, "Tentangan Terhadap Pentadbiran British di Perak 1874-1875", *Malaysia Dari Segi Sejarah*, No. 10, 1981, hlm. 103.

Pada 11 Januari 1874 Gabenor Sir Andrew Clarke, Thomas Braddell, Peguam Agung Negeri-Negeri Selat dan rombongan berangkat dari Singapura ke Pulau Pangkor. Di Pulau Pangkor nanti Sir Andrew Clarke akan mengadakan rundingan dengan Orang-Orang Besar Perak termasuk Sultan Ismail, Raja Muda Abdullah, ketua-ketua Ghee Hin dan Hai San. Pada 13 Januari 1874⁶⁴ ketua Ghee Hin dan Hai San dibawa ke Pulau Pangkor dengan kapal api *Fair Malacca*. Perbincangan di antara Ghee Hin dan Hai San ini mencapai persetujuan pada 15 Januari 1874 di mana mereka sanggup memusnahkan kubu-kubu dan meletakkan senjata; melantik suruhannya yang terdiri daripada pegawai British dan dua orang wakil mereka untuk menilai segala tuntutan ganti rugi; segala urusan pentadbiran Larut akan dikendalikan oleh Residen British dan masing-masing mengikat janji sebanyak \$50,000.00 untuk menjamin keamanan dan mematuhi segala syarat perjanjian.⁶⁵

Dalam perbincangan lain pula yang dihadiri oleh Menteri Ngah Ibrahim, Bendahara, Temenggung (Orang Besar Empat); Laksamana, Dato' Sagor dan Syahbandar (Orang Besar Lapan), kecuali Menteri Ngah Ibrahim, semuanya menyokong Raja Muda Abdullah sebagai Sultan Perak. Menteri Ngah Ibrahim menyokong Sultan Ismail.⁶⁶ Dalam pertemuan di antara Menteri Ngah Ibrahim dengan Sir Andrew Clarke di atas kapal *Pluto* pada 16 Januari 1874, Menteri Ngah Ibrahim dipertanggungjawabkan ke atas kekacauan yang berlaku di Larut. Dengan menyatakan bahawa Menteri Ngah Ibrahim adalah seorang yang tidak cekap dan hilang kepercayaan kepadanya, Sir Andrew Clarke menegaskan kepada Menteri Ngah Ibrahim bahawa kerajaan British berhasrat untuk campur tangan di Perak. Walaupun Menteri Ngah Ibrahim menentang hasrat British ini tetapi akhirnya mengambil keputusan bersetuju menerima seorang pegawai British di Larut dan pihak British akan menyelesaikan persengketaan di antara Ghee Hin dengan Hai San dan mengiktirafkan Sultan Perak yang disokong oleh kerajaan British dengan syarat beliau diiktirafkan sebagai pemerintah bebas Larut. Tuntutan pemerintah bebas ini membawa kepada perbincangan yang panjang di antara Menteri Ngah Ibrahim dengan Thomas Braddell. Walaupun Menteri Ngah Ibrahim mengemukakan contoh kejayaan pemerintahan Orang Besar bebas di Johor⁶⁷ tetapi Thomas Braddell menegaskan bahawa Sultan tidak berhak menganugerahkan wilayahnya dan bermakna ini akan mewujudkan sebuah negeri baru yang mempunyai kedaulatan penuh sendiri. Begitu juga panggilan Tengku kepada

64 C.D. Cowan, *Tanah Melayu Kurun Kesembilan Belas*, Ilm. 252.

65 *Ibid.*, ilm. 253.

66 *Ibid.*, ilm. 254.

67 Temenggung Johor adalah pembesar dalam Kerajaan Johor; tetapi Temenggung Seri Maharaja Daeng Ibrahim dan Temenggung Seri Maharaja Che Wan Abu Bakar berjaya memajukan Johor dengan usaha mereka sendiri.

Menteri Ngah Ibrahim adalah tidak layak kerana beliau bukan berdarah raja. Menteri Ngah Ibrahim mengakui bahawa panggilan Tengku adalah tidak layak kepadanya, malah beliau sendiri tidak menggunakan gelaran Tengku di cop mohornya tetapi beliau tetap dengan tuntutan kedaulatannya ke atas Larut. Oleh kerana sikap Menteri Ngah Ibrahim masih menuntut kedaulatan ke atas Larut menyebabkan Thomas Braddell menuduh Menteri Ngah Ibrahim bercita-cita untuk menjadi Sultan. Tuduhan Thomas Braddell ini



Sir Andrew Clarke, Gabenor Negeri-Negeri Setat, 1873-1875.

dinafikan oleh Menteri Ngah Ibrahim. Menteri Ngah Ibrahim yang telah pun menyedari tidak berjaya menegakkan kedaulatannya ke atas Larut dalam pertemuan dengan Gabenor Sir Andrew Clarke pada 16 Januari 1874 yang lalu, apabila hadir dalam pertemuan pada 17 Januari 1874 telah diarahkan duduk bersama-sama dengan pembesar-pembesar lain telah bersetuju menerima Raja Muda Abdullah sebagai Sultan Perak dan Sultan Ismail akan diturunkan daripada takhta kerajaan dan diberi pencen.⁶⁸

Pada 12 Januari 1874, dengan tujuan mewujudkan perjanjian dengan Perak, Sir Andrew Clarke datang ke Pangkor. Ketua Ghee Hin dan Hai San, Raja Muda Abdullah, Bendahara, Laksamana, Syahbandar, Raja Mahkota, Menteri, Temenggung, Dato' Sagor datang ke Pangkor. Sultan Ismail, Raja Yusof dan Maharaja Lela tidak hadir. Setelah berbincang mereka membuat perjanjian mengiktiraf Raja Muda Abdullah sebagai Sultan dan seorang Residen British akan dilantik di Perak. Residen British akan menasihati dalam semua perkara kecuali adat istiadat orang Melayu dan agama Islam. Setelah selesai berunding Sir Andrew Clarke menghantar surat kepada Sultan Ismail menjelaskan segala pencapaian di Pangkor dan meminta baginda menyerahkan alat-alat kebesaran Perak.⁶⁹

Kemudiannya pada 20 Januari 1874 Perjanjian Pangkor ditandatangani di antara Raja Muda Abdullah, Bendahara, Temenggung, Menteri, Syahbandar, Dato' Seri Agar Diraja (Dato' Sagor) dan Raja Mahkota dengan Sir Andrew Clarke. Dato' Seramah Pahlawan tidak menurunkan tandatangan kerana tidak membawa cop bersamanya.⁷⁰ Di antara lain Perjanjian ini menyatakan: Fasal yang pertama, Raja Muda Abdullah menjadi Sultan Perak; fasal yang kedua, Raja Bendahara Ismail digelar Sultan Muda serta mendapat pencen. Dalam fasal yang keempat, Orang Kaya Menteri kekal berkuasa di Larut. Fasal yang keenam, sultan akan menerima seorang Residen yang mana nasihatnya hendaklah dituntut dan mengikutnya dalam segala perkara kecuali agama dan adat-adat Melayu. Fasal yang ketujuh pula, seorang Penolong Residen yang mana kuasanya di bawah Residen British akan dilantik di Larut membantu pentadbiran Larut.⁷¹

68 C.D. Cowan, *Tanah Melayu Kurun Kesembilan Belas*, Ibm, 256-257.

69 *BOCOPE*, 1876, Ibm, 4.

70 C.O. 273/86, "List of Witnesses", kenyataan Haji Husin, Singapura, 27 Ogos 1876.

71 Khoo Kay Kim, "The Pangkor Treaty in Malaya", *Peningguh Sejarah*, Vol. 1, July 1996.

III

MENEGAKKAN MARUAH DAN KEDAULATAN

Walaupun persetujuan dicapai dalam rundingan di Pangkor tetapi terdapat beberapa orang pembesar membuat tentangan ketika menandatangani perjanjian. Bagi Menteri Ngah Ibrahim perjanjian ini akan memberi kesan kepada beliau. Perlantikan Raja Muda Abdullah sebagai Sultan akan hanya mengekalkan beliau sebagai pemerintah di Larut sahaja, dengan elaan yang ditetapkan dan segala hasil tidak lagi di dalam pentadbirannya. Begitu juga dengan Laksamana dan beberapa orang pembesar lain menerima syarat perjanjian dengan hati yang kurang rela. Oleh sebab itu selepas rundingan, Laksamana dan beberapa orang pembesar mengadakan rundingan menyatakan rasa tidak puas hati terhadap syarat-syarat perjanjian dan berikrar akan menentang. Mereka yakin bahawa matlamat Residen adalah untuk campur tangan dalam hal-ehwal Perak, dan ini terbukti dengan tuntutan British ke atas Dinding. Gabenor Negeri-Negeri Selat memaklumkan kepada Sultan Ismail supaya menyerahkan alat-alat kebesaran Perak kepada Sultan Abdullah yang dilantik sebagai Sultan dengan berkuatkuasa Perjanjian Pangkor.¹ Sultan Ismail meminta nasihat Menteri Ngah Ibrahim. Menteri Ngah Ibrahim menasihatkan supaya Sultan Ismail berdalih dan jangan menyerahkan alat-alat kebesaran tersebut. Sekiranya Gabenor mengulangi lagi tuntutan tersebut; Sultan Ismail hendaklah menyatakan bahawa baginda akan pertimbangkan. Walaupun demikian di atas nasihat Haji Raja Yahya yang diarahkan oleh Sultan Ismail menjawab surat Gabenor, surat tersebut tidak dibalas, kerana surat yang dihantar oleh Gabenor itu tidak menggunakan menulis perkataan "Sultan" tetapi "Raja Bendahara" Ismail.² Beberapa hari selepas Sir Andrew Clarke meninggalkan

1. *ECCOPE*, 1876, Appendix no. 111, Gabenor Negeri-Negeri Selat kepada Raja Bendahara Ismail, 20 Januari 1874, hlm. 311.

2. C.O. 273/87, "List of Witnesses", kenyataan Haji Raja Yahya, Singapura, 4 November 1876.

Perak, Sultan Abdullah, Laksamana, Raja Bendahara, Syahbandar, Raja Mahkota, Haji Musa dan Haji Mat Said mengadakan mesyuarat berbincang mengenai isi kandungan Perjanjian Pangkor. Mereka yang hadir menyatakan tidak puas hati. Laksamana pula menyatakan bahawa mereka telah melakukan kesilapan dengan menyerahkan Dinding kepada British dan akan menjalankan langkah untuk menggagalkan perjanjian itu. Sultan Abdullah pula lebih mementingkan cita-citanya untuk menjadi Sultan Perak.³ Laksamana telah mengatur usaha dengan Menteri Ngah Ibrahim untuk memaklumkan kepada Sultan Ismail supaya jangan menyerahkan alat-alat kebesaran Perak. Mereka khuatir dengan penyerahan alat-alat kebesaran akan menyebabkan British memerintah Perak dengan sesuka hati.⁴ Perlantikan Kapten Speedy sebagai Timbalan Residen British di Larut menimbulkan rasa tidak puas hati Menteri Ngah Ibrahim. Kini beliau mentadbir Larut bersama Timbalan Residen British dan mesti mematuhi nasihat yang dikemukakan oleh Timbalan Residen British.⁵

J.W.W. Birch dan Frank Swettenham datang ke Perak pada bulan April 1874 untuk memujuk Sultan Ismail menyerahkan alat-alat kebesaran Perak. Sebelum J.W.W. Birch dan Swettenham tiba di Belanja, Menteri Ngah Ibrahim memaklumkan melalui surat kepada Sultan Ismail bahawa J.W.W. Birch akan datang mengadap Sultan Ismail dan beliau mengharapkan pembesar dihantar untuk menyambut kedatangan J.W.W. Birch. Sultan Ismail juga dinasihatkan supaya menunggu kedatangan Menteri Ngah Ibrahim sebelum mengambil sebarang keputusan. Dengan itu Sultan Ismail meninggalkan Belanja di bawah jagaan Dato' Nara, berangkat ke Air Pulau. Arahan dikeluarkan menyiapkan pengkalan perahu, kerbau dan kambing untuk disembelih. Setelah J.W.W. Birch tiba di Belanja, Sultan Ismail yang berada di Air Pulau bersama-sama Menteri Ngah Ibrahim datang ke Belanja. Dalam rundingan yang diadakan, J.W.W. Birch dan Swettenham cuba mendapatkan kepastian Sultan Ismail mengenai penyerahan alat-alat kebesaran kepada Sultan Abdullah. Sultan Ismail menyatakan bahawa baginda sanggup menyerahkannya kepada Sultan Abdullah. Namun begitu apabila J.W.W. Birch mendesak Sultan Ismail menyerahkan alat-alat kebesaran Perak kepadanya; baginda mendapatkan pandangan daripada Menteri Ngah Ibrahim. Menteri Ngah Ibrahim meminta

³ C.O. 273/86, "List of Witnesses", kenyataan Haji Husin, Singapura, 30 Ogos 1876.

⁴ C.O. 273/86, "List of Witnesses", kenyataan Haji Husin, Singapura, 30 Ogos 1876; Muhammad Ishak, Singapura, 2 November 1876. *Enquiry as to Complicity of Chiefs in the Perak Outrages. Abridgment of Evidence, Arranged under various Heads* (Singapore: Government Printing Office, 1876), kenyataan Haji Husin, hlm. 3. (Seterusnya diringkaskan sebagai *ECP/AEH*, 1876.)

⁵ *ECCOPE*, 1876, Appendix IV. Menteri kepada Sultan Ismail, 8 Muharam 1291 (26 Februari 1874), hlm. iv.



Kapten T.C.S. Speedy, Penolong Residen British Larut, 1874-1876.

penyerahan alat-alat kebesaran ini ditangguhkan untuk beberapa hari. Menteri Ngah Ibrahim menasihatkan Sultan Ismail supaya memaklumkan kepada J.W.W. Birch bahawa baginda akan menyerahkan sendiri alat-alat itu kepada Sultan Abdullah. Menteri Ngah Ibrahim menyatakan bahawa Sultan Abdullah tidak akan berani datang ke Belanja untuk mengambil alat-alat kebesaran itu. Walaupun cadangan ini dibantah oleh Raja Yusuf, supaya menyatakan kepada J.W.W. Birch akan mengadakan mesyuarat terlebih dahulu tetapi Sultan Ismail menerima cadangan Menteri Ngah Ibrahim.⁶ J.W.W. Birch memaklumkan kepada Sultan Ismail bahawa Sultan Abdullah akan datang, tetapi setelah beberapa lama menunggu Sultan Abdullah tidak datang menemui Sultan Ismail.⁷ J.W.W. Birch yang mendapat surat daripada Sultan Ismail menghantar Inspektor Lagis menjemput Sultan Abdullah ke Belanja. Sementara itu J.W.W. Birch juga menyediakan surat untuk ditandatangani oleh Sultan Ismail mengakui akan menyerahkan alat-alat kebesaran apabila beliau dan Sultan Abdullah sampai kelak. Sultan Ismail menolak rancangan J.W.W. Birch ini kerana baginda telahpun memberi janji akan menyerahkan alat-alat kebesaran itu kepada Sultan Abdullah yang akan datang sendiri ke Belanja. Sultan Abdullah tidak datang ke Belanja untuk mendapatkan alat-alat kebesaran.⁸ Rombongan ini gagal, kerana Sultan Ismail, Menteri Larut dan Laksamana tidak puas hati dengan Perjanjian Pangkor. Menteri Larut Ngah Ibrahim telah membayar \$12,000.00 kepada peguamnya, R.C. Woods supaya membawa kes perjanjian Pangkor ke England untuk dibawa ke dalam perbincangan di Parlimen.⁹

Dalam pada itu Menteri Ngah Ibrahim dengan bantuan Nakhoda Trang telah mengendalikan mesyuarat di Kota Belanda, Kuala Sungai Perak. Mereka yang hadir ialah Sultan Abdullah, Menteri Ngah Ibrahim, Laksamana, Syahbandar, Raja Mahkota, Orang Kaya Mat Arshad, Dato' Sagor dan Dato' Mata-Mata. Dalam mesyuarat ini Menteri Ngah Ibrahim cuba mendapatkan surat kuasa yang membolehkan beliau berangkat ke England membawa kes Perjanjian Pangkor ke Parlimen dan segala perbelanjaan adalah tanggungan beliau. Dalam mesyuarat ini Laksamana mengesyorkan supaya Sultan Abdullah memberi surat kuasa memerintah negeri Perak bagi pihak baginda kepada Menteri Ngah Ibrahim. Cadangan ini

6 C.O. 273/87, "List of Witnesses", kenyataan Haji Raja Yahya, Singapura, 4 November 1876.

7 *ECCOPE*, 1876, Appendix no. V, Sultan Ismail kepada Gabenor, 19 Rabi-ul akhir 1291 (5 Jun 1874), hlm. v.

8 C.O. 273/87, "List of Witnesses", kenyataan Haji Raja Yahya, Singapura, 4 November 1876.

9 C.O. 273/86, "List of Witnesses", kenyataan Haji Husin, Singapura, 30 Ogos 1876. *ECCOPE*, 1876, hlm. 4. *ECPQAEH*, 1876, kenyataan Haji Husin, hlm. 3. R.O. Winstedt & R.J. Wilkinson, *A History of Perak*, hlm. 99.



Kota Belanda.

dikemukakan bagi mengelakkan daripada Residen British mengambil kuasa itu daripada Sultan dan kemudian memerintah negeri Perak. Sekiranya diberikan kepada Menteri, beliau boleh mentadbirkan negeri bersama Residen. Walaupun pada mulanya Sultan Abdullah bersetuju, tetapi setelah dinasihati oleh Lee Cheng Tee yang ada di tempat mesyuarat, bahawa penyerahan kuasa akan merugikan Sultan Abdullah maka baginda tidak memperkenankan cadangan tersebut.¹⁰

Dalam satu mesyuarat lain yang dihadiri oleh Menteri Ngah Ibrahim, Temenggung, Raja Yusof, Sultan Ismail, Panglima Kinta, Dato' Nara, Dato' Sedika Raja Syed Muhammad, Maharaja Lela, Tuan

10 C.O. 273-86, "List of Witnesses", kenyataan Nakhoda Trang, Singapura, 1 September 1876; kenyataan Kulup Mat Ros, 19 Julai 1876. *ECPOAEH*, 1876, kenyataan Nakhoda Trang, jlm. 2. C.O. 273-86, William Jervois kepada Earl of Carnarvon, 14 Disember 1876, Enclosure 4, kenyataan Nakhoda Trang, Singapura, 1 September 1876.

Chee (Chik) dari Seberang Perai dan Haji Abu Bakar memutuskan lima ketetapan seperti di bawah:

1. Alat-alat kebesaran tidak akan diserahkan kepada Raja Muda Abdullah.
2. Woods, Haji Abu Bakar dan Raja Yusof mesti berangkat ke England mewakili kes Perjanjian Pangkor.
3. Sekiranya berlaku sebarang kekacauan untuk mendapatkan alat-alat kebesaran, Tuan Chee akan mengetuai orang-orang yang dibekalkan oleh Sultan Ismail dan bertempur.
4. Senjata dan peluru untuk tujuan di atas serta perbelanjaan akan dibiayai oleh Menteri Ngah Ibrahim.
5. Jumlah \$25,000.00 mesti dibayar kepada Woods oleh Menteri Ngah Ibrahim dalam kadar segera.¹¹

Menteri Ngah Ibrahim hadir dalam pertemuan di antara Woods dengan Sultan Ismail yang berlangsung pada 28 Oktober 1874 di mana Sultan Ismail menganugerahkan \$20,000.00 daripada jumlah \$50,000.00 yang dijanjikan untuk berangkat ke England bagi mengemukakan kes Perjanjian Pangkor di Parlimen. Walaupun J.W.W. Birch ada melaporkan bahawa Sultan Abdullah mencurigai Menteri Ngah Ibrahim¹² tetapi persoalannya kenapa dalam pertemuan dengan Sultan Ismail di Belanja pada akhir bulan Disember 1874 Sultan Abdullah mengisytiharkan bahawa Menteri Ngah Ibrahim sedang merangkakan rancangan untuk membatalkan Perjanjian Pangkor. Laksamana mengesyorkan supaya Sultan Abdullah mengeluarkan surat kuasa kepada Menteri Ngah Ibrahim untuk menguruskan hal ini.¹³ Menteri Ngah Ibrahim secara rahsia mengadap Sultan Abdullah menasihati baginda supaya jangan mempercayai J.W.W. Birch dan ini akan dapat membatalkan Perjanjian Pangkor.¹⁴

Pertelingkahan Dengan British

Kira-kira sembilan bulan selepas Perjanjian Pangkor ditandatangani, pada 4 November 1874 J.W.W. Birch, Setiausaha Tanah Jajahan Negeri-Negeri Selat dihantar ke Perak untuk memegang jawatan Residen British Perak. Manakala di Larut pula Kapten T.C.S. Speedy telah dilantik sebagai Timbalan Residen British bagi membantu pentadbiran Menteri Ngah Ibrahim. Kapten T.C.S.

11 ECOPE, 1876, hlm. 5. P.L. Burns (ed.), *The Journals of J.W.W. Birch*, hlm. 130.

12 ECPQAEH, 1876, hlm. 6-7.

13 ECPQAEH, 1876, kenyataan Haji Husin, hlm. 9.

14 ECPQAEH, 1876, hlm. 11.

Speedy adalah bekas Timbalan Pesuruhjaya Polis Pulau Pinang dan berkhidmat di Larut dengan pasukan polis Menteri Ngah Ibrahim pada bulan Julai 1873.¹⁵ Dengan itu pasukan Polis Menteri Ngah Ibrahim diserapkan ke dalam pasukan India di bawah Kapten T.C.S. Speedy.¹⁶ Sebelum perlantikan Kapten Speedy di Larut sebagai Timbalan Residen British, Menteri Ngah Ibrahim telah pun membina jalan raya menghubungkan Kuala Larut dengan kawasan perlombongan yang panjangnya kira-kira 11.3 kilometer dan cabangnya menghubungkan Kota dengan Bukit Gantang.¹⁷ Kini Menteri Ngah Ibrahim tidak diajak berunding dalam hal-ehwal pentadbiran.¹⁸

Sejak perjanjian Pangkor hingga perlantikan Residen, Perak mempunyai dua orang Sultan iaitu Sultan Ismail dan Sultan Abdullah. Pada ketika ini Sultan Ismail mendapat sokongan daripada Bendahara, Temenggung dan Menteri. Sultan Abdullah pula mendapat sokongan daripada Laksamana, Syahbandar dan Raja Mahkota.¹⁹ Pada 7 November 1874, Sultan Abdullah menghantar surat kepada Sultan Ismail yang menyatakan supaya Sultan Ismail datang berunding dengan baginda mengenai kedudukan Perak.²⁰

Sebelum pengenalan peraturan baru oleh British di Perak, para pembesar dianugerahkan kawasan di bawah penjagaan masing-masing dan boleh menjalankan pentadbiran serta pungutan cukai. Pungutan cukai ini menjadi punca pendapat mereka. Raja Bendahara mendapat cukai bertangan. Orang Kaya Temenggung mendapat hasil daripada pajakan garam, wang penebus cupak, gantang, kati dan pikul. Orang Kaya Menteri mendapat hasil dari Larut. Dato' Maharaja Lela mendapat hasil daripada tiap-tiap perahu yang keluar masuk; selain daripada dikecualikan daripada cukai ke atas segala barangan yang dibawanya. Dato' Laksamana mendapat kebenaran membawa keluar bijih timah seratus bahara²¹ setahun tanpa cukai; di samping memegang pinggir laut jajahan Perak. Dato' Syahbandar, selain daripada dikecualikan daripada cukai membawa bijih timah keluar sebanyak lima puluh bahara setahun, ia juga berkuasa ke atas perdagangan yang keluar masuk dan mengatur adat (peraturan) perdagangan. Dato' Panglima Genta (Kinta) berkuasa dari kuala hingga ke hulu Sungai Kinta dan segala hasil yang dipungut menjadi

15 E. Sadka, *The Protected Malay States 1874-1895* (Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1968), hlm. 44.

16 C.D. Cowan, *Tanah Melayu Kurun Kesembilan Belas*, hlm. 297.

17 J. Kennedy, *A History of Malaya*, hlm. 169 "SBLD, 1874", hlm. 14.

18 C.D. Cowan, *Tanah Melayu Kurun Kesembilan Belas*, hlm. 298.

19 M.A. Mallal, J.W.W. Birch: Causes of his assassination, M.A. Thesis, University of Malaya, Singapore, 1952, hlm. 15.

20 *ECCOPE*, 1876, Appendix no. XI, Sultan Abdullah kepada Raja Bendahara, 27 Ramadan 1291 (5 November 1875), hlm. x. M.A. Mallal, J.W.W. Birch: Causes of His Assassination, "Appendix", Sultan Abdullah kepada Raja Bendahara, 27 Ramadan 1291 (5 November 1875), hlm. 224-25. Surat ini sepatutnya bertarikh 7 November 1874 dan bukan 5 November 1875.

21 Satu bahara bersamaan 400 paun.

kepunyaannya. Dato' Serika Raja di Sungai Temung dan segala kutipan cukai menjadi haknya. Dato' Panglima Bukit Gantang berkuasa di Sungai Lima dan juga Sungai Larut dan segala pungutan cukai menjadi miliknya. Dato' Seri Agar Diraja (Dato' Sagor) mendapat hasil daripada tiap-tiap perahu yang keluar masuk dan dikecualikan daripada cukai ke atas segala barangan yang dibawanya. Imam Paduka Tuan mendapat hasil daripada pungutan zakat, fitrah, sedekah kematian dan kahwin.²²

Apabila datang ke Perak J.W.W. Birch melaksanakan beberapa peraturan baru yang mana bercanggah dengan amalan tempatan dan malah menggugat kedudukan Sultan Abdullah dan para pembesar Perak. Apabila J.W.W. Birch mencadangkan perubahan dalam kutipan cukai, sistem kewangan dan perlembagaan telah membangkitkan rasa tidak puas hati di kalangan pembesar Perak.²³

J.W.W. Birch, yang tiba di Perak pada 4 November 1874, bermalam di Kota Belanda, telah cuba mendapatkan penjelasan mengenai kuasa pungutan cukai daripada Lee Cheng Tee di Sungai Perak. Lee Cheng Tee menyatakan bahawa beliau membuat perjanjian pajakan dengan Syahbandar. Pajakan ini dibuat oleh Sultan Abdullah melalui Syahbandar memajakkan Kuala Perak selama sepuluh tahun dengan kadar \$26,000.00 setahun.²⁴ J.W.W. Birch menyatakan bahawa pajakan ini tidak sah dan meminta Lee Cheng Tee mengemukakan permohonan baru dalam tender nanti. Beberapa hari setelah bertemu dengan Sultan Abdullah, Raja Mahkota, Syahbandar, Dato' Mata-Mata di Batak Rabbit, J.W.W. Birch datang ke Durian Sebatang. Di sini beliau menyatakan kepada Menteri Ngah Ibrahim bahawa beberapa rancangan yang akan dijalankan masa depan. Beliau juga menyatakan bahawa kedatangannya adalah selaku Pesuruhjaya untuk menyelesaikan masalah sempadan Dinding dengan Kerian; membentuk pajakan candu; segala pungutan cukai di setiap sungai hendaklah dilakukan oleh pegawai kerajaan; menubuhkan polis; perjalanan pentadbiran dilakukan oleh Penghulu dan Dato'-Dato' dan Ketua Hakim hendaklah dilantik bagi memastikan keadilan dan mengurangkan jenayah dan menghapuskan pungutan cukai haram.²⁵ Cadangan ini hanya disetujui oleh Sultan Abdullah pada 24 Disember 1874.²⁶

Setelah empat hari berada di Perak, pada 8 November 1874 J.W.W. Birch membuat catatan negatif mengenai Sultan Abdullah.

²² Muhammad Ibrahim Munshi, *Kisah Pelayaran Muhammad Ibrahim Munshi*, hlm. 74. Lihat juga Mohd. Fadzil Othman, Satu Penilaian Kritis Tentang Kisah Pelayaran Muhammad Ibrahim Munshi Sebagai Sumber Sejarah, hlm. 215-216.

²³ C.O. 273/86, Robert Meade kepada Herbert, 23 Januari 1876.

²⁴ C.O. 273/87, "List of Witnesses", kenyataan D. Orville, Kota Setia, 21 Jun 1876. *ECCOPE*, 1876, hlm. 5.

²⁵ *ECCOPE*, 1876, hlm. 5.

²⁶ M.A. Mallal, J.W.W. Birch: Causes of his assassination, hlm. 89.

Beliau mencatatkan bahawa Sultan Abdullah adalah seorang bodoh dan perghisap candu.²⁷ J.W.W. Birch memudiki sungai hingga ke Kuala Kangsar untuk menemui pembesar-pembesar di sini bagi menghebahkan bahawa Perjanjian Pangkor telah disahkan oleh Raja Inggeris dan beliau ingin mengaturkan pertemuan persahabatan di antara Sultan Ismail dengan Raja Yusof. J.W.W. Birch diberi layanan yang baik oleh Sultan Ismail, Maharaja Lela, Bendahara dan Seri Maharaja Lela. Pada 16 November 1874 Sir Andrew Clarke menulis surat kepada J.W.W. Birch menyatakan supaya jangan mempedulikan alat-alat kebesaran sekiranya gagal mendapatkannya.²⁸ Pada 21 November 1874, ketika menghilir sungai, J.W.W. Birch berbincang secara sulit dengan Sultan Ismail dan Raja Yusof. Kedua-duanya menyatakan kesediaan berjumpa dengan Sultan Abdullah; mengakuinya sebagai Sultan dan menandatangani Perjanjian Pangkor. Pada 25 November 1874, J.W.W. Birch ke Batak Rabit. Walaupun J.W.W. Birch yakin para pembesar berkerjasama dengannya tetapi mereka sebenarnya menentang J.W.W. Birch. Dalam Mesyuarat yang diadakan di Durian Sebatang pembesar melahirkan rasa tidak puas hati terhadap segala racangan yang dikemukakan oleh J.W.W. Birch. Keputusan juga dicapai akan memaklumkan kepada Sultan Ismail supaya jangan menurunkan tandatangan ke atas Perjanjian Pangkor; jangan menyerahkan alat-alat kebesaran kerana langkah ini akan menguatkan lagi kedudukan J.W.W. Birch dan beliau nanti akan bertindak lebih luas lagi di Perak.²⁹

Walaupun Menteri Ngah Ibrahim masih mendapat pendapatan tetap daripada hasil tahunan Larut tetapi Penolong Residen British, Kapten Speedy menjalankan pentadbiran tanpa mempedulikan beliau. Kini pendapatannya telah merosot; hutang bertambah akibat pertempuran yang berlaku di Larut. Kapten Speedy pula sebelum ini bertugas sebagai Ketua Polis Larut dan dibayar gaji oleh Menteri Ngah Ibrahim. Perkara ini menyebabkan Menteri Ngah Ibrahim menyokong gerakan Sultan Abdullah menentang British.³⁰ Menteri Ngah Ibrahim ada menyatakan kepada J.W.W. Birch bahawa beliau tidak memahami isi kandungan Perjanjian Pangkor ketika menandatangani Perjanjian tersebut. J.W.W. Birch mengisfatkan Menteri Ngah Ibrahim berbohong.³¹

Menteri Ngah Ibrahim hadir dalam pertemuan dengan J.W.W. Birch di Durian Sebatang. Di sini J.W.W. Birch menerangkan akan

27 *ECCOPE*, 1876, hlm. 5.

28 M.A. Mallal, *J.W.W. Birch: Causes of his assassination*, hlm. 29.

29 *ECCOPE*, 1876, hlm. 6.

30 J. Kennedy, *A History of Malaya*, hlm. 169-170; E. Sadka, *The Protected Malay States 1874-1895*, hlm. 69.

31 P.L. Burns (ed.), *The Journals of J.W.W. Birch*, hlm. 131.



J.W.W. Birch

melaksanakan beberapa pengenalan baru dalam pentadbiran: membentuk pajakan candu; segala pungutan cukai di setiap sungai hanya akan dilakukan oleh pegawai kerajaan; menubuhkan pasukan polis; penghulu dan dato'-dato' akan dilantik untuk menguruskan pentadbiran supaya tidak berlaku penyelewengan, menghapuskan jenayah dan pungutan cukai oleh pembesar.³² Pada awal November 1874 Menteri Ngah Ibrahim hadir dalam satu mesyuarat yang dihadiri oleh Sultan Abdullah, Laksamana, Syahbandar, Dato' Sagor, Raja Mahkota dan Orang Kaya Mat Arshad. Dalam mesyuarat ini mereka menentang hasrat J.W.W. Birch untuk menghapuskan tugas pembesar memungut cukai. Sultan Abdullah bersetuju tidak akan membenarkan J.W.W. Birch menjalankan perubahan tersebut. Dengan itu Menteri Ngah Ibrahim meminta surat kuasa untuk membolehkan beliau berangkat ke Pulau Pinang bagi menghubungi peguam untuk membatalkan Perjanjian Pangkor.³³

Pada 9 Disember 1874, J.W.W. Birch mengarahkan membakar rumah Raja Ngah, Tengku Panglima Raja³⁴ saudara Sultan Ismail kerana memungut cukai di Bidor. Padahal kawasan ini adalah anugerah Sultan Ismail kepadanya. J.W.W. Birch juga mengarahkan penangkapan ke atas Tuan Chik dan Haji Abu Bakar, pengikut Sultan Ismail.³⁵ Walaupun Sultan Abdullah menerima cadangan J.W.W. Birch pada 24 Disember 1874, tetapi baginda dan pembesar Perak tidak menaruh keyakinan kepada J.W.W. Birch. Baginda telah menetapkan supaya Sultan Ismail tidak menyerahkan alat-alat kebesaran kepada J.W.W. Birch. Sultan Abdullah pernah dinasihati oleh Menteri Ngah Ibrahim yang datang mengadap baginda pada 30 Disember 1874 di Bota supaya berhati-hati kerana beliau sendiri telah kehilangan kuasa akibat perlantikan Kapten Speedy sebagai Timbalan Residen di Larut. Menteri Ngah Ibrahim juga menyatakan kemungkinan pada suatu hari nanti J.W.W. Birch akan membawa ramai lagi orang Eropah bertugas di Perak.³⁶

Langkah J.W.W. Birch memperkenalkan perubahan dalam kutipan cukai, perlembagaan dan sistem kewangan menimbulkan rasa tidak puas hati pembesar Perak.³⁷ Dalam usaha mendapatkan wang, J.W.W. Birch memusatkan pungutan cukai dan diletakkan di bawah kelolaan pegawai Eropah. Pegawai-pegawai yang dilantik oleh Residen sebagai wakil Sultan sahaja yang sah dan boleh memungut cukai.³⁸ Barang siapa memungut cukai mereka akan

32 *ECDOPE*, 1875, hlm. 5.

33 *ECPOAEB*, 1876, kenyataan Haji Husin, hlm. 3.

34 P.L. Burns (ed.), *The Journals of J.W.W. Birch*, hlm. 301.

35 M.A. Mallai, *J.W.W. Birch: Causes of his assassination*, hlm. 91.

36 *Ibid.*, hlm. 90.

37 C.O. 273/86, Robert Meade kepada Herbert, 23 Januari 1876.

38 M.A. Mallai, 'Appendix', Proclamation, 9 April 1875, hlm. 220.

didenda. J.W.W. Birch pula dalam melaksanakan peraturan baru di Perak mendapat restu daripada Gabenor Negeri-Negeri Selat.³⁹ Pengisytiharan juga dilaksanakan di mana penyusunan semula akan dilakukan ke atas sistem cukai senjata, padi; perahu, memotong atap, pernyataan pajak candu, arak dan judi dan kebenaran mengusahakan kayu balak.⁴⁰ Pada 3 dan 10 Februari 1875 J.W.W. Birch meminta Sultan Abdullah menandatangani surat pengisytiharan tetapi ditolak oleh baginda dengan alasan menunggu pakaian seragamnya.⁴¹ Oleh kerana adanya tekanan ini menyebabkan Sultan Abdullah menulis surat kepada Raja Yusof menjemputnya datang ke Hilir Perak untuk berbincang mengenai masalah negeri Perak.⁴² Walaupun pakaian seragam dibawa pada 20 Mac 1875 Sultan Abdullah masih menolak dan menjelaskan bahawa baginda ingin bebas daripada kawalan Residen British.⁴³ Sultan Abdullah telah menyerahkan pajak candu dan judi kepada Raja Ngah dan mengarahkan Raja Musa membunuh Yusuf, kerani J.W.W. Birch. Sikap mengenenipkan nasihat Residen British ini menyebabkan J.W.W. Birch memberi amaran kepada Sultan Abdullah. Sultan Abdullah tidak mengendahkan teguran tersebut.

Pada 21 Mac 1875 J.W.W. Birch sekali lagi meminta Sultan Abdullah menandatangani surat pengisytiharan, tetapi ditolak oleh Sultan Abdullah dengan alasan baginda perlu berbincang dengan pembesar-pembesar dalam mesyuarat. J.W.W. Birch dalam suatu mesyuarat dengan pembesar yang berlangsung di Kuala Kinta menyatakan bahawa beliau berhasrat untuk melaksanakan peraturan dan perubahan dalam kerajaan Perak.⁴⁴

Pada 25 Mac 1875, bersama-sama dengan Penghulu Mat Ali Kurau dan Muhammad Ishak, Menteri Ngah Ibrahim berangkat ke Durian Sebatang dengan kapal *Fair Tonka* yang disewa untuk mengambil keluarganya di sana kerana beliau mendapat berita bahawa kekacauan akan berlaku.⁴⁵ Pada 26 Mac 1875 Menteri Ngah Ibrahim menghadiri mesyuarat yang berlangsung di Rumah Cukai, di Kuala Kinta di antara pukul 11.00 pagi hingga 4.00 petang. Mesyuarat ini dihadiri juga oleh Sultan Abdullah, Laksamana, Syahbandar, Dato' Sagor dan Orang Kaya Mat Arshad. Pembesar dan Sultan Abdullah yang hadir dalam mesyuarat ini mengambil keputusan tidak akan menyerahkan kuasa pungenan cukai di Kuala Kinta, Kuala Bidor dan Batang Padang kepada J.W.W. Birch. Sultan Abdullah pula memberi

39 M.A. Mallal, "Appendix", T. Braddell kepada J.W.W. Birch, 12 Februari 1875, hlm. 226.

40 C.D. Cowan, *Tanah Melayu Kurun Kesembilan Belas*, hlm. 302.

41 M.A. Mallal, J.W.W. Birch: Causes of his assassination, hlm. 94.

42 M.A. Mallal, "Appendix", Sultan Abdullah kepada Raja Bendahara, 19 Mac 1875, hlm. 227.

43 M.A. Mallal, J.W.W. Birch: Causes of his assassination, hlm. 94.

44 *Ibid.*, hlm. 96.

45 C.O. 273/87, "List of Witnesses", kenyataan Muhammad Ishak, Singapura, 2 November 1875.

kuasa kepada Syahbandar, Dato' Sagor dan Orang Kaya Mat Arshad mewakili baginda untuk membincangkan segala hal-ehwal yang berkaitan dengan negeri Perak. Keputusan mesyuarat ini dilaporkan oleh Sultan Abdullah dalam surat baginda yang bertarikh 27 Mac 1875 kepada J.W.W. Birch.⁴⁶ J.W.W. Birch tidak mengiktirafkan keputusan ini. Dalam mesyuarat tersebut Menteri Ngah Ibrahim dan Laksamana tidak bersetuju menyerahkan kuasa pungutan cukai kepada J.W.W. Birch.⁴⁷ Selepas perbincangan tersebut Menteri Ngah Ibrahim datang ke perahunya meminta keraninya, Muhammad Hashim menulis surat kuasa daripada Sultan Abdullah bagi membolehkan beliau berunding dengan J.W.W. Birch. Surat ini dibawa oleh Menteri Ngah Ibrahim kepada Sultan Abdullah untuk mendapatkan tandatangan dan cop.⁴⁸ Pada 27 Mac 1875 Menteri Ngah Ibrahim datang ke Durian Sebatang mengambil isteri dan keluarganya untuk dibawa pulang ke Larut.⁴⁹ Ketika berada di Durian Sebatang, Menteri Ngah Ibrahim berbincang dengan Laksamana mengenai kedegilan J.W.W. Birch enggan menerima nasihat. Oleh kerana kedegilan inilah Menteri Ngah Ibrahim ingin mendapat kuasa penuh daripada Sultan Abdullah untuk berunding dengan J.W.W. Birch. Laksamana menyatakan kepada Menteri Ngah Ibrahim bahawa beliau akan berusaha berunding dengan Sultan Abdullah untuk mendapatkan kuasa tersebut. Pada 29 Mac 1875 Menteri Ngah Ibrahim bersama keluarga dan pengikutnya, kira-kira tiga puluh orang pulang ke Larut.⁵⁰ Menteri Ngah Ibrahim dilaporkan telah membuat keputusan bersama Sultan Ismail dan Raja Yusof untuk menyertai pakatan menentang British. Malah Menteri Ngah Ibrahim telah pun bersiap sedia dengan pengikut, peluru dan senjata.⁵¹

Peraturan baru memperkemas pembukaan kawasan perlombongan dan tanah pertanian diperkenalkan.⁵² Jawatan Penghulu yang dahulunya berdasarkan warisan dan tauliah Sultan kini dipilih dan tanpa tauliah Sultan.⁵³ Balai-balai polis pula dibina. Menjelang 2 April 1875 beberapa buah balai polis dibina di Kota Setia, Beruas, Kuala Kurau, Durian Sebatang, Bidor, Tanjung Piandang, Trong, Kota Lumut dan Kuala Kangsar. Pembinaan balai polis

46 *Enquiry as to Complicity of Chiefs in the Perak Outrages*, (Singapore: Government Printing Press, 1876), hlm. 8/9, 25 (seterusnya diringkaskan sebagai *ECPOAEH*, 1876). M.A. Mallal, J.W.W. Birch: Causes of his assassination, hlm. 95.

47 *ECPOAEH*, 1876, kenyataan Haji Husin, hlm. 12; kenyataan Mat Ros, hlm. 14.

48 C.O. 273/87, "List of Witnesses", kenyataan Muhammad Ishak, Singapura, 2 November 1875.

49 *ECPOAEH*, 1876, kenyataan Mat Ros, hlm. 14; kenyataan Penghulu Mat Ali, hlm. 15; kenyataan kerani Ishak, hlm. 14.

50 C.O. 273/87, "List of Witnesses", kenyataan Muhammad Ishak, Singapura, 2 November 1876.

51 *ECPOAEH*, 1876, kenyataan Edward Bacon, hlm. 32. Laporan ini dibuat oleh Penghulu Deli, Kota Lama kepada Sargan Muhammad Tahir.

52 M.A. Mallal, J.W.W. Birch: Causes of his assassination, hlm. 129.

53 *Ibid.*, hlm. 136.



Sultan Abdullah ibn Sultan Jaafar, 1874-1876.

menyebabkan lahirnya saingan kuasa di kalangan penghulu dengan balai polis. Di samping itu beberapa cukai tertentu diperkenalkan dengan alasan untuk memperkembangkan pentadbiran dan menambahkan hasil negeri. Perahu nelayan yang boleh membawa tiga orang di dalamnya dan perahu menangkap ikan dikenakan cukai sebanyak 50 sen. Perahu dagang dan tongkang pula dikenakan cukai sebanyak \$1.00 tiap-tiap sebuah.⁵⁴ Jika sekiranya ada yang melanggar peraturan ini akan dikenakan denda tidak melebihi \$20.00 dan perahu-perahu tersebut akan dirampas. Arahan juga dikeluarkan di mana segala perahu dagang hendaklah berlabuh di Kuala Perak, Kuala Kurau, Kuala Larut dan Kuala Bernam.⁵⁵

Setelah menyedari cadangannya tidak dihiraukan oleh pembesar Perak, J.W.W. Birch dalam pertemuannya dengan Sultan Abdullah pada 24 April 1875 menyatakan bahawa akan bertindak tegas dan Sultan Abdullah mesti menurunkan cop kebenaran bagi menguruskan segala hal yang berkaitan dengan hasil. Sultan Abdullah mengemukakan bantahan terhadap cadangan dan pengenalan peraturan baru di Perak pada bulan Mei 1875.⁵⁶ Malah Sultan Abdullah telah mengingatkan J.W.W. Birch supaya merujuk kepada baginda dan pembesar-pembesarnya yang berkuasa di dalam jajahan masing-masing. Oleh kerana J.W.W. Birch tidak menghiraukan amaran Sultan Abdullah ini dan sebaliknya pula memberi amaran kepada Sultan Abdullah supaya berdiam diri dan mematuhi arahan daripada Residen British telah menyebabkan bertambah runcingnya lagi hubungan kedua-dua belah pihak.⁵⁷ Sebagai langkah membantah sikap J.W.W. Birch ini Sultan Abdullah menghantar wakilnya yang terdiri daripada Raja Idris, Laksamana dan Mat Arshad ke Singapura dalam bulan Mei 1875 menemui Gabenor Negeri-Negeri Selat, Sir Andrew Clarke bagi menegur langkah yang dilakukan oleh J.W.W. Birch. Sir Andrew Clarke bukan sahaja tidak melayankan bantahan Sultan Abdullah malah menegur Sultan Abdullah supaya mematuhi nasihat yang dikemukakan oleh Residen British. Pada 12 Mei 1875, Haji Ali, penyokong Sultan Ismail melaporkan kepada J.W.W. Birch bahawa Menteri Ngah Ibrahim mengoyakkan surat pengisytiharan Sir Andrew Clarke di Larut dan menasihatkan Sultan Abdullah bertindak seperti yang.⁵⁸ Apabila J.W.W. Birch meminta Sultan Abdullah menurunkan tandatangan pada 24 Mei 1875, baginda menolak.⁵⁹ Dalam bulan Jun 1875 Sultan Abdullah diberi amaran akan

54 M.A. Mallal, "Appendix", Notice regarding tongkangs, sampans and fishing-boats, hlm. 236.

55 M.A. Mallal, "Appendix", Notice regarding Port Duties, hlm. 238.

56 C.O. 273-80, Robert Meade kepada Herbert, 23 Januari 1876.

57 M.A. Mallal, J.W.W. Birch: Causes of his assassination, hlm. 95.

58 ECOPE, 1876, hlm. 11.

diturunkan dari takhta kerajaan.⁶⁰

Pada 8 Julai 1875, Menteri Ngah Ibrahim mengajukan surat kepada Lebai Muhammad Said, kerani Raja Bendahara, memaklumkan bahawa segala pungutan cukai di hulu akan diberhentikan dan hanya sebuah pusat memungut cukai akan dibina di Kuala Sungai bagi memungut segala cukai. Perubahan ini akan dikuatkuasakan pada 1 Ogos 1875. Semua pungutan cukai, termasuk hasil kelamin akan dikendalikan oleh Residen British. Sekiranya mengingkari, J.W.W. Birch akan menurunkan Sultan dan akan meletakkan Sultan yang mematuhi perubahan. Juga Menteri Ngah Ibrahim mengingatkan Lebai Muhammad Said memberitahu Raja Bendahara bahawa beliau akan hadir di Sayung pada 8 Jamadil Akhir 1292 (11 Julai 1875).⁶¹

Dalam bulan Julai 1875 J.W.W. Birch sekali lagi meminta Sultan Abdullah menandatangani surat pengisytiharan tetapi ditolak juga oleh Sultan Abdullah. Kali ini J.W.W. Birch mendapatkan bantuan Tan Kim Cheng supaya mempengaruhi Sultan Abdullah.⁶² J.W.W. Birch memberi tempuh kepada Sultan Abdullah untuk menurunkan tandatangan tersebut sehingga 20 Julai 1875. Pada 20 Julai 1875 Sultan Abdullah masih tidak lagi menandatangani surat pengisytiharan tersebut; malah pada 21 Julai 1875 baginda para pembesar Perak bermesyuarat di Durian Sebatang untuk memutuskan tindakan ke atas J.W.W. Birch. Dalam mesyuarat ini semua yang hadir, Sultan Abdullah, pembesar Perak atau wakil bersetuju menghapuskan J.W.W. Birch. Pada 24 Julai 1875, Sultan Abdullah menandatangani tiga pengisytiharan iaitu: melantik Laksamana sebagai Pesuruhjaya bagi menyelesaikan masalah sempadan Kerian; melantik Residen British dan Raja Idris sebagai hakim dan memberi kuasa kepada Residen British dan Syahbandar menghapuskan dan menguat kuasakan cukai dan melucutkan jawatan semua penghulu.⁶³ Namun begitu dalam surat pengisytiharan tersebut Sultan Abdullah tidak menurunkan Cop Mohor baginda.⁶⁴

Kemudiannya J.W.W. Birch melibatkan diri dalam soal perhambaan, yang mana ia adalah suatu institusi halal dan menjadi kebanggaan pembesar pada ketika itu.⁶⁵ Juga bermakna J.W.W.

⁵⁹ M.A. Mallal, J.W.W. Birch: Causes of his assassination, hlm. 97.

⁶⁰ E. Sadka, *The Protected Malay States 1874-1895*, hlm. 84.

⁶¹ EDOUPE, 1876. Appendix no. XXX, Menteri Larut kepada Lebai Muhammad Said, 5 Jamadil Akhir 1292 (8 Julai 1875), hlm. XXI. (9 Julai 1875).

⁶² M.A. Mallal, J.W.W. Birch: Causes of his assassination, hlm. 100.

⁶³ C.D. Cowan, *Tawah Melayu Kurun Kesembilan Belas*, hlm. 105. E. Sadka, *The Protected Malay States 1874-1895*, hlm. 84, menyatakan bahawa dengan pengaruh Tan Kim Cheng Sultan Abdullah menurunkan tandatangan pada 25 Julai 1875.

⁶⁴ M.A. Mallal, J.W.W. Birch: Causes of his assassination, hlm. 100.

⁶⁵ E. Sadka, *The Protected Malay States 1874-1895*, hlm. 85.

Birch terlibat dalam hal yang ditegah dalam Perjanjian Pangkor. Dalam soal perhambaan ini, seringkali dinyatakan bahawa J.W.W. Birch bersimpati dengan hamba dan ingin membebaskan mereka daripada belenggu kesengsaraan. Namun dalam soal ini beberapa perkara boleh dibangkitkan: misalnya kebanyakan hamba yang dilindungi oleh J.W.W. Birch di kediamanannya di Bandar Baru adalah wanita. Dengan itu membangkitkan prasangka moral terhadap kejujuran J.W.W. Birch. Tambahan pula pernah pada suatu ketika J.W.W. Birch telah menyeludup seorang perempuan Melayu yang diberikan pakaian Cina di dalam perahunya ke Pulau Pangkor.⁶⁶ Pembesar-pembesar Melayu juga bertanggapan bahawa perlindungan hamba wanita di kediaman J.W.W. Birch di Bandar Baru adalah untuk dijadikan wanita simpanan kepada polisinya.⁶⁷

Pada 21 Julai 1875 mesyuarat diadakan di Durian Sebatang untuk mengambil tindakan ke atas J.W.W. Birch. Dalam mesyuarat ini Menteri diwakili oleh Penghulu Mat Ali. Mesyuarat ini dihadiri juga oleh Sultan Abdullah, Raja Idris, Kundah Muhammad (wakil Bendahara dan Seri Maharaja Lela), Wan Husin (wakil Temenggung), Laksamana, Maharaja Lela, Dato' Sagor, Syahbandar, Orang Kaya Mat Arshad, Raja Ahmad, Raja Musa, Mat Ros, Haji Idris, Tuk Muda Rapa, Haji Yasin, Haji Daud, Haji Ali, Haji Daud,⁶⁸ Pak Taib dan Raja Mahkota.⁶⁹ Raja Yusof tidak hadir dalam mesyuarat ini.⁷⁰ Semua yang hadir berjabat salam dan mengangkat sumpah tidak akan mungkir dengan keputusan yang akan dicapai.⁷¹ Penghulu Mat Ali diberi kuasa penuh oleh Menteri Ngah Ibrahim mewakili beliau dalam mesyuarat pakatan menentang British. Menteri Ngah Ibrahim menghantar surat kepada Sultan Abdullah dan Laksamana menyatakan bahawa Penghulu Mat Ali adalah wakil beliau.⁷² Penghulu Mat Ali datang ke Durian Sebatang bersama Imam Kampung Kurau Haji Omar, Husin dan Haji Sulaiman.⁷³ Dalam mesyuarat ini mereka mencapai keputusan untuk membunuh J.W.W. Birch. Sementara itu Laksamana mengesyorkan menghantar surat kepada Sultan Ismail supaya mengadakan mesyuarat bagi

66. Khoo Kay Kim, "J.W.W. Birch: A Victorian Novelist in Perak's Auger Stable?", *JHSUM*, V., 1965-66, hlm. 37.

67. E. Sadka, *The Protected Malay States 1874-1895*, hlm. 86.

68. Berbeza dengan Haji Daud sebelum ini.


69. C.O. 273-86, William Jervois kepada Carnarvon, 14 Disember 1876, terlampir, "Enquiry as to complicity of Chiefs in the Perak Outrages. Abridgement of Evidence. Arranged under various Heads", Government Printing Press, Singapore, 1876, (seterusnya diringkaskan sebagai C.O. 273-86, "ECPOAEH"), kenyataan Haji Husin, R.O. Winstedt & R.J. Wilkinson, *A History of Perak*, hlm. 110.

70. C.O. 273-86, Robert Meade kepada Herbert, 29 Januari 1876.

71. C.O. 273-86, "ECPOAEH", kenyataan Mat Rouse [Ros].

72. *ECPOAEH*, 1876, kenyataan Penghulu Mat Ali, hlm. 15. C.O. 273-86, William Jervois kepada Earl of Carnarvon, 14 Disember 1876, enclosure 4, kenyataan Penghulu Mat Ali, Singapura, 22 Ogos 1876.

73. C.O. 273-86, William Jervois kepada Earl of Carnarvon, 14 Disember 1876, enclosure 4, kenyataan Penghulu Mat Ali, Singapura, 22 Ogos 1876.



Menunjukkan Tempat-Tempat di Sungai Perak.

melancarkan serangan dari hulu.⁷⁴ Sultan Abdullah memberi kuasa membunuh J.W.W. Birch.⁷⁵

Penghulu Mat Ali pulang ke Larut melaporkan keputusan mesyuarat di Durian Sebatang kepada Menteri Ngah Ibrahim. Kemudiannya Penghulu Mat Ali didatangi oleh Uda Tuk Yeop, utusan Sultan Abdullah bersama-sama kira-kira 20 orang membawa 200 senapang. Uda Tuk Yeop mengesyorkan Penghulu Mat Ali berjumpa Menteri Ngah Ibrahim mendapatkan wang bagi membeli peluru. Penghulu Mat Ali datang berjumpa Menteri Ngah Ibrahim di Bukit

⁷⁴ C.O. 273/86, "ECPOAEAH", kenyataan Haji Husin.

⁷⁵ C.O. 273/86, "List of Witnesses", kenyataan Kulip Mat Ros, Bandar Baru, 29 Julai 1876; "Appendix B", surat kuasa Sultan Abdullah membenarkan membunuh J.W.W. Birch.

Gantang. Menteri Ngah Ibrahim memberi wang sebanyak \$1,000.00 kepada Penghulu Mat Ali untuk membeli peluru dan bekalan. Penghulu Mat Ali memberi wang sebanyak \$300.00 kepada anak saudaranya Encik Dyan dan mengarahkan beliau ke Pulau Pinang untuk membeli bahan letupan dan bekalan. Kira-kira seminggu kemudian Encik Dyan pulang membawa 15 atau 20 tong bahan letupan (*gunpowder*), satu koyan beras dan satu pikul plumbum (*lead*) untuk membuat peluru.⁷⁶

Sultan Ismail berbincang dengan Menteri Ngah Ibrahim, Laksamana dan Dato' Nara mengenai keputusan mesyuarat di Durian Sebatang. Sultan Ismail dan Menteri Ngah Ibrahim bersetuju dengan keputusan tersebut dan mengesyorkan supaya ia dijalankan dengan segera.⁷⁷ Menteri Ngah Ibrahim diperintahkan oleh Sultan Ismail supaya mengumpulkan para pembesar di hulu dan bertindak menghantar bantuan sebaik sahaja mendapat berita yang menyatakan bahawa Maharaja Lela telah melancarkan gerakan. Seiringan dengan itu Menteri Ngah Ibrahim juga hendaklah memaklumkan kepada penduduk di Kuala Kangsar supaya menyerang tentera sepoi yang ada di situ.⁷⁸ Dalam satu mesyuarat yang diadakan di antara Sultan Ismail dengan Gabenor di balai Sultan Ismail, Menteri Ngah Ibrahim, Laksamana dan Maharaja Lela menentang cadangan Gabenor supaya Perak ditadbirkan oleh British.⁷⁹

Percubaan meracuni dan bermain hantu untuk menghapuskan J.W.W. Birch tidak berjaya. Upacara bermain hantu diadakan di Batak Rabbit pada 24-26 Ogos 1876. Turut hadir dalam upacara ini ialah Sultan Abdullah, Syahbandar, Laksamana, Raja Idris, Raja Kechil Muda, Syed Masahor, Raja Ahmad, Dato' Sagor dan Orang Kaya Mat Arshad. Upacara ini dilakukan oleh bomoh diraja, Raja Kechil Muda dan puteranya Raja Ahmad.⁸⁰ Pada malam 24 dan 25 Ogos 1876 upacara ini khas mengubati putera Sultan Abdullah yang gering, tetapi pada malam 26 Ogos 1876 upacara ini khas untuk membunuh J.W.W. Birch.⁸¹

Menteri Ngah Ibrahim seringkali menasihati Sultan Abdullah supaya memusuhi J.W.W. Birch.⁸² Misalnya Menteri Ngah Ibrahim

76 C.O. 273/86, "List of Witnesses", kenyataan Penghulu Mat Ali, Singapura, 22 Ogos 1876. *ECCOPE*, 1876, hlm. 15. C.O. 273/86, William Jervois kepada Earl of Carnarvon, 14 Disember 1876, enclosure 4, kenyataan Penghulu Mat Ali, Singapura, 22 Ogos 1876.

77 C.O. 273/87, "List of Witnesses", kenyataan Haji Raja Yahya, Singapura, 7 Ogos 1876. *ECFOAEH*, 1876, kenyataan Raja Yahya, hlm. 55-56. *ECCOPE*, 1876, hlm. 19.

78 *ECCOPE*, 1876, hlm. 20.

79 *Ibid*.

80 Mervyn Llewelyn Wynne, *Triad and Tabut*, (Singapore: Government Printing Press, 1941), hlm. 312.

81 C.O. 273/86, "List of Witnesses", kenyataan Mat Ros, 22 Julai 1876; kenyataan Pandak Indut, Bandar Baru, 5 Julai 1876; kenyataan Long Mahmud, Bandar Baru, 4 Julai 1876; kenyataan Mat, Bandar Baru, 11 Julai 1876. *ECCPO*, 1876, hlm. 32.

82 *ECFOAEH*, 1876, kenyataan Haji Husin, hlm. 24.

menegaskan bahawa adalah salah bagi Sultan Abdullah mengikuti nasihat J.W.W. Birch kerana kedudukannya adalah seperti seorang Dato' sahaja.⁸³ Menteri Ngah Ibrahim memaklumkan kepada Maharaja Lela supaya jangan mematuhi arahan J.W.W. Birch.⁸⁴ Menteri Ngah Ibrahim berjanji dalam surat bercop mohor bersama-sama Sultan Ismail, Maharaja Lela dan Laksamana sanggup menerima sebarang nasib yang akan menimpa mereka.⁸⁵ Menteri Ngah Ibrahim juga terlibat dalam pakatan mengadakan mesyuarat pembesar-pembesar hulu bersama dengan Sultan Abdullah di Sayung selepas hari raya. Masing-masing yang hadir dalam mesyuarat itu menyatakan akan hadir dalam mesyuarat yang akan diadakan berikutnya.⁸⁶

Menteri Ngah Ibrahim dilaporkan menyebarkan berita bahawa beliau berjaya mengalahkan Gabenor dengan cara diplomasi. Begitu juga dengan pengikut-pengikutnya mengatakan bahawa Menteri Ngah Ibrahim boleh memecat Kapten Speedy sekiranya beliau mahu dan akan berangkat ke Constantinople atau England untuk membincangkan mengenai hal Perak.⁸⁷ Menteri Ngah Ibrahim hadir dalam mesyuarat yang diadakan di balai Sultan Ismail pada bulan September 1875. Mereka lain yang hadir ialah Sultan Ismail, Maharaja Lela, Panglima Perang Semaun, Dato' Sagor, Panglima Kinta, Seri Maharaja Lela dan Raja Yusuf. Mesyuarat ini diadakan untuk merancang menentang British.⁸⁸ Dalam pertemuan di antara Gabenor dengan pembesar Perak di Belanja pada bulan Oktober 1875, Gabenor gagal mendapatkan tandatangan menyatakan persetujuan meletakkan pentadbiran Perak di bawah Raja Inggeris. Begitu juga dengan Sultan Abdullah, menyatakan tidak bersetuju untuk meletakkan Perak di bawah pentadbiran Raja Inggeris. Baginda menyatakan bahawa Perjanjian Pangkor meletakkan kedudukan Residen British di bawah baginda. Sultan Abdullah tidak akan menyerahkan Perak kerana tindakan itu akan memalukan pembesar Perak dan juga akan dikutuk oleh rakyat Perak.⁸⁹

Kemudiannya J.W.W. Birch meminta lagi Sultan Abdullah mendandatangani surat pengisytiharan yang mengakui kekuasaan British di Perak. Oleh kerana Sultan Abdullah menolak, J.W.W. Birch menggunakan paksaan dengan menunjukkan surat Sir William Jervois, Gabenor Negeri-Negeri Selat yang menggantikan Sir Andrew

⁸³ C.D. Cowan, *Tanah Melayu Kurun Kesembilan Belas*, hlm. 303.

⁸⁴ ECPOAEH, 1876, kenyataan kerani Ishak, hlm. 42.

⁸⁵ ECPOAEH, 1876, kenyataan Syed Masahor, hlm. 49.

⁸⁶ ECPOAEH, 1876, kenyataan Haji Ali, hlm. 37.

⁸⁷ P.L. Burns & C.D. Cowan (eds.), *Swettenham's Malayan Journals 1874-1876*, hlm. 303.

⁸⁸ ECPOAEH, 1876, kenyataan Se Gondah, hlm. 58.

⁸⁹ C.O. 273-87, "List of Witnesses", kenyataan Muhammad Ishak, Singapura, 2 November 1876, terlampir memo: Muhammad Ishak, 26 Oktober 1876.

Clarke yang menyatakan tawaran takhta kerajaan kepada Raja Yusof.⁹⁰ Pada 2 Oktober 1875 Sultan Abdullah menurunkan tandatangan di atas surat pengisytiharan yang memberikan kuasa kepada pegawai British di Perak sebagai hakim dan boleh menjatuhkan hukuman ke atas kes jenayah, boleh melantik pengadil-pengadil mahkamah, pegawai British boleh mewakili Sultan memungut dan mentadbirkan hasil dalam negeri dan British boleh melantik Dato'-Dato' dan Penghulu mentadbir di dalam negeri Perak.⁹¹

Pada 15 Oktober 1875 Jervois mengeluarkan pengisytiharan bahawa kerajaan British telah menentukan untuk mentadbir kerajaan Perak dengan nama Sultan dan pentadbiran nanti akan dijalankan oleh Pesuruhjaya dan Timbalan Pesuruhjaya. Pengisytiharan ini memarahkan Sultan Ismail kerana ini bertentangan dengan syarat Perjanjian Pangkor.⁹² Wujudnya tentangan ini menandakan kegagalan Jervois mempengaruhi pembesar Perak. Menyedari adanya tentangan ini Jervois mengarahkan komander tentera laut Selat Melaka bergerak ke Batak Rabbit dan membantu J.W.W. Birch jika perlu. Beliau tidak ada keyakinan lagi untuk berunding dengan Sultan Abdullah, melainkan membuat kepastian bahawa setiap keputusan hendaklah tegas.⁹³

Peristiwa di Pasir Salak

J.W.W. Birch, setelah mendapat tandatangan Sultan Abdullah pada 2 Oktober 1875 telah mencetak pengisytiharan itu untuk disebarkan di Perak. Setelah mendapat surat pengisytiharan tersebut, J.W.W. Birch berangkat ke hilir Perak untuk menyebarkannya di Durian Sebatang, Batak Rabbit dan Kota Setia. Frank Swettenham pula diarahkan menyebarkan pengisytiharan ini di hulu Perak.⁹⁴ J.W.W. Birch berangkat ke hilir Perak pada 1 November 1875, pukul 5.00 petang dengan *Perahu Naga* dan diiringi oleh Leftenan Abbott, Mat Arshad, jurubahasanya dan sepuluh orang sepoi. Rombongannya tiba di Pasir Salak pada hari yang sama, di antara pukul 10.00-11.00 malam. Ketika hampir berangkat J.W.W. Birch menyatakan bahawa sekiranya Dato' Maharaja Lela ingin menentang, beliau akan menembak Dato' Maharaja Lela.⁹⁵

90 C.H. Cowan: *Tanah Melayu Kurian Kesembilan Belas*, hlm. 315.

91 M.A. Mallal, "Appendix", Draft Proclamation appointing the British Resident and others to be Sultan's representative, hlm. 225. E. Sadka, *The Protected Malay States 1874-1895*, hlm. 84.

92 M.A. Mallal, J.W.W. Birch: Causes of his assassination, hlm. 22-23.

93 Ibid., hlm. 21-25.

94 C.O. 273-87, "List of Witnesses", kenyataan Frank Swettenham, Bandar Baru, 18 Julai 1876. P.L. Burns & C.D. Cowan, *Swettenham's Malayan Journals 1874-1876*, hlm. 315-316.

95 C.O. 273-86, William Jervois kepada Carnarvon, 14 Disember 1876, terlampir "Enquiry as to complicity of chief in the Perak outrages: Precis of Evidence, Government Printing Press, Singapore, 1876", (seterusnya diringkaskan sebagai C.O. 273-86, "EXCPO").

Di Pasir Salak pula, tiga hari sebelum keberangkatan rombongan J.W.W. Birch, Dato' Maharaja Lela mengadakan mesyuarat di rumahnya. Di antara mereka yang hadir dalam mesyuarat ini ialah Si Njan, Si Gondik, Si Milan, Pandak Indut, Tuk Bodoh, Panjang Bur, Ngah Jabur, Si Tuah, Kulup Ali (Che Ali), Tuk Lela Putera, Maharaja Serama, Che Lahab, Odah Makan dan Kulup Batin. Dalam mesyuarat ini Dato' Maharaja Lela menganugerahkan baju, tengkolok dan pedang kepada Pandak Indut sebagai wakil beliau dalam rancangan membunuh J.W.W. Birch nanti.⁹⁶

J.W.W. Birch tiba di Pasir Salak pada 1 November 1875. Pada 2 November 1875 Mat Arshad diperintahkan oleh J.W.W. Birch memaklumkan kepada Maharaja Lela mengenai kedatangan beliau untuk melekatkan surat pengisytiharan. Dengan itu Mat Arshad datang menemui Dato' Maharaja Lela.⁹⁷ Dato' Maharaja Lela tidak membenarkan Mat Arshad menemuinya dan melekatkan surat pengisytiharan tersebut. Selain itu Dato' Maharaja Lela menyatakan Pasir Salak bukan negeri J.W.W. Birch dan beliau akan membunuh J.W.W. Birch sekiranya ia masih berkeras ingin melekatkan surat pengisytiharan itu.⁹⁸ Kemudiannya Dato' Maharaja Lela mengarahkan Seputum membunuh J.W.W. Birch. Sekiranya ingkar beliau akan dibunuh.⁹⁹

Walaupun sudah diberi amaran oleh Dato' Maharaja Lela, J.W.W. Birch masih mengarahkan Mat Arshad dan orang-orangnya melekatkan surat pengisytiharan di sebuah kedai emas Cina di situ. Orang Melayu yang sudah pun berada di situ mengoyakan surat pengisytiharan itu. Mat Arshad terus melekatkannya serta merayu supaya jangan mengoyakkannya pengisytiharan tersebut. Kemudiannya berlaku pertengkaran di antara orang Melayu yang berkumpul di situ dengan Mat Arshad. Mat Arshad akhirnya ditikam,¹⁰⁰ lari ke dalam air untuk menaikki perahu naga tetapi sekali lagi ditetak oleh Seputum di bahagian kepala dan terus mati.¹⁰¹ Ketika ini J.W.W. Birch sedang berada di rumah mandi, di tepi sungai. Sambil melaungkan bahawa J.W.W. Birch sedang mandi dan supaya mengikuti beliau membunuh J.W.W. Birch di tempat mandi, Pandak Indut merejami lembing ke arah J.W.W. Birch. Kemudiannya diikuti oleh Kulup Ali (Che Ali), Ngah Jabur dan Panjang Bur. Akibat daripada tikaman lembing ini J.W.W. Birch jatuh

96 C.O. 273/90, "TMMB", kenyataan Pikai (isteri Seputum), 18 Disember 1876; kenyataan Si Gondah, 15 Disember 1876; kenyataan Raja Din Marewah, 16 Disember 1876.

97 C.O. 273/90, "TMMB", kenyataan Hamid, 14 Disember 1876; kenyataan Sudin, 15 Disember 1876; kenyataan Si Gondah, 15 Disember 1876; kenyataan Koh Ah Yong, 16 Disember 1876.

98 C.O. 273/90, "TMMB", kenyataan Abu, 16 Disember 1876.

99 C.O. 273/86, "ECPOAEAH", kenyataan Seekye (Pikai, isteri Seputum). Pikai pula dimaklumkan oleh Seputum.

100 C.O. 273/86, "ECCPO".

101 C.O. 273/90, "TMMB", kenyataan Hamid, 14 Disember 1876; kenyataan Mat Tahir, 15 Disember 1876.

ke dalam sungai. Apabila timbul semula di belakang rumah mandi, beliau ditikam lagi oleh Si Tuah dan ditetak dua kali oleh Seputum. J.W.W. Birch tenggelam dihanyuti oleh arus sungai.¹⁰² Dalam kejadian ini seorang sepoi dan pendayung terbunuh. Mereka yang mengalami kecederaan ialah Dollah dan seorang sepoi.¹⁰³ Manakala Ngah Jabur mengambil barang-barang seperti peti, kerusi dan senjata dari *Perahu Naga* dan membawa semua barang tersebut ke balai runiah Dato' Maharaja Lela. Seterusnya Dato' Maharaja Lela mengarahkan Dato' Sagor memaklumkan kepada Sultan Abdullah dan Laksamana mengenai kematian J.W.W. Birch.¹⁰⁴ Mayat J.W.W. Birch dijumpai oleh Dein Patundo, anak Raja Dein kira-kira 182.9 meter (200 ela) dari tempat kejadian.¹⁰⁵

Menteri Ngah Ibrahim yang mendapat berita pembunuhan J.W.W. Birch memaklumkan kepada Penghulu Mat Ali dan mengarahkan beliau melancarkan serangan ke atas Kota Setia. Surat arahan Menteri Ngah Ibrahim dibawa oleh Yeob Ahmad. Perahu yang akan melancarkan serangan ke atas Kota Setia akan dikendalikan oleh Penghulu Mat Ali, Long Khamis, Haji Sulaiman, Haji Omar dan Majid. Tiap-tiap perahu ini akan dinaikiki oleh kira-kira 15 atau 16 orang, dibekalkan dengan lela, senapang dan peluru. Rancangan serangan yang terdiri daripada kira-kira 200 orang dibatalkan kerana pasukan British telah pun berada di Kurau.¹⁰⁶

Menghadapi Tindak Balas British

Ketika pembunuhan J.W.W. Birch, pasukan tentera di bawah Leftenan Abbott berburu di Kampung Gajah, seberang Pasir Salak.¹⁰⁷ Kematian J.W.W. Birch menggemparkan Kerajaan Negeri-

102 C.O. 273.90, "TMMB", kenyataan Raja Din Marewah, 16 Disember 1876; kenyataan Koh Ah Yong, 16 Disember 1876; kenyataan Khoo Ah Chui, 16 Disember 1876; kenyataan Alang Nor, 16 Disember 1876; kenyataan Che Omar, 20 Disember 1876. C.O. 273.86, "ECCPO", kenyataan Si Gondah dan Seputum, C.O. 273.90, Swettenham kepada Setiausaha Jajahan Negeri Negeri Selat, 18 Disember 1875, Abdullah Zakaria bin Ghazali, "Pembunuhan J.W.W. Birch: Suatu Kajian Tentang Pembunuhannya", *JEBAT*, Bd. 9, 1979/80. R.J. Wilkinson, *Papers on Malay Subjects*, hlm. 116. C.D. Cowan, *Tanah Melayu Kurun Kesembilan Belas*, hlm. 321. *Nineteenth Century Malaya*, hlm. 234. Chai Hon-Chai, *The Development of British Malaya 1896-1909*, (Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1967), hlm. 11. W.S. Morgan, *Kesah Tanah Melayu*, (Singapore: The Malaya Publishing House Ltd., 1947), hlm. 100. R.O. Winstedt, *Malaya and its History*, (London: Hutchinson University Library, 1969), hlm. 68; *Malaya, the Straits Settlements and the Federated and Unfederated Malay States*, (London: 1932), hlm. 148. J. Kennedy, *A History of Malaya*, hlm. 176. Donald Moore, *The Magic Dragon*, (Granada Publishing Limited, 1975), hlm. 140. J.F. McNair, *Perak and the Malays*, hlm. 370. F. Swettenham, *Malay Sketches*, (London: 1895), hlm. 242. W.R. Roff, *Stories and Sketches by Sir Frank Swettenham*, (Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1967), hlm. 83-84. C.N. Parkinson, *British Intervention in Malaya 1867-1877*, hlm. 238. R.O. Winstedt and R.J. Wilkinson, *A History of Perak*, hlm. 114.

103 C.O. 273.86, "ECCPO".

104 C.O. 273.90, "TMMB", kenyataan Allong Nhor (Alang Nor), 18 Disember 1876.

105 C.O. 273.90, Swettenham kepada Setiausaha Jajahan Negeri Negeri Selat, 18 November 1875.

106 C.O. 273.86, "List of Witnesses", kenyataan Penghulu Mat Ali, Singapura, 22 Ogos 1876. C.O. 273.86, William Jervois kepada Earl of Carnarvon, 14 Disember 1876, enclosure 4, kenyataan Penghulu Mat Ali, Singapura, 22 Ogos 1876. C.N. Parkinson, *British Intervention in Malaya 1867-1877*, hlm. 304.

107 C.O. 273.81, William Jervois kepada Carnarvon, 18 Disember 1875. C.O. 273.81, William Jervois kepada Earl of Carnarvon, 4 November 1875, enclosure 6. A.E.H. Atson kepada Gabenor, 4 November 1875.

Negeri Selat dan Jabatan Tanah Jajahan di London. Berita kematian J.W.W. Birch dilaporkan kepada Leftenan Gabenor A.E.H. Anson di Pulau Pinang, yang kemudiannya memanjangkan berita ini kepada Gabenor Negeri-Negeri Selat Sir William Jervois. Setelah mendapat berita ini Sir William Jervois meminta bantuan dari London, Hong Kong dan India.

Pada 4 November 1875, Kapal api *Pluto* dihantar ke Batak Rabbit di bawah Kapten Welner. Pada pagi 5 November 1875, kapal api *Pluto* tiba di Durian Sebatang bersama Kapten Innes yang dilantik sebagai Pemangku Pesuruhjaya Perak; 60 orang dari pasukan regimen ke-10, Leftenan Booth dan Elliot; 30 orang polis di bawah C.B. Plunket, Penguasa Polis Pulau Pinang dan Kynerley sebagai jurubahasa.¹⁰⁸ Kapten Innes menghantar wakil mengadap Sultan Abdullah supaya turut sama memberi bantuan di Bandar Baru. Sultan Abdullah meminta maaf tidak dapat berbuat demikian kerana ditekah oleh Swettenham. Kapten Innes bersama pasukannya mudik ke Bandar Baru. Pada 16 November 1875, 300 orang tentera regimen ke-80 bersama Mejar Jeneral F. Colborne yang datang dari Hong Kong tiba di Singapura. Kemudiannya pasukan ini bergerak ke Perak. Pada 26 November 1875, pasukan bantuan dari India di bawah pimpinan Brigedier Jeneral J. Ross bersama Mejar Mark Heathcote, Mejar H.L. Hawkins, Leftenan J.J. Preston, Mejar Twigge dan Kapten A.R. Badcock bersama 600 orang tentera regimen ke-3 dan 400 orang pasukan Gurkha sampai di Pulau Pinang. Pasukan ini mendarat di Pulau Pinang pada 27 November 1875, kemudiannya berangkat ke Perak pada 3 Disember 1875.

Tentera British yang berada di Perak dibahagikan kepada dua pasukan, iaitu pasukan Selatan di bawah pimpinan Mejar Jeneral Colborne bersama 240 orang askar, 70 laskar dengan 80 buah perahu bergerak ke utara pada 8 Disember 1875. Sementara itu pasukan Utara pula menuju ke Kuala Kangsar di bawah pimpinan Brigedier Jeneral J. Ross. Pasukan British berjaya mengatasi gerakan tentangan orang Melayu. Dato' Sagor menyerah diri dan ditahan pada Jun 1876.¹⁰⁹ Berikutnya Dato' Maharaja Lela dan Pandak Indut pula menyerah diri pada bulan Julai 1876.¹¹⁰ Begitu juga, Seputum ditangkap. Sultan Ismail yang datang berunding di Kedah diserahkan oleh Sultan Kedah kepada A.E.H. Anson di Pulau Pinang.¹¹¹

108 C.O. 273/81. William Jervois kepada Earl of Carnarvon, 4 November 1875, enclosure 4, A.E.H. Anson kepada Gabenor, 3 November 1875.

109 EOCPO, 1876, hlm. 72-73.

110 *Triad and Tabut*, hlm. 329. Dalam tulisan Abdullah Zakaria bin Ghazali, "Tertangan Terhadap Pentadbiran British di Perak 1874-1875", hlm. 114, mencatatkan bahawa Dato' Sagor ditangkap pada bulan Mac 1876 dan Maharaja Lela, Ngah Jabor dan Pandak Indut datang menyerah diri pada 20 Jun 1876.

111 *Triad and Tabut*, hlm. 329.

IV

PEMBUANGAN KE PULAU SEYCHELLES

Seputum telah dibicarakan pada bulan Mac 1876. Beliau didapati bersalah dan dijatuhkan hukuman gantung sampai mati dan dijalankan di Bandar Baru pada 20 Mei 1876. Gabenor Negeri-Negeri Selat Sir William Jervois mengeluarkan arahan menjalankan penyiasatan ke atas Sultan Ismail, Maharaja Lela dan Dato' Sagor untuk mengenal pasti sama ada mereka adalah Pelaku, Pesubahat atau Penghasut membawa kepada terbunuhnya J.W.W. Birch.¹

Kerajaan membentuk Suruhanjaya Penyiasat di antara bulan Jun dengan Julai 1876 dan dihantar ke Perak. Siasatan dijalankan ke atas Sultan Abdullah, Sultan Ismail, Menteri Ngah Ibrahim, Laksamana dan Syahbandar. Sultan Ismail, Sultan Abdullah, Laksamana dan Syahbandar dibawa dan ditahan di Singapura. Apabila Sultan Ismail dan Maharaja Lela menyerah diri, Gabenor Negeri-Negeri Selat Sir William Jervois menghantar surat kepada Sultan Abdullah pada 10 Ogos 1876 meminta baginda bersama-sama Laksamana, Syahbandar, Raja Mahkota dan Orang Kaya Mat Arshad datang ke Singapura untuk memberi kenyataan tentang gerakan tentangan yang berlaku di Perak. Keberangkatan ke Singapura akan diuruskan oleh J.G. Davidson, Residen British Perak.²

Pada 9 Disember 1876, Majlis Mesyuarat Kerja, yang terdiri daripada Gabenor Sir William Jervois, Pegawai Pemerintah Tentara Kolonel McLeod, Pemangku Hakim Pulau Pinang, Hakim Ford; Setiausaha Kerajaan Negeri-Negeri Selat, J. Douglas; Peguam Agung Thomas Braddell, Bendahari, Willan dan Juruodit Besar, C.J. Irving, bersidang membincangkan kes Sultan Abdullah dan pembesar Perak. Majlis memutuskan bahawa keamanan tidak akan dapat dipulihkan selagi Menteri Ngah Ibrahim, Laksamana dan Syahbandar berada

1 G.O. 273/86, William Jervois kepada Carnarvon, 14 Disember 1876, enclosure 1, John Douglas kepada Pajil, 25 Mac 1876.

2 G.O. 273/86, Sir William Jervois kepada Earl of Carnarvon, 14 Disember 1876, enclosure 2, Sir William Jervois kepada Sultan Abdullah, 10 Ogos 1876.

di Perak. Majlis memperakukan mereka yang terlibat dalam pakatan gerakan menentang British di Perak yang membawa kepada pembunuhan J.W.W. Birch dibuang negeri ke kawasan tanah jajahan British. Dengan itu Majlis memperakukan Menteri Ngah Ibrahim dan Laksamana dibuang ke Pulau Seychelles.³

William Jervois dalam suratnya bertarikh 14 Disember 1876 kepada Earl of Carnarvon di Jabatan Tanah Jajahan, London menyatakan bahawa Menteri Ngah Ibrahim tidak dipanggil ke Singapura bersama-sama dengan Sultan Abdullah dan pembesar lain kerana tidak mempunyai bukti-bukti yang lengkap dan kongkrit mengenai penglibatannya. Suruhanjaya Penyiasat memperakukan supaya Sultan Abdullah, Menteri Ngah Ibrahim, Laksamana dan Syahbandar dibuang negeri. Apabila Laksamana, Menteri Ngah Ibrahim dan Syahbandar dibuang negeri, pembesar-pembesar Perak yang lain seperti Orang Kaya Mat Arshad, Raja Idris dan Raja Mahkota yang diperakukan pulang ke Perak akan setia.⁴

Pada 14 Disember hingga 22 Disember 1876, perbicaraan dijalankan ke atas Dato' Maharaja Lela, Dato' Sagor, Pandak Indut, Panjang Bur, Kulup Ali (Che Ali), Si Tuah dan Ngah Jabor. Perbicaraan ini dihakimkan oleh Raja Muda Yusof dan Raja Alang Husin. Dalam keputusan mahkamah pada 22 Disember 1876, mereka yang dituduh didapati bersalah bersabit dengan pembunuhan J.W.W. Birch dan dijatuhkan hukuman gantung sampai mati.⁵ Sir William Jervois kemudiannya meminta J.G. Davidson memujuk Raja Muda Yusof supaya mengubah keputusan mahkamah, menjatuhkan hukuman gantung sampai mati kepada Dato' Maharaja Lela, Dato' Sagor dan Pandak Indut. Manakala Kulup Ali, Si Tuah, Ngah Jabur dan Panjang Bur dijatuhkan hukuman penjara seumur hidup.⁶ Dato' Maharaja Lela, Dato' Sagor dan Pandak Indut digantung sampai mati di kawasan berhampiran dengan bangunan kerajaan di Larut pada 20 Januari 1877.⁷

Pada 26 Mac 1877 (11 Rabil-ul-akhir 1294) Menteri Ngah Ibrahim menerima surat yang dihantar oleh John Douglas, Setiausaha Tanah Jajahan Negeri-Negeri Selat di Singapura melalui Frank Swettenham menyampaikan perintah Gabenor supaya datang ke Singapura. Dengan itu beliau berangkat ke Singapura dengan

³ C.O. 273/86, Sir William Jervois kepada Earl of Carnarvon, 14 Disember 1876, enclosure 11, minit mesyuarat, 9 Disember 1876.

⁴ C.O. 273/86, Sir William Jervois kepada Earl of Carnarvon, 14 Disember 1876.

⁵ C.O. 273/90, "TMMB", keputusan mahkamah, 22 Disember 1876.

⁶ C.O. 273/90, "TMMB", enclosure 8, Setiausaha Jajahan kepada J.G. Davidson, 8 Januari 1877; C.O. 273/90, "TMMB", William Jervois kepada Carnarvon, 1 Februari 1877; J.G. Davidson kepada Setiausaha Jajahan, 19 Januari 1877. Lihat juga C.O. 273/86, Sir William Jervois kepada Carnarvon, 14 Disember 1877; C.O. 273/85, Robert Meade kepada Carnarvon, 23 Disember 1877.

⁷ C.O. 273/90, J.G. Davidson kepada Setiausaha Jajahan, 20 Januari 1877; William Jervois kepada Carnarvon, 1 Februari 1877.

kapal api *Pluto* dan tiba di Singapura pada pukul 6.30 petang, 28 Mac 1877. Menteri Ngah Ibrahim ditahan di Tanjung Pagar. Pada kira-kira pukul 8.00 malam Frank Swettenham datang ke tempat tahanan dan memaklumkan bahawa Menteri Ngah Ibrahim akan ditahan di sini. Pada 29 Mac 1877, kira-kira pukul 4.00 petang Frank Swettenham dan J. Douglas datang memaklumkan kepada Menteri Ngah Ibrahim bahawa di atas perintah Raja Inggeris beliau tidak dibenarkan pulang ke Larut. Frank Swettenham dan J. Douglas tidak memberi sebarang alasan mengenai penahanan tersebut. Ketika dalam tahanan Menteri Ngah Ibrahim tidak menerima sebarang pertolongan atau bantuan guaman. Oleh kerana layanan begini, Menteri Ngah Ibrahim menghantar surat rayuan bertarikh 11 Jun 1877 kepada Kolonel A.E.H. Anson, pemangku Gabenor Negeri-Negeri Selat menyatakan bahawa British tidak bersikap adil ke atasnya.⁸

Walaupun Menteri Ngah Ibrahim terlibat dalam gerakan menentang British yang membawa kepada pembunuhan J.W.W. Birch tetapi kekecekkannya menyebabkan segala tindakan beliau tidak menampakan kekejaman. Namun begitu Gabenor W.F. Robinson, pengganti Sir William Jervois berpendapat bahawa Menteri Ngah Ibrahim adalah seorang yang pintar dan merbahaya daripada senarai nama Orang Besar Perak dan terlibat dalam pakataan yang membawa kepada pembunuhan J.W.W. Birch. Beliau adalah pengatur dan penyibar semangat perjuangan dalam gerakan menentang British di Perak pada tahun 1874-1876. Dengan itu Gabenor W.F. Robinson bersetuju bahawa Menteri Ngah Ibrahim dikenakan hukuman.⁹

Menteri Ngah Ibrahim dicatatkan sebagai seorang tokoh yang secara terbuka menyuarakan tentangan terhadap Perjanjian Pangkor yang ditandatangani pada 20 Januari 1874 dan berkerjasama dengan Sultan Abdullah dan Sultan Ismail untuk membatalkan Perjanjian tersebut. Pada bulan April 1875 Menteri Ngah Ibrahim mengarahkan penduduk supaya tidak membekalkan makanan kepada J.W.W. Birch dan Frank Swettenham di Belanja. Menteri Ngah Ibrahim juga dicatatkan pernah mengatakan supaya Orang Puteh meninggalkan Perak. Selain itu Menteri Ngah Ibrahim bersama-sama Laksamana mempengaruhi Sultan Ismail supaya jangan menyerahkan alat-alat kebesaran kepada Sultan Abdullah. Dalam mesyuarat di Kota Belanda pada bulan Oktober 1874 bersama-sama Orang Besar Perak, Menteri Ngah Ibrahim menegaskan supaya membatalkan Perjanjian Pangkor. Ketika dalam perjalanan ke Belanja, Menteri Ngah Ibrahim menasihati Sultan Abdullah

8 C.O. 273/94, Wilham Jervois kepada Michael Hicks Beach, 20 Julai 1878, terlampir Rayuan Menteri Ngah Ibrahim, 11 Jun 1877 (29 Jamadil Awal 1294). Surat rayuan ini dihantar oleh isteri Menteri Ngah Ibrahim, Halimah binti Laksamana pada 29 Safar 1296.

9 C.O. 273/94, W.F. Robinson kepada Michael Hicks Beach, 20 Julai 1878.

mendapatkan alat-alat kebesaran Perak tetapi jangan mengikut nasihat Residen. Menteri Ngah Ibrahim juga dikatakan merancang dengan Laksamana di Belanja mempengaruhi Sultan Ismail supaya jangan menandatangani Perjanjian Pangkor. Menteri Ngah Ibrahim juga dicatatkan merancang pembunuhan kerani Yusof kerana membocorkan rahsia kepada J.W.W. Birch. Dalam pertemuan di Kuala Kinta dengan Sultan Abdullah dan Orang Besar Perak pada 26 Mac 1875 Menteri Ngah Ibrahim dikatakan menasihati Sultan Abdullah supaya menentang segala cadangan yang dikemukakan oleh J.W.W. Birch.¹⁰

Segala catatan ini lebih menunjukkan penglibatan Menteri Ngah Ibrahim di dalam gerakan yang membawa kepada pembunuhan J.W.W. Birch. Menteri Ngah Ibrahim menghadapi tujuh tuduhan bersabit dengan gerakan menentang British dan pembunuh J.W.W. Birch. Tuduhan pertama, pada Julai 1875 Menteri Ngah Ibrahim menghantar Penghulu Mat Ali mewakilinya dalam mesyuarat yang dianjurkan oleh Sultan Abdullah di Durian Sebatang pada 21 Julai 1875 untuk merancang membunuh J.W.W. Birch. Kedua, pada awal Ogos 1875 setelah mendapat laporan keputusan mesyuarat di Durian Sebatang yang berlangsung pada 21 Julai 1875 daripada Penghulu Mat Ali, Menteri Ngah Ibrahim memberi wang sebanyak \$1,000.00 kepada Penghulu Mat Ali untuk membeli senjata dan mengarahkan beliau melancarkan serangan ke atas Kota Setia, sebaik sahaja menerima berita J.W.W. Birch dibunuh. Ketiga pada akhir bulan Ogos 1875, Menteri Ngah Ibrahim dijemput mengadap Sultan Ismail, memperakukan kepada Sultan Ismail melaksanakan rancangan yang telah diputuskan dalam mesyuarat di Durian Sebatang dengan menghantar utusan kepada Dato' Maharaja Lela memberi kuasa membunuh J.W.W. Birch. Keempat, pada bulan September 1875, dalam satu mesyuarat rahsia yang berlangsung di dalam perahu Laksamana, dihadiri oleh Dato' Maharaja Lela, Laksamana, Tuk Nara dan Raja Yahya; Menteri Ngah Ibrahim dengan cara terbuka menyatakan persetujuan membunuh J.W.W. Birch sebagaimana yang dirancang oleh Dato' Maharaja Lela. Kelima, pada suatu malam, dalam perbincangannya dengan Sultan Ismail, Menteri Ngah Ibrahim menasihati Sultan Ismail supaya menolak segala cadangan Gabenor dan memberi kuasa kepada Dato' Maharaja Lela membunuh J.W.W. Birch. Keenam, dalam mesyuarat yang sama Menteri Ngah Ibrahim membuat rancangan dengan Laksamana menghantar bantuan kepada Dato' Maharaja Lela dan menyerang Kuala Kangsar; Laksamana menyerang dari Bandar Baru ke hilir sungai. Ketujuh,

¹⁰ C.O. 273.86, Sir William Jervois kepada Earl of Carnarvon, 14 Disember 1876, enclosure 12, 'Memorandum regarding charges against the Mentri [Menteri]'.

ketika perbicaraan kes pembunuhan J.W.W. Birch berlangsung, Menteri Ngah Ibrahim menghantar pesan kepada Penghulu Mat Ali supaya menyerang Kota Setia. Berdasarkan tuduhan tersebut dinyatakan bahawa Menteri Ngah Ibrahim adalah perancang yang pintar. Sultan Abdullah sendiri ada menyatakan bahawa Menteri Ngah Ibrahim dan mertuanya, Laksamana adalah dua tokoh utama yang mencetuskan gerakan tentangan terhadap British di Perak.¹¹

Menteri Ngah Ibrahim yang berada di Singapura bersama Sultan Abdullah, Laksamana Wan Muhammad Amin dan Dato' Syahbandar diputuskan oleh Majlis yang dibentuk menimbangkan kes mereka dibuang ke Pulau Seychelles. Keberangkatan Ke Pulau Seychelles ini dimaklumkan oleh J. Douglas, Setiausaha Tanah Jajahan Negeri-Negeri Selat kepada Setiausaha Tanah Jajahan Mauritiuis dalam suratnya bertarikh 19 Julai 1877. J. Douglas menyatakan bahawa rombongan ini terdiri daripada 38 orang termasuk keluarga mereka akan berlepas pada 19 Julai 1877 dengan kapal British *Carthstone* dan akan dikawal oleh lima orang mata-mata dan seorang kopral. Ketika berada di sana, Sultan Abdullah akan diberi elaun bulanan sebanyak 300 rupi, Menteri Ngah Ibrahim 200 rupi, Laksamana 200 rupi dan Syahbandar 150 rupi. Mereka akan tinggal ditempat kediaman yang disediakan. J. Doughlas menasihatkan Pesuruhjaya Maritius membayar elaun pada tiap-tiap awal bulan dan elakkan daripada memberi pendahuluan.¹²

Sultan Abdullah bersama tiga orang pembesar Perak, Menteri Ngah Ibrahim, Laksamana dan Syahbandar dan 43 orang, yang kesemuanya berjumlah 47 orang; mengandungi 24 orang laki-laki dan 23 orang perempuan berangkat ke Pulau Seychelles dari Singapura dengan kapal *Carherstone* pada 20 Julai 1877. Rombongan ini tiba di Pulau Seychelles pada 30 Ogos 1877. Setelah tiba di Pulau Seychelles rombongan ini ditempatkan buat sementara di sebuah rumah yang letaknya kira-kira 1.6 kilometer ke utara bandar Port Victoria. Kemudiannya Menteri Ngah Ibrahim, Laksamana dan Syahbandar dipindahkan di Felicite, kira-kira 48 kilometer dengan bandar Port Victoria, di sebuah rumah yang mempunyai tiga bilik berasingan. Kos pembinaan rumah ini di antara 300-400 paun. Manakala Sultan Abdullah dan 26 orang yang lain akan ditempatkan di Pulau Mahe'.¹³

11. C.O. 273.86, William Jervois kepada Earl of Carnarvon, 14 Disember 1876, enclosure 12, 'Memorandum regarding charges against the Menteri'.

12. C.O. 273.91, A.E.H. Arson kepada Earl of Carnarvon, 21 Julai 1877, terlampir Setiausaha Tanah Jajahan Negeri-Negeri Selat kepada Setiausaha Tanah Jajahan Mauritiuis, 19 Julai 1877.

13. C.O. 273.92, Pesuruhjaya Awam Seychelles kepada Earl of Carnarvon, 19 September 1877.

V

PULANG DARI BUANGAN

Setelah beberapa tahun berada dalam buangan di Pulau Seychelles, pada 11 Ogos 1881 Setiausaha Tanah Jajahan di London, Earl of Kimberley memaklumkan kepada Gabenor Negeri-Negeri Selat, Sir Frederick A. Weld bahawa tahanan politik Perak akan ditimbangkan untuk dibenarkan tinggal di kawasan berhampiran dengan negeri mereka. Pertimbangan ini berdasarkan kepada kelakuan baik mereka ketika berada di Seychelles.¹ Sir Frederick Weld membawa perkara ini dalam Majlis Kerja di Tanah Melayu dan mereka sebulat suara bersetuju membenarkan tahanan politik Perak pulang ke Singapura atau Johor. Persetujuan ini disampaikan kepada Setiausaha Tanah Jajahan di London pada 2 Disember 1881.² Pada 7 Disember 1882 Menteri Ngah Ibrahim mengajukan surat rayuan supaya beliau dibebaskan melalui Leftenan Gabenor F. Napier Broome di Mauritius kepada Earl of Kimberley.³ Dalam surat tersebut Ngah Ibrahim bin Long Jaafar menyatakan bahawa beliau telah dibuang negeri tanpa sebarang perbicaraan. Beliau tiba di Pulau Seychelles pada 30 Ogos 1877 sebagai tahanan politik. Setelah lima tahun setengah menghadapi kesukaran dan penderitaan, Menteri Ngah Ibrahim memohon jasa baik Earl of Kimberley memanjangkan rayuan ini kepada Baginda Queen untuk mendapatkan pembebasan. Beliau memohon supaya dihantar ke sebuah negeri Islam bawah pentadbiran British.⁴ Surat rayuan Menteri Ngah Ibrahim ini sampai ke Jabatan Tanah Jajahan London pada Disember 1882. Pada

¹ *Copies, or Extracts, of Correspondence with reference to the Case of the Ex-Sultan Abdullah of Perak* (London: The Haisard Publishing Union, Limited, 1891), (seterusnya diringkaskan sebagai "CEAP").
² "CEAP", No. 6, The Earl of Kimberley kepada Sir F.A. Weld, 11 Ogos 1881.

³ "CEAP", No. 8, Sir Frederick Weld kepada The Earl of Kimberley, 2 Disember 1881.

⁴ "CEAP", No. 22, Leftenan Gabenor F. Napier Broome (Mauritius) kepada the Earl of Kimberley, 20 Disember 1882.

⁵ "CEAP", No. 22, Leftenan Gabenor F. Napier Broome (Mauritius) kepada the Earl of Kimberley, 20 Disember 1882, terlampir bekas Menteri Larut (Mahe' Seychelles) kepada the Earl of Kimberley, 7 Disember 1882.

30 Januari 1883 Jabatan Tanah Jajahan London menyatakan bahawa rayuan tersebut tidak dapat dipertimbangkan.⁵

Pada 3 Januari 1889, Menteri Ngah Ibrahim sekali lagi merayu supaya dibebaskan daripada tahanan politik dan membenarkan beliau tinggal di Singapura atau Pulau Pinang. Rayuan kali ini dihantar kepada Baginda Queen. Surat rayuan ini diajukan kepada J. Pope Hennessy di Mauritius untuk disampaikan kepada Setiausaha Tanah Jajahan di London. Dalam surat rayuannya, Menteri Ngah Ibrahim menyatakan bahawa beliau bertambah tua dan sebagai seorang Islam beliau memerlukan mendekati Allah. Hasrat ini sukar dilakukan di Seychelles. Dengan itu beliau memohon pulang ke Singapura atau Pulau Pinang sebagai orang bebas atau juga sebagai tahanan politik di mana-mana tempat yang difikirkan boleh dilakukan oleh pihak berkuasa seperti mana di Seychelles. Sekiranya beliau meninggal dunia, dapatlah dikuburkan di kawasan tidak jauh dengan kawan dan saudara serta mengikut cara agama Islam.⁶ Sir John Pope Hennessy, Gabenor Mauritius dalam suratnya bertarikh 4 Februari 1889 kepada Lord Knutsford ketika memanjangkan surat rayuan Menteri Ngah Ibrahim ini, memperakukan permohonan bekas Menteri, Ngah Ibrahim bin Jaafar dipindahkan ke Singapura atau Pulau Pinang. Pemindahan ini akan membolehkan beliau mengamalkan agamanya dengan sempurna dan sekiranya meninggal dunia akan dikebumikan dengan sempurna mengikut agama Islam.⁷

Setelah menerima surat rayuan Menteri Ngah Ibrahim, Lord Knutsford memanjangkan pula kepada pengetahuan Gabenor Negeri-Negeri Selat, Sir Cecil C. Smith untuk ditimbang. Dalam suratnya bertarikh 5 April 1889, Lord Knutsford menyatakan bahawa mungkin dirasakan tidak munasabah untuk menghantar pulang tahanan politik Perak ke Semenanjung Tanah Melayu, tetapi memandangkan kelakuan mereka yang baik ketika di dalam buangan maka adalah wajar untuk ditimbang mereka dihantar ke negeri Melayu. Lord Knutsford tidak bersetuju menghantar Menteri Ngah Ibrahim ke Labuan. Beliau berpendapat tempat yang sesuai untuk Menteri Ngah Ibrahim ialah di Sarawak. Walaupun begitu persetujuan hendaklah didapati daripada Raja Sarawak, Charles Brooke terlebih dahulu. Tahanan politik Perak yang dipindahkan ke Sarawak nanti akan diberikan elaun yang kini mereka terima; juga mereka akan dilayan sebagai orang bebas, bukan lagi tahanan politik. Namun demikian amaran hendaklah diberikan kepada mereka

5 "CEAP", No. 23, the Earl of Derby kepada Leftenan F. Napier Broome, 30 Januari 1883.

6 "CEAP", No. 42, Sir J. Pope Hennessy kepada Lord Knutsford, 4 Februari 1889, terlampir Ibrahim bin Jaafar (Mahje' Seychelles) kepada Her Most Gracious Majesty Victoria, R., of Great Britain and Ireland Queen, Empress of India, 3 Januari 1889.

7 "CEAP", No. 42, Sir J. Pope Hennessy kepada Lord Knutsford, 4 Februari 1889.

bahawa tidak boleh meninggalkan tempat yang dipilih dan juga tidak boleh berhubung dengan Semenanjung Tanah Melayu. Sekiranya melanggar syarat ini mereka akan menjadi tahanan semula. Jika rancangan ini berjalan lancar, Menteri Ngah Ibrahim dan juga tahanan politik lain akan dihantar ke Sarawak atau kawasan Kompeni Berpiagam Borneo Utara. Sekiranya rancangan ini disetujui, Lord Knutsford memberi kuasa kepada Gabenor Sir Cecil C. Smith membuat hubungan dengan Raja Sarawak mengenai perkara ini.⁸ Di samping itu Lord Knutsford juga memaklumkan kepada Sir J. Pope Hennessy di Mauritius pada 5 April 1889 telah menerima surat rayuan Menteri Ngah Ibrahim dan surat tersebut telah pun dihantar ke pengetahuan Gabenor Negeri-Negeri Selat, Sir Cecil C. Smith untuk mendapatkan pandangan.⁹

Pada 18 Mei 1889, Gabenor Sir Cecil C. Smith menghantar surat kepada Charles Brooke, Raja Sarawak memaklumkan Menteri Ngah Ibrahim merayu untuk dibenarkan tinggal di Singapura atau Pulau Pinang, dalam negeri Islam dan sebangsa dengannya. Namun begitu Lord Knutsford mencadangkan beliau ditempatkan di Sarawak, dan ini bergantung kepada kebenaran Charles Brooke. Beliau akan diberi eluannya sekarang, dilayan sebagai orang bebas; tetapi hendaklah tinggal di tempat yang dipilihnya, serta tidak boleh membuat hubungan dengan Semenanjung Tanah Melayu. Sekiranya ingkar akan dijadikan tahanan semula.¹⁰ Pada 29 Mei 1889, Charles Brooke menjawab surat Gabenor Negeri-Negeri Selat. Beliau membawa perkara ini dalam Majlis Tertinggi (*Supreme Council*) pada pagi 29 Mei 1889, dan ahli yang hadir tidak membantah cadangan tersebut. Namun begitu tahanan tersebut hendaklah mematuhi dua syarat: pertama tahanan itu tidak papa dan keduanya, ketika tinggal di Sarawak tertakluk kepada undang-undang negeri ini.¹¹ Charles Brooke mencadangkan tahanan tersebut sebagai orang bebas di Sarawak. Sekiranya mereka melarikan diri melalui pantai Sarawak akan dilaporkan kepada pihak berkuasa di Singapura. Namun begitu Charles Brooke berpendapat adalah mustahil untuk mereka yang terdiri daripada keluarga untuk melarikan diri tanpa pengetahuan kerajaan Sarawak. Sekiranya mereka berniaga, kerajaan akan memastikan kegiatan mereka tidak melewati Sungai Sarawak. Segala surat menyurat dengan Larut akan diperiksa terlebih dahulu oleh pegawai kerajaan Sarawak. Dengan itu kerajaan Sarawak bersedia

⁸ "CEAP", No. 44, Lord Knutsford kepada Sir C.C. Smith, 5 April 1889, No. 47, Lord Knutsford kepada Sir C.C. Smith, 18 April 1889.

⁹ "CEAP", No. 45, Lord Knutsford kepada Sir J. Pope Hennessy, 5 April 1889.

¹⁰ "CEAP", No. 48, Sir Cecil C. Smith kepada Lord Knutsford, 3 Jun 1889, enclosure 1 Gabenor Negeri-Negeri Selat kepada Yang Mulia Raja Sarawak, 18 Mei 1889.

¹¹ "... first, that the prisoners shall not be paupers, and second, that they shall be subject to the Sarawak laws during their residence in this country."

menerima mereka.¹² Pada 3 Jun 1889, Sir Cecil C. Smith memaklumkan kepada Raja Charles Brooke bahawa suratnya itu telah pun diterima.¹³

Setelah mendapat kebenaran daripada Raja Sarawak, Sir Cecil C. Smith memaklumkan perkara tersebut kepada Lord Knutsford pada 3 Jun 1889. Dalam suratnya ini, Sir Cecil C. Smith menasihati Lord Knutsford memindahkan Menteri Ngah Ibrahim ke Sarawak dengan syarat seperti berikut (i) tidak boleh secara langsung atau tidak langsung membuat hubungan dengan tanah jajahan, Semenanjung Tanah Melayu, termasuk Johor; (ii) gelaran bekas Menteri Larut hendaklah digugurkan dan beliau hanya dikenali dengan namanya sendiri Ibrahim bin Jaafar; (iii) sekiranya melanggar syarat akan menjadi tahanan semula dengan kemungkinan besar dibuang semula ke Seychelles.¹⁴ Sir Cecil C. Smith juga bersetuju Menteri Ngah Ibrahim diberi elaun yang diterima kini serta dilayan sebagai orang bebas, tetapi beliau hendaklah tertakluk kepada Undang-Undang Sarawak. Beliau juga memohon Lord Knutsford menghantar telegram memaklumkan tarikh keberangkatan dan nama kapal yang akan dinaikki oleh Menteri Ngah Ibrahim apabila berlepas dari perlabuhan Aden.¹⁵ Pada 11 Julai 1889 Lord Knutsford menghantar telegram kepada Sir Cecil C. Smith menyatakan menerima surat tersebut.¹⁶ Pada 18 Julai 1889, Sir Cecil C. Smith menyatakan kepada Lord Knutsford yang Residen British Perak tidak berhalangan dengan rancangan pemindahan tahanan politik Perak ke Sarawak dengan syarat mematahui syarat-syarat yang dikenakan.¹⁷

Berikutnya pada 20 Julai 1889, Lord Knutsford mengutuskan surat kepada Sir J. Pope Hennessy, menyatakan keputusan telah diambil untuk membawa pulang tahanan politik Melayu Perak ke negeri Melayu. Mereka tidak akan dibenarkan setakat ini tinggal di Semenanjung Tanah Melayu; sebaliknya akan ditempatkan di

12 "CEAP", No. 48, Sir Cecil C. Smith kepada Lord Knutsford, 3 Jun 1889, enclosure 2, Raja Sarawak (C. Brooke) kepada Gabenor Negeri Negeri Selat, 29 Mei 1889. Surat ini juga boleh dikesani dalam "Brooke, Sir Charles Johnson, 1829-1917: The Rajah's outgoing Letters, 1887-1906" (Seterusnya diringkaskan sebagai "BROL, 1887-1906"). Sir Charles Johnson kepada Sir Cecil Smith, 29 Mei 1889. Dalam suratnya ini Charles Brooke sanggup menerima semua tahanan politik Perak di Sarawak.

13 "CEAP", No. 48, Sir Cecil C. Smith kepada Lord Knutsford, 3 Jun 1889, enclosure 3, Gabenor Negeri Negeri Selat kepada Raja Sarawak, 3 Jun 1889.

14 (a) That neither directly nor indirectly shall be communicate with person in the Colony or Malay Peninsula, including Johor.

(b) That the title of Ex-Mentri [Menteri] of Larut be entirely abandoned, and that he be known only by his own name, Ibrahim bin Jaafar [Jaafar].

(c) That any breach of the condition shall carry with it imprisonment, with liability of retransportation to the Seychelles. ("CEAP", No. 48, Sir Cecil C. Smith kepada Lord Knutsford, 3 Jun 1889). Lihat juga C.O. 273/160, Sir Cecil C. Smith kepada Lord Knutsford, 3 Jun 1889.

15 "CEAP", No. 48, Sir Cecil C. Smith kepada Lord Knutsford, 3 Jun 1889.

16 "CEAP" No. 49, Lord Knutsford kepada Sir C.C. Smith, 11 Julai 1889.

17 "CEAP", No. 53, Sir C.C. Smith kepada Lord Knutsford, 18 Julai 1889.

Sarawak. Seiringan dengan itu dinyatakan syarat-syarat yang dikenakan ke atas tahanan politik tersebut. Dengan itu Sir J. Pope Hennessy diminta menghubungi pentadbir Seychelles supaya menguruskan segala dokumen kepada tahanan untuk memindahkan mereka dari Aden ke Singapura. Pemindahan tahanan politik ini hendaklah diiringi oleh seorang pegawai British. Oleh itu tarikh berlepas dan nama kapal yang akan dinaiki hendaklah dimaklumkan kepada Gabenor Negeri-Negeri Selat, Sir Cecil Smith. Dengan ini dapatlah Sir Cecil Smith membuat persiapan apabila tahanan politik tiba di Singapura, untuk pemindahan seterusnya ke Sarawak. Segala perbelanjaan pengangkutan akan dibiayai oleh kerajaan Perak. Dengan itu tuntutan lengkap perbelanjaan dengan resit hendaklah dihantar kepada Gabenor Negeri-Negeri Selat untuk tindakan selanjutnya.¹⁸ Lord Knutsford juga memaklumkan kepada Sir Cecil Smith tentang arahnya serta memaklumkan syarat pemindahan tahanan politik Perak kepada Sir J. Pope Hennessy. Beliau meminta Sir Cecil Smith memanjangkan ucapan terima kasih Kerajaan British kepada Raja Sarawak, Sir Charles Brooke di atas kesanggupan menerima Sultan Abdullah dan pengikutnya tinggal di Sarawak.¹⁹ Surat kebenaran tinggal di Sarawak ini ditandatangani oleh Lord Knutsford pada 20 Julai 1889.²⁰ Pada 13 Ogos 1889 Charles Brooke memperakukan kepada Sir Cecil Smith supaya Ngah Ibrahim boleh memilih pekerjaannya sendiri ketika berada di Sarawak nanti. Ngah Ibrahim boleh bertani atau mengerjakan pekerjaan lain yang dirasakan sesuai dengannya. Berkenaan dengan tempat tinggal pula, Charles Brooke menyatakan tidak ada sebarang masalah.²¹

Setelah mendapat arahan daripada Gabenor Mauritius, Sir John Pope Hennessy pada 15 September 1889, Pentadbir Seychelles, T. Risely Griffith berbincang dengan Sultan Abdullah pada 23 September 1889 dan dengan Menteri Ngah Ibrahim, Laksamana Wan Muhammad Amin dan Syahbandar Uda Mahamor. Dalam pertemuan berikut, Sultan Abdullah, Menteri Ngah Ibrahim, Laksamana Wan Muhammad Amin dan Syahbandar Uda Mahamor dimaklumkan Kerajaan British menawarkan pemindahan ke Sarawak dengan bersyarat. Segala dokumen mengenai pemindahan dan syarat-syarat yang perlu dipatuhi diberikan kepada mereka untuk diperhatikan terlebih dahulu. Sekiranya ada masalah, Sultan Abdullah, Menteri Ngah Ibrahim, Laksamana Wan Muhammad Amin dan Syahbandar Uda Mahamor boleh berhubung dengan T. Risely Griffith. Sultan

¹⁸ "CEAP", No. 51, Lord Knutsford kepada Sir J. Pope Hennessy, 20 Julai 1889.

¹⁹ "CEAP", No. 52, Lord Knutsford kepada Sir Cecil C. Smith, 20 Julai 1889.

²⁰ C.O. 273.197, Gabenor Sir C.B.H. Mitchell kepada Jabatan Tanah Jajahan (The Marquess of Ripon, K.G.), 5 September 1894.

²¹ "BROL, 1887-1906", Charles Brooke kepada Sir Cecil Smith, 13 Ogos 1889.

Abdullah, selama kira-kira dua belas tahun berada di Seychelles, senantiasa berpakaian barat; boleh bercakap Inggeris dan Perancis. Putera baginda, Raja Chulan pernah datang menziarahi di Seychelles. Laksamana Wan Muhammad Amin dan Syahbandar Uda Mahamor mempunyai kenalan yang ramai dan kedua-duanya boleh bertutur *Creole French*. Ini berbeza sekali dengan Menteri Ngah Ibrahim; walaupun boleh memahami *creole patois* tetapi sentiasa berpakaian Melayu dan masih bersimpati serta berharap kepada negeri dan keluarganya. Anak Menteri Ngah Ibrahim ada menziarahi beliau di Seychelles.²²

Sultan Abdullah, Laksamana Wan Muhammad Amin dan Syahbandar Uda Mahamor tidak selesa dengan syarat-syarat pemindahan yang ditawarkan dan menolak tawaran tersebut. Pada 5 Oktober 1889, Laksamana Wan Muhammad Amin dan Syahbandar Uda Mahamor menyatakan dalam suratnya tidak dapat menerima tawaran tersebut kerana ianya sangat terikat.²³ Begitu juga dengan Sultan Abdullah dalam surat baginda kepada Pentadbir Seychelles (T. Risely Griffith) bertarikh 6 Oktober 1889 menyatakan baginda tidak dapat menerimanya kerana tawaran tersebut tidak dapat mengubah kedudukan baginda sekarang. Sebaliknya Sultan Abdullah memohon supaya baginda dibenarkan melawat England.²⁴

Menteri Ngah Ibrahim tidak terus menolak tawaran tersebut. Sebaliknya beliau menyatakan tidak begitu faham dengan syarat yang menyatakan tidak boleh secara langsung atau tidak langsung berhubung dengan sesiapa dalam jajahan British, atau Semenanjung Tanah Melayu termasuk Johor. Beliau memohon pihak British mempertimbangkan supaya boleh berhubung surat dengan kawan dan saudaranya serta mereka boleh menziarahi ketika berada di Sarawak. Beliau tidak membantah sekiranya kerajaan British memeriksa terlebih dahulu surat-surat tersebut. Manakala mereka yang hendak menziarahi itu pula hendaklah mendapat kebenaran daripada kerajaan British. Dalam perkara ini Menteri Ngah Ibrahim menyatakan yang peraturan begini telah pun dilaksanakan ke atas mereka ketika berada di Seychelles. Mengenai syarat tidak boleh memakai gelaran bekas Menteri, Ngah Ibrahim hanya meminta segala pemindahan harta atau pusaka yang sebelum itu di atas nama Menteri Larut dapat diuruskan tanpa sebarang masalah. Dengan beberapa cadangan di atas Menteri Ngah Ibrahim menyatakan

22 "CEAP", No. 54, T. Risely Griffith, Pentadbir Seychelles kepada Lord Knutsford, 8 Oktober 1889.

23 "CEAP", No. 54, T. Risely Griffith kepada Lord Knutsford, 8 Oktober 1889, Enclosure 3 dalam No. 54, Laksamana Muhammad Amin [Laksamana Wan Muhammad Amin] dan Syahbandar Uda Mahamor kepada the Administrator Seychelles, 5 Oktober 1889.

24 "CEAP", No. 54, Enclosure 1 dalam No. 54, Sultan Abdullah Perak kepada the Administrator Seychelles, 6 Oktober 1889.

kesanggupan beliau mematuhi syarat dan undang-undang yang akan dikenakan ke atas beliau ketika berada di Sarawak. Dalam kesempatan itu, Menteri Ngah Ibrahim meminta T. Risely Griffith menyampaikan ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada baginda Queen kerana membebaskan tahanan politik yang berdukacita merindui kawan dan saudara mara serta gangguan amalan agamanya.²⁵

Permohonan pindaan syarat yang dikemukakan oleh Menteri Ngah Ibrahim ini dipanjang oleh Lord Knutsford dalam suratnya bertarikh 15 November 1889 kepada Sir Cecil C. Smith untuk mendapatkan pandangan. Walaupun Lord Knutsford condong bersetuju dengan cadangan pindaan Menteri Ngah Ibrahim tetapi beliau tidak mahu bertindak tanpa merujuk perkara ini kepada Sir Cecil C. Smith. Pada pandangan Lord Knutsford, adalah wajar memberi kebenaran kepada Menteri Ngah Ibrahim berhubung surat dengan kawan dan saudara maranya dengan syarat surat-surat tersebut hendaklah terlebih dahulu diperiksa oleh pegawai bertugas. Perkara ini sudah pun dinyatakan dalam surat Raja Sarawak, Sir Charles Brooke kepada Sir Cecil C. Smith dahulu. Di samping mengharap jawapan segera, Lord Knutsford juga meminta Sir Cecil C. Smith juga menimbangkan tahanan politik Perak yang lain.²⁶ Pada 16 November 1889, Lord Knutsford memaklumkan kepada Gabenor dan Ketua Pemerintah Mauritius, Sir Charles Cameron Lees, beliau telah menghubungi Sir Cecil C. Smith, Gabenor Negeri-Negeri Selat mengenai permohonan pindaan syarat oleh Menteri Ngah Ibrahim. Selain itu beliau menyatakan bahawa Sultan Abdullah, Laksamana Wan Muhammad Amin dan Syahbandar Uda Mahamor berpuas hati berada di Seychelles dan tidak berhajat untuk berpindah ke Sarawak.²⁷ Persetujuan ke atas cadangan pindaan syarat oleh Menteri Ngah Ibrahim ini disampaikan kepada T. Risely Griffith di Seychelles pada 6 Disember 1889.²⁸ Sir Cecil C. Smith juga menyatakan kepada Lord Knutsford dalam suratnya bertarikh 20 Disember 1889 tidak berhalangan dengan cadangan pindaan syarat yang dikemukakan oleh Menteri Ngah Ibrahim.²⁹

Apabila mendapat jawapan Menteri Ngah Ibrahim akan tinggal di Sarawak, Gabenor Mauritius Sir C.C. Lees diarahkan oleh Lord

²⁵ "CEAP", No. 54, T. Risely Griffith kepada Lord Knutsford, 8 Oktober 1889, Enclosure 2 dalam No. 54, Ibrahim bin Jafar [Jaafar] kepada R. Griffith, Administrator, 5 Oktober 1889.

²⁶ "CEAP", No. 55, Lord Knutsford kepada Sir C.C. Smith, 15 November 1889.

²⁷ "CEAP", No. 56, Lord Knutsford kepada Sir Charles Cameron Lees, 16 November 1889.

²⁸ "CEAP", No. 58, Sir Cecil C. Smith kepada Lord Knutsford, 20 Disember 1889, Enclosure dalam No. 58, Sir Cecil C. Smith kepada the Administrator, Seychelles, 6 Disember 1889.

²⁹ "CEAP", No. 58, Sir Cecil C. Smith kepada Lord Knutsford, 20 Disember 1889. "... that all letters pass through the Government; nor is there any objection to these prisoners, one or all of whom may go to Sarawak, communicating directly with any one from Perak who visit Sarawak for that purpose".

Knutsford supaya memaklumkan maklumat keberangkatan Ngah Ibrahim ke Singapura.³⁰ Sementara itu kediaman tahanan politik Perak di Sarawak disediakan oleh Sir Charles Brooke. Beliau membelanjakan kira-kira \$280.00 untuk pembinaan kediaman tersebut. Sebagaimana dijanjikan sebelum ini, Sir Charles Brooke meminta kerajaan Negeri-Negeri Selat membayar balik sebanyak \$200.00 kepada kerajaan Sarawak. Manakala baki \$80.00 lagi hendaklah dimasukkan ke dalam kira-kira Hospital Kerajaan Sarawak.³¹ Sir C.C. Lees memaklumkan kepada Lord Knutsford yang Menteri Ngah Ibrahim berlepas ke Singapura melalui Aden pada bulan Mei 1890.³² Dengan itu pada Mei 1890, Menteri Ngah Ibrahim bersama keluarga dan pengikutnya berangkat ke Singapura melalui pelabuhan Aden. Pegawai pengiring yang ditugaskan dalam pelayaran ini ialah Joseph Brooks, Menteri Ngah Ibrahim memohon wang pendahuluan dan diluluskan sebanyak 1,200 rupi. Wang ini akan dibayar balik oleh Kerajaan Negeri-Negeri Selat melalui potongan elaun yang diberikan kepada Menteri Ngah Ibrahim. Sementara itu Pentadbir Seychelles, T. Risely Griffith menghubungi Gabenor Negeri-Negeri Selat, Sir Cecil C. Smith memaklumkan perjalanan Menteri Ngah Ibrahim ini.³³

Pada 10 Jun 1890, Menteri Ngah Ibrahim tiba di Singapura.³⁴ Pada 24 Jun 1890, A.P. Talbot, Pemangku Gabenor Negeri-Negeri Selat memaklumkan kepada Raja Brooke mengenai pelayaran Menteri Ngah Ibrahim ke Sarawak dan syarat-syarat dengan pindaan yang dikenakan ke atasnya ketika berada di Sarawak. Dalam suratnya itu dinyatakan Menteri Ngah Ibrahim akan berlepas ke Sarawak dengan kapal api *Rajah Brooke* pada 25 Jun 1890. Kini syarat (a) telah berubah, di mana Ngah Ibrahim tidak dibenarkan secara langsung atau tidak langsung berhubung dengan seseorang sama ada di tahan jajahan, Semenanjung Tanah Melayu termasuk Johor kecuali dengan kawan atau saudara yang dibenarkan melawat beliau melalui surat yang akan dibuka terlebih dahulu. Syarat (b) masih kekal di mana gelaran Bekas Menteri Larut tidak boleh dipakai lagi dan kini beliau hanya dipanggil dengan namanya sahaja, Ibrahim bin Jaafar. Syarat baru ditambah (c) di mana Ngah Ibrahim tidak boleh meninggalkan Sarawak tanpa kebenaran Kerajaan British. Manakala syarat (c) dahulu menjadi syarat (d) dan ianya kekal seperti dahulu. Dalam syarat (d) ini Menteri akan dijadikan tahanan semula dan

30 "CEAP", No. 59, Lord Knutsford kepada Sir C.C. Lees, 24 Januari 1890.

31 "BROL, 1887-1906", Charles Brooke kepada Sir Cecil C. Smith, 6 Mac 1890.

32 "CEAP", No. 63, Sir Charles Cameron Lees kepada Lord Knutsford, 2 Jun 1890.

33 "CEAP", No. 63, Sir Charles Cameron Lees kepada Lord Knutsford, 2 Jun 1890, terlampir T. Risely Griffith kepada Sir Charles Cameron Lees, 15 Mei 1890.

34 "CEAP", No. 64, J.F. Dickson kepada Lord Knutsford, 30 Jun 1890.

kemungkinan akan dihantar semula ke Seychelles sekiranya beliau melanggar peraturan tersebut. Walaupun ketika berada di Sarawak, Menteri Ngah Ibrahim tidak lagi menjadi tahanan politik tetapi beliau tertakluk kepada Undang-Undang Negeri Sarawak. Dengan itu seorang pegawai, sebagaimana cadangan Charles Brooke dahulu hendaklah dilantik bagi menguruskan pemeriksaan ke atas surat menyurat Menteri Ngah Ibrahim. Ketika berada di Sarawak, Menteri Ngah Ibrahim akan diberikan elaun sebanyak 150 rupi sebulan. Bayaran elaun ini akan didahulukan oleh kerajaan Sarawak. Kemudiannya kerajaan Perak akan membayar kembali melalui Perbendaharaan Negeri-Negeri Selat. Di samping itu Charles Brooke diingatkan bahawa Menteri Ngah Ibrahim telah pun diberikan pendahuluan ketika belayar dari Seychelles dahulu.³⁵ Sebagai membalas surat ini, Charles Brooke menyatakan di dalam suratnya bertarikh 28 Jun 1890 kepada J.F. Dickson akan mengambil langkah mencegah mereka daripada melanggar syarat-syarat yang dikenakan. Sementara itu beliau juga menyatakan Kerajaan Sarawak akan mengambil wang daripada Perbendaharaan Sarawak untuk mendahului pembayaran elaun kepada Menteri Ngah Ibrahim.³⁶ Pada 25 Jun 1890, Menteri Ngah Ibrahim berlepas ke Sarawak dari Singapura dengan kapal api *Rajah Brooke*. Pada 30 Jun 1890 J.F. Dickson memaklumkan kepada Lord Knutsford bahawa syarat-syarat yang dikenakan ke atas Menteri Ngah Ibrahim ketika beliau berada di Sarawak telah pun dinyatakan kepada Charles Brooke.³⁷

Sementara Menteri Ngah Ibrahim berada di Sarawak, pada 16 Januari 1891, Sultan Abdullah memohon jasa baik H.E.H. Jerningham, Setiausaha Tanah Jajahan Mauritius memanjangkan permohonannya kepada Setiausaha Tanah Jajahan di London untuk pulang sama ada di Johor atau Singapura.³⁸ Lord Knutsford pula memanjangkan permohonan Sultan Abdullah ini kepada Sir Cecil C. Smith, Gabenor Negeri-Negeri Selat untuk mendapatkan pandangan serta syarat yang diperlukan.³⁹ Sir Cecil C. Smith dalam jawapannya bertarikh 11 Jun 1891 menjelaskan Sultan Abdullah boleh ditimbangkan pulang ke Singapura dengan syarat: (a) Beliau hanya dibenarkan memakai nama Raja Abdullah; (b) Beliau tidak boleh meninggalkan Singapura tanpa kebenaran bertulis daripada Kerajaan British, (c) Beliau hendaklah memberi jaminan sama ada

35 "CEAP", No. 64, J.F. Dickson kepada Lord Knutsford, 30 Jun 1890; Enclosure dalam No. 64, A.P. Talbot kepada Raja Brooke, 24 Jun 1890.

36 "BROL", 1887-1906", Charles Brooke kepada J.F. Dickson, Pemangku Gabenor Negeri-Negeri Selat, 28 Jun 1890.

37 "CEAP", No. 64, J.F. Dickson kepada Lord Knutsford, 30 Jun 1890.

38 "CEAP", No. 68, H.E.H. Jerningham kepada Lord Knutsford, 15 Januari 1891; Enclosure in No. 68, Sultan Abdullah Perak kepada H.E.H. Jerningham, 16 Januari 1891.

39 "CEAP", Lord Knutsford kepada Sir Cecil C. Smith, 6 Februari 1891.

secara langsung atau tidak langsung tidak boleh terlibat dalam hal-ehwal negeri; dan (d) Beliau juga boleh dipindahkan ke Sarawak sekiranya mengingkari syarat-syarat yang ditentukan oleh Setiausaha Tanah Jajahan. Ekoran daripada ini Menteri Ngah Ibrahim dibenarkan juga tinggal di Singapura dan tertakluk pula kepada syarat-syarat ini.⁴⁰ Dengan itu Sultan Abdullah, Laksamana Wan Muhammad Amin, Syahbandar Uda Mahamor dan Menteri Ngah Ibrahim dibenarkan pulang ke Singapura.⁴¹ Pada 17 Julai 1891 Lord Knutsford menghantar surat kepada Sir C.C. Smith supaya memaklumkan keputusan baru kepada Menteri Ngah Ibrahim yang kerajaan British telah membenarkan beliau tinggal di Singapura.⁴²

Pada Januari 1893, Menteri Ngah Ibrahim tinggal di Singapura.⁴³ Kemudiannya Menteri Ngah Ibrahim berangkat ke Pulau Pinang, bertemu semula dengan isteri yang ditinggalkan dan pulang semula ke Singapura.⁴⁴ Ketika berada di Singapura, Menteri Ngah Ibrahim memohon kebenaran daripada pihak British untuk berangkat ke Mekah untuk menghabiskan masa tuanya. Gabenor Sir C.B.H. Mitchell pula memanjangkan permohonan Menteri Ngah Ibrahim ini kepada Frank Swettenham, Residen British Perak untuk mendapatkan pandangannya dan Sultan Perak.⁴⁵ F. Swettenham pun mengadap Sultan Perak bagi mendapatkan pandangan baginda.

Sultan Perak merestui permohonan Menteri Ngah Ibrahim dan memberi kebebasan kepada Menteri Ngah Ibrahim untuk berangkat ke Mekah. Begitu juga dengan F. Swettenham, tidak membantah sama ada Menteri Ngah Ibrahim akan menetap di Mekah atau Singapura.⁴⁶ Gabenor C.B.H. Mitchell pula tidak berhalangan dan menyokong pandangan F. Swettenham membenarkan Menteri Ngah Ibrahim berangkat ke Mekah. Seterusnya C.B.H. Mitchell meminta keputusan daripada Jabatan Tanah Jajahan di London untuk dimaklumkan kepada Menteri Ngah Ibrahim.⁴⁷ Jabatan Tanah Jajahan meluluskan permohonan Menteri Ngah Ibrahim berangkat ke Mekah.⁴⁸ Menteri Ngah Ibrahim meninggal dunia di Singapura pada 4 Februari 1895. Jenazah beliau dikebumikan di permakaman al-Junid, Singapura.⁴⁹ Kematian Menteri Ngah Ibrahim ini

40 "CEAP", No. 70, Sir Cecil C. Smith kepada Lord Knutsford, 11 Jun 1891, C.O. 273/173, Sir Cecil C. Smith kepada Lord Knutsford, 11 Jun 1891.

41 "CEAP", No. 71, telegraf Lord Knutsford kepada Sir C.C. Smith, t.t.; No. 72, telegraf Lord Knutsford kepada Sir C.C. Lees, t.t.

42 "CEAP", Lord Knutsford kepada Sir C.C. Smith, 17 Julai 1891.

43 C.O. 273/197, Sir C.B.H. Mitchell kepada The Marquis of Ripon, 5 September 1894.

44 Wee Choon Siang, Ngah Ibrahim in Larut 1858-1874, hlm. 60.

45 C.O. 273/197, Sir C.B.H. Mitchell kepada Jabatan Tanah Jajahan, 5 September 1894.

46 C.O. 273/197, Sdr C.B.H. Mitchell kepada Jabatan Tanah Jajahan, 5 September 1894, terlampir Frank Swettenham kepada Setiausaha Tanah Jajahan, 27 Ogos 1894.

47 C.O. 273/197, Sdr C.B.H. Mitchell kepada Jabatan Tanah Jajahan, 5 September 1894.

48 C.O. 273/197, Jabatan Tanah Jajahan kepada C.B.H. Mitchell, 8 Oktober 1894 (draf).

49 Wee Choon Siang, Ngah Ibrahim in Larut 1858-1874, hlm. 60.

dilaporkan oleh akhbar *Perak Pioneer*, Sabtu 9 Februari 1895. Dalam akhbar ini dicatatkan bahawa bekas Menteri Larut yang dibuang ke Seychelles, yang baru dibenarkan tinggal di Singapura telah meninggal dunia pada 4 Februari 1895. Anaknya, Wan Muhammad Isa, Penghulu Bukit Gantang berlepas ke Singapura untuk menghadiri upacara pengebumian jenazah Ngah Ibrahim di sana.⁵⁰ Gelaran dan jawatan Menteri disandang oleh anaknya Wan Muhammad Isa yang sebelum ini menjadi Penghulu Bukit Gantang.⁵¹

⁵⁰ *Perak Pioneer and Native State Adviser*, Vol. 11, No. 14, Saturday 9th February 1895, him. 3. "The ex-Tunku Muntri [Tengku Menteri] of Larut who was exiled to the Seychelles for complicity in the murder of the late Mr. Birch and who was recently permitted to reside in Singapore died on the 4th instant. His son, Wan Mat Esa [Muhammad Isa], the Penghulu of Bukit Gantang left yesterday for Singapore to attend the funeral. There is some talk of bringing the remains here for interment if the authorities raise no objection".

⁵¹ Wee Choon Seng, Ngah Ibrahim in Larut 1858-1874, him. 60. C.N. Parkinson, *British Intervention in Malaya 1867-1877*, him. 305. E. Sadka, *The Protected Malay States 1874-1895*, him. 278.

VI KESIMPULAN

Menteri Ngah Ibrahim yang mendapat kuasa penuh mentadbir Larut telah berjaya membawa kemajuan Larut. Langkah beliau membawa masuk buruh-buruh Cina mengusahakan Lombong bijih timah telah menyebabkan beliau mendapat hasil yang sangat lumayan. Kejayaannya ini dan juga ingin mempertahankan kedudukannya di Larut Menteri Ngah Ibrahim telah bersaing dengan Raja Muda Abdullah. Apabila Menteri Ngah Ibrahim menyokong kongsi gelap Hai San, Raja Muda Abdullah telah memberi sokongan kepada kongsi gelap Ghee Hin. Namun begitu di antara Menteri Ngah Ibrahim dengan Raja Muda Abdullah bukanlah persaingan untuk mendapatkan takhta kerajaan Perak. Begitu juga perang yang meletus di antara dua kongsi gelap, Ghee Hin dan Hai San ini adalah masalah persaingan kedua-dua kongsi gelap di Larut dan tidak ada kena mengena sama ada mengenai persaingan di antara Menteri Ngah Ibrahim dengan Raja Muda Abdullah ke atas kekuasaan Larut atau masalah takhta kerajaan. Namun begitu tidak dapat dinafikan bahawa penglibatan Raja Muda Abdullah menyokong kongsi gelap Ghee Hin menentang kongsi gelap Hai San yang disokong oleh Menteri Ngah Ibrahim adalah mencerminkan persaingan di antara kedua tokoh tersebut ke atas kekuasaan di Larut.

Walaupun Menteri Ngah Ibrahim menyokong Sultan Ismail tetapi beliau akhirnya, setelah ditekan oleh pihak British telah menurunkan tandatangan ke atas Perjanjian Pangkor mengakui Raja Muda Abdullah sebagai Sultan Perak. Namun begitu apabila Kapten Speedy dilantik di Larut sebagai Penolong Residen British dan J.W.W. Birch sebagai Residen British Perak, Menteri Ngah Ibrahim dan Sultan Abdullah tidak puas hati terhadap pegawai British ini kerana mereka menjalankan pentadbiran tanpa menghiraukan pembesar Perak dan lebih bersifat sebagai pemerintah. Walaupun ada pakatan membatalkan Perjanjian Pangkor, di mana Menteri Ngah Ibrahim

terlibat, tetapi tidak berjaya. Namun pakatan ini berterusan dan akhirnya melahirkan gerakan menentang British di Perak. Beberapa kali mesyuarat diadakan di antara Sultan Abdullah dengan pembesar Perak dan juga Sultan Ismail dengan pembesar Perak untuk merencanakan perjuangan mereka. Pada tahap ini, Sultan Abdullah telah berkerjasama dengan Sultan Ismail dan Menteri Ngah Ibrahim. Permusuhan yang lepas berakhir dengan gabungan tenaga mempertahankan maruah dan kedaulatan Perak. Keputusan mesyuarat di Durian Sebatang pada 21 Julai 1875, yang dihadiri oleh para pembesar dan wakil kecuali Raja Yusof untuk membunuh J.W.W. Birch akhirnya dilaksanakan di Pasir Salak pada 2 November 1875.

Kejayaan pakatan Sultan Abdullah dan para pembesar yang membawa kematian J.W.W. Birch telah menyebabkan pihak British bertindak balas menghantar pasukan tentera untuk menangkap pemimpin-pemimpin yang terlibat. Pertempuran berlaku di antara pasukan orang Melayu dengan British, tetapi orang Melayu gagal mengatasinya. Para pemimpin, seperti Dato' Sagor, Maharaja Lela dan Sultan Ismail menyerah diri. Begitu juga dengan mereka yang lain seperti Seputum, Pandak Indut, Panjang Bur, Ngah Jabur, Si Tuah dan Kulup Ali (Che Ali) ditahan. Mereka dibicarakan; Seputum, Dato' Sagor, Pandak Indut dan Maharaja Lela dijatuhkan hukuman gantung sampai mati. Manakala Sultan Ismail dibuang ke Johor, menetap di Sekudai; Sultan Abdullah, Menteri Ngah Ibrahim, Laksamana dan Syahbandar dibuang ke Pulau Seychelles.


Penglibatan pembesar Perak, seperti Menteri Ngah Ibrahim, Dato' Maharaja Lela, Dato' Sagor, Dato' Laksamana dan Dato' Syahbandar menentang British adalah mendapat restui daripada Sultan Ismail dan Sultan Abdullah. Dengan itu gerakan tentangan yang mereka kendalikan bukanlah menderhaka tetapi adalah perjuangan menentang British untuk menegakkan maruah dan kedaulatan negeri Perak.



*Sekolah Menengah Tengku Menteri.
Cangkat Jering.*



Masjid Matang — Dahulu Masjid Tengku Menteri.



Jalan Menteri, Matang.



Sungai Larut.

BIBLIOGRAFI

Rekod Rasmi

C.O. 273/81; 273/86; 273/87; 273/90; 273/91; 273/92; 273/94; 273/160; 273/197.

Enquiry as to Complicity of Chiefs in the Perak Outrages Precis of Evidence (Singapore: The Government Printing Office, 1876).

Enquiry as to Complicity of Chiefs in the Perak Outrages. Abridgment of Evidence, Arranged under various Heads (Singapore: Government Printing Press, 1876).

Copies, or Extracts, of Correspondence with reference to the Case of the Ex-Sultan Abdullah of Perak (London: The Hansard Publishing Union Limited, 1891).

Straits Settlements Blue Book of the Larut District in the Native States of Perak, for the year 1874 (Singapore: Government Printing, 1874).

Buku dan Makalah

Abdullah Zakaria bin Ghazali, "Perak, 1651-1955: Satu Tinjauan Mengenai Perjuangan Orang Melayu", Adnan Haji Nawang (Penyunting), *Perak Dahulu dan Sekarang* (Kuala Lumpur: Persatuan Muzium Malaysia, 1988).

Abdullah Zakaria bin Ghazali, "Pembunuhan J.W.W. Birch: Suatu Kajian Tentang Pembunuhnya", *JEBAT*, Bil. 9, 1979/80.

Abdullah Zakaria bin Ghazali, "Tentangan Terhadap Pentadbiran British di Perak 1874-1875", *Malaysia Dari Segi Sejarah*, No. 10, 1981.

Abdullah Zakaria bin Ghazali, "Dato' Sri Agar Diraja Ngah Kamdin Orang Besar Delapan Perak", *Purba*, Bilangan 9, 1990.

Abdullah Zakaria bin Ghazali, "Orang Kaya Menteri Paduka Tuan Ngah Ibrahim bin Long Jaafar, 1840-1895: Satu Kajian Mengenai Perjuangannya Menentang British di Perak", *Purba*, Bilangan 11, 1992.

- Adnan Haji Nawang (Penyunting), *Perak Dahulu dan Sekarang* (Kuala Lumpur: Persatuan Muzium Malaysia, 1988).
- Blythe, Wilfred, *The Impact of Chinese Secret Societies in Malaya* (London: Oxford University Press, 1969).
- Burns, P.L. & Cowan, C.D. (eds.), *Swettenham's Malayan Journals 1874-1876* (Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1975).
- Burns, P.L. (ed. & Introduced), *The Journals of J.W.W. Birch: First British Resident to Perak 1874-1875* (Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1976).
- Buyong Adil, *Sejarah Perak* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1972).
- Chai Hon-Chan, *The Development of British Malaya* (Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1967).
- Cowan, C.D., *Tanah Melayu Kurun Kesembilan Belas* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1970).
- Cowan, C.D., *Mineteenth Century Malaya: The Origins of British Political Control* (London: Oxford University Press, 1967).
- Gullick, J.M., "Captain Speedy of Larut", *JMBRAS*, Vol. 12, Pt. 3, 1953.
- Kennedy, J., *A History of Malaya* (London: The Macmillan Press Ltd., 1975).
- Khoo Kay Kim, "The Pangkor Treaty in Malay", *Peninjau Sejarah*, Vol. 1, July 1966.
- Khoo Kay Kim, *Negeri-Negeri Melayu Pantai Barat 1850-1873: Kesan Perkembangan Dagang Terhadap Politik Melayu* (Petaling Jaya: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd., 1984).
- Khoo Kay Kim, *The Western Malay States 1850-1873: The Effects of Commercial Development on Malay Politics* (Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1972).
- Khoo Kay Kim, *Taiping* (Kuala Lumpur: Persatuan Muzium Malaysia, 1981).
- Khoo Kay Kim, "J.W.W. Birch: A Victorian Moraliser in Perak? Auger Stable?", *JHSUM*, V., 1965/66.
- McNair, J.F.A., *Perak and the Malays* (Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1972).
- Moore, Donald, *The Magis Dragon* (Granada Publishing Limited, 1975).
- Muhammad Ibrahim Munsyi, *Kisah Pelayaran Muhammad Ibrahim Munsyi* (Johor: Pejabat Cetak Kerajaan, 1965). Jawi.
- Parkinson, C.N., *British Intervention in Malaya 1867-1877* (Singapore: University of Malaya Press, 1960).
- Roff, W.R., *Stories and Sketches by Sir Frank Swettenham* (Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1967).

- Sadka, E., *The Protected Malay States 1874-1875* (Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1970).
- Swettenham, F., *Malay Sketches* (London: 1895).
- Wilkinson, R.J. (ed.), *Papers on Malay Subjects* (Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1971).
- Winstedt, R.O., *Malaya, the Straits Settlements and the Federated and Unfederated Malay States* (London: 1932).
- Winstedt, R.O., *Malaya and its History* (London: Hutchison University Library, 1969).
- Winstedt, R.O. & Wilkinson, R.J., *A History of Perak* (Kuala Lumpur: The Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society, 1974).
- Wynne, Mervyn Llewelyn, *Triad and Tabut* (Singapore: Government Printing Press, 1941).

Tesis dan Latihan Ilmiah

- Hishamuddin bin Adnan, British di Perak: Satu Kajian Mengenai Keterlibatannya dan Penentangan Orang-Orang Melayu sehingga terbunuhnya J.W.W. Birch, Esei Panjang, Jabatan Sejarah, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1985/86.
- Mallal, M.A., J.W.W. Birch: Causes of His Assassination, M.A. Thesis, University of Malaya, Singapore, 1952.
- Mohd. Fadzil Othman, Suatu Penilaian Kritis Tentang Kisah Pelayaran Muhammad Ibrahim Munsyi Sebagai Sumber Sejarah, Tesis M.A., Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1976.
- Wee Choon Siang, Ngah Ibrahim in Larut 1858-1874, Graduation Exercise, University of Malaya, Singapore, 1952.

Surat Khabar

- Perak Pioneer and Native State Advertiser*, Vol. 11, No. 14, Sabtu, 9 Februari 1895.

INDEKS

- Abbott, Leftenan, 40, 42
 Abdul Jabar, 4
 Abu Bakar, Haji, 25, 30
 Aceh, 1
 Aden, 53, 56; Menteri Ngah Ibrahim akan berlepas dari, 52
 Ah Soon, 5
 Air Pulau, 21
 Alang Alaidin, Dato' Panglima Bukit Gantang, 1, 2, 3
 Alang Sepiah, Che, 1
 Anson, A.E.H., 8, 14, 15, 43, 46
 Bacon, Edward, 8, 9, 10
 Bagang Tiang, 4, 7
 Bandar Baru, 36, 43, 44, 47
 Batak Rabbit, 27, 28, 40, 43; bermain hantu di, 38
 Batang Padang, 31
 Belanja, 21, 23, 46, 47
 Bendahara, 17, 19, 26, 28
 Beruas, 32
 Bidor, 30, 32
 Birch, J.W.W., xii, 21, 23, 25, 27, 28, 30, 31, 32, 34, 35, 37, 39, 40, 41, 42, 43, 44, 46, 47, 48, 60, 61; menerangkan mengenai pengenalan peraturan baru, 30; melaksanakan peraturan baru, 31; terlibat dalam soal perhambaan, 35-36; dibunuh, 41-42
 Booth, Leftenan, 43
 Bota, 30
 Braddell, Thomas, 17, 18, 44
 Brooke, Charles, Raja Sarawak, 50, 51, 52, 53, 54, 56, 57; bersetuju menerima tahanan politik Perak di Pulau Seychelles di tahanan di Sarawak, 51-52

Brooks, Joseph, 56
Broome, Napier, F., 49
Bukit Gantang, 15, 26, 38

Cavenagh, Orfeur, 7
Carthestone, kapal, 48
Chang Koon Chee, 4
Chee (atau Chik), Tuan, 25, 30
Chen Sang, 5, 9
Chin Seah, 2
Clarke, Andrew, Sir, 16, 17, 19, 20, 28, 34, 40
Colborne, F., Mejar Jeneral, 43

Dato' Laksamana (lihat juga Laksamana Wan Muhammad Amin dan Laksamana), xii, 26; dibuang ke Pulau Seychelles, xii
Dato' Maharaja Lela (lihat juga Maharaja Lela), xii, 26, 40, 41, 42, 43, 47; mesyuarat di rumah, 41; perbicaraan, 45
Dato' Mata-Mata, 27; mesyuarat di Kota Belanda, 23-24
Dato' Nara, 21, 24, 38
Dato' Panglima Bukit Gantang, 1, 3, 5, 27
Dato' Panglima Kinta (lihat juga Panglima Kinta), 9, 26
Dato' Sagor, xii, 9, 10, 19, 27, 30, 32, 39, 42, 43, 44, 61; sokong Raja Muda Abdullah sebagai Sultan, 17; mesyuarat di Kota Belanda, 23-24; mesyuarat di Rumah Cukai, Kuala Kinta, 31; mesyuarat di Durian Sebatang, 36; hadir upacara bermain hantu di Batak Rabbit, 38; perbicaraan, 45
Dato' Sedika Raja, 24
Dato' Seramah Pahlawan, 19
Dato' Seri Agar Diraja (lihat Dato' Sagor)
Dato' Serika Raja, 27
Dato' Syahbandar (lihat juga Syahbandar), xii, 26, 48
Daud, Haji, 36
Douglas, J., 44, 45, 46, 48
Dein Patundo, 42
Dickson, J.F., 57
Dinding, 20, 27
Dollah, 42
Doughlas, J., 44, 45, 46, 48
Dunlop, S., 16
Durian Sebatang, 3, 27, 28, 31, 32, 40, 43, 61; mesyuarat di, xii, 28, 35, 36, 37, 38, 47
Dyan, Encik, 38

Earl, W.P., 9
 Earl of Carnarvon, 45
 Earl of Kimberley, 49
 Elliot, Leftenan, 43
 Esah, 1

 Fair Malacca, kapal, 17
 Fair Tonka, kapal, 31
 Ford, Hakim, 44
 Fui Chiu, 5, 9

 Ghee Hin, xi, 5, 7, 9, 11, 12, 13, 14, 15, 16, 17, 19, 60
 Goh-Kwans, 12
 Griffith, Risely, 53, 54, 55, 56
 Gunung Bulu, 7

 Hai San, xi, 5, 7, 9, 11, 12, 13, 14, 15, 16, 17, 19, 60
 Halimah, Tuk Puan, 1
 Hawkins, H.L., Mejar, 43
 Heathcote, Mark, Mejar, 43
 Hennessy, Pope, J., 50, 51, 52, 53
 Hilir Perak, 31, 40
 Ho Hup Seah, 11
 Hulu Perak, 40
 Husin, 36

 Idris, Haji, 36
 Imam Paduka Tuan, 27
 Innes, Kapten, 43
 Irving, C.J., 11, 16, 44

 Jeremiah, Inspektor, 5
 Jerningham, Setiausaha Tanah Jajahan Mauritius, 57
 Jervois, William, Sir, 39, 40, 43, 44, 45, 46
 Johor, 4

 Kampung Gajah, 42
 Kedah, 43
 Kelian Baru, 3, 5, 7, 9
 Kelian Pauh, 2, 3, 5
 Kemunting, 3
 Kerian, 3, 4, 5, 7, 10, 13, 27, 35; sungai, 4, 12; muara, 7
 Knutsford, Lord, 50, 51, 52, 53, 55, 56, 57, 58

Kota, 3, 26
 Kota Belanda, 27; mesyuarat di, 23, 46
 Kota Lumut, 32
 Kota Setia, 32, 40, 42, 47, 48
 Kuala Bernam, 34
 Kuala Bidor, 31
 Kuala Kangsar, 28, 32, 38, 43, 47
 Kuala Kinta, 31, 47; mesyuarat di Rumah Cukai di, 31-32
 Kuala Kurau, 34
 Kuala Larut, 11, 34
 Kuala Perak, 34; pajakan, 27
 Kulup Ali, 9, 41, 61; perbicaraan, 45
 Kulup Batin, 41
 Kulup Muhammad Juling, Che, 1
 Kulup Seman, 1
 Kundah Muhammad, 36
 Kurau, 3, 42
 Kynerley, 43

Lagis, Inspektor, 23

Lahab, Che, 41

Laksamana (lihat juga Dato' Laksamana dan Laksamana Wan Muhammad Amin), 3, 9, 10, 12, 13, 16, 19, 20, 23, 26, 30, 32, 38, 39, 42, 46, 47, 48; sokong Raja Muda Abdullah sebagai Sultan, 17; membantah perjanjian pangkor, 21; mesyuarat di Kota Belanda, 23-24; mesyuarat di Rumah Cukai, Kuala Kinta, 31; ke Singapura, 34; sebagai pesuruhjaya, 35; mesyuarat di Durian Sebatang, 36; ditahan di Singapura, 44; diperaku oleh Majlis buang ke Pulau Seychelles, 45; berlepas dan tiba di Pulau Seychelles, 48

Laksamana Wan Muhammad Amin (lihat juga Laksamana dan Dato' Laksamana), 1, 48, 53, 54; dibenarkan tinggal di Singapura, 58
 Larut, xi, xii, 2, 3, 4, 5, 7, 8, 9, 10, 11, 12, 13, 14, 15, 17, 18, 19, 20, 25, 26, 28, 30, 32, 34, 37, 60; buruh Cina di, 2, 3, 60; sungai, 3, 27; kuala, 11, 34; pertempuran di, 12

Law Sam, 3

Lee Cheng Tee, 24, 27

Lee Kim Ching, 14, 15, 16

Less, Cameron, Charles, 55, 56

Lewis, W.T., 4, 5

Long Halimah, Che atau Tuk Puan Kinta, 1

Long Hamidah, 1

Long Jaafar, xi, 1, 3; ke Teluk Belanga, 2; pulang ke Larut, 2; mendapat geran berkuasa di Larut, 2; meninggal dunia, 4

Long Khamis, 42

Maharaja Abu Bakar, 4
 Maharaja Lela (lihat juga Dato' Maharaja Lela), 10, 24, 28, 38, 39, 41, 44, 61; mesyuarat di Durian Sebatang, 36; mesyuarat di rumah, 41
 Maharaja Serama, 41
 Majid, 42
 Matang, 3, 4
 Mat Arshad, Orang Kaya, 30, 32, 44, 45; mesyuarat di Kota Belanda, 23-24; mesyuarat di Rumah Cukai, Kuala Kinta, 31; ke Singapura, 34; mesyuarat di Durian Sebatang, 36; hadir dalam upacara bermain hantu di Batak Rabbit, 38
 Mat Arshad, Jurubahasa, 40, 41
 Mat Ros, 36
 Mat Said, Haji, 21
 McLeod, Kolonel, 44
 McNair, Mejar, 16
 Menteri (lihat juga Menteri Ngah Ibrahim dan Ngah Ibrahim), 24, 26
 Menteri Ngah Ibrahim (lihat juga Menteri dan Ngah Ibrahim), 25, 26, 27, 28, 29, 31, 32, 34, 35, 36, 37, 38, 39, 42, 47, 48, 50, 51, 52, 53, 54, 55, 57, 60; diperakui oleh Majlis buang ke Pulau Seychelles, 45; dipanggil ke Singapura, 45; ditahan di Tanjung Pagar, 46; tuduhan ke atas, 47-48; berlepas dan tiba di Pulau Seychelles, 48; merayu pulang, 49; akan dihantar ke Sarawak, 51; merayu pulang ke Pulau Pinang atau Singapura, 51; syarat dikenakan untuk pindah dari Pulau Seychelles, 54-57; tiba di Singapura, 56; berlepas dari Singapura ke Sarawak, 57; dibenarkan tinggal di Singapura, 58; tinggal di Singapura, 58; ke Pulau Pinang, 58; memohon ke Mekah, 58; meninggal dunia di Singapura, 58
 Migde, kapal, 15
 Mitchell, C.B.H., 58
 Muhammad Hashim, 32
 Muhammad Ishak, 11, 31
 Muhammad Said, lebai, 35
 Muhammad Taib, Sheikh, 4
 Munsyi Ibrahim, 16
 Musa, Haji, 12, 21
 Nakhoda Trang, 14, 15, 23
 Ngah Ibrahim, xi, xii, 1, 2, 4, 5, 7, 8, 9, 10, 11, 12, 13, 14, 15, 16, 18, 19, 20, 21, 23, 24, 53, 56; digelar Orang Kaya Menteri Paduka Tuan, xi, 7; anak Long Jaafar, xi; dibuang ke Pulau Seychelles, xi, xii; meninggal dunia, xii; dilahirkan, 1; keturunan, 1; anak angkat Sultan Jaafar, 1; berkahwin, 1; pengukuhan kuasa di Larut, 2-19; sebagai pentadbir Larut, 4; sokong Hai San, 7, 12; pendapatan, 8;

Raja Larut, 8; Tengku Menteri, 8; rumah di Pulau Pinang dibakar, 12; mengiktirafkan Raja Muda Abdullah sebagai Sultan, 12; diiktiraf sebagai pemerintah Larut, 15; sokong Sultan Ismail, 17; perbincangan dengan Thomas Braddell, 17-19; sokong Raja Muda Abdullah sebagai Sultan, 19; menegakkan maruah dan kedaulatan, 20-43; mesyuarat di Kota Belanda, 23-24; pembuangan di Pulau Seychelles, 44-48; pulang dari buangan, 49-59; syarat-syarat ketika berada dalam buangan di Sarawak, 56-57
Ngah Jabur, 41, 42, 61; perbicaraan, 45
Ngah Lamat, Che, 1, 4, 5, 9

Odah Makan, 41
Omar, Haji, 36, 42
Orang Kaya Balai, 10
Orang Kaya Menteri, 26
Orang Kaya Menteri Paduka Tuan, xi, 7
Orang Kaya Temenggung, 26
Ord, Harry, 10, 14, 15, 16

Pandak Abdullah, Che, 1
Pandak Indut, 41, 43, 61; perbicaraan, 45
Pandak Leman, 4
Pangkor, rundingan di, 19; perjanjian, 19
Panglima Besar Muhammad Kasasi, 4, 5
Panglima Bukit Gantang, 5
Panglima Kinta (lihat juga Dato' Panglima Kinta), 24, 39
Panglima Perang Semaun, 39
Panjang Bur, 41, 61; perbicaraan, 45
Pasir Gedebu, 7
Pasir Salak, xii, 40, 41, 42, 61; peristiwa di, 40-42
Pengkulu Bukit Gantang, 59
Pengkulu Mat Ali, xii, 31, 36, 38, 42, 47, 48
Pengkulu Osman, Haji, 4, 5
Pengkulu Rejab, 3
Penolong Residen British, xii, 28
Perahu Naga, 42
Perak Pioneer, xii; kematian Menteri Ngah Ibrahim, 59
Perjanjian Pangkor, xi, xii, 19, 23, 25, 28, 30, 39, 40, 47; 60; tentangan terhadap, 20, 21, 46
Permatang, 12
Pickering, W.A., 16
Plunket, C.B., 43
Pluto, kapal, 11, 17, 43, 46

Preston, J.J., Leftenan, 43
 Pulau Pangkor, 17, 36
 Pulau Pinang, 3, 4, 5, 7, 8, 9, 12, 13, 14, 15, 16, 30, 38, 43, 50
 Raja Abdullah (lihat juga Raja Muda Abdullah dan Sultan Abdullah), 8
 Raja Ahmad, 36, 38
 Raja Alang Husin, 45
 Raja Bendahara, 4, 20, 21, 35
 Raja Dein, 42
 Raja Idris, 13, 35, 36, 45; ke Singapura, 34; mesyuarat di Durian Sebatang, 36; hadir dalam upacara bermain hantu di Batak Rabbit, 38
 Raja Ismail, Bendahara (lihat juga Sultan Ismail), xi, 10, 15; dilantik sebagai Bendahara, 3; dilantik sebagai Sultan Perak, 9, 10, 11
 Raja Kecil Muda, bomoh diraja, 38
 Raja Mahkota, 12, 19, 21, 26, 27, 30, 44, 45; mesyuarat di Kota Belanda, 23-24; mesyuarat di Durian Sebatang; 36
 Raja Muda, 4
 Raja Muda Abdullah (lihat juga Raja Abdullah dan Sultan Abdullah), xi, 9, 10, 11, 12, 13, 14, 15, 16, 17, 20, 27, 60; diisytihar sebagai Sultan Perak, 10; berunding di Pangkor, 19; diakui sebagai Sultan Perak, 19
 Raja Muda Yusof (lihat juga Raja Yusof), 45
 Raja Musa, 31, 36
 Raja Ngah (lihat juga Tengku Panglima Raja), 30, 31
 Raja Ngah Ali (lihat juga Sultan Ali), 2, 5; Raja Bendahara, 3; sebagai Raja Muda, 3; dilantik sebagai Sultan Perak, 8
 Raja Ngah Jaafar (lihat juga Sultan Jaafar), 3; sebagai Sultan Perak, 3
 Raja Osman, 10; dilantik sebagai Raja Bendahara, 9
 Raja Yahya, Haji, 20, 47
 Raja Yusof (lihat juga Raja Muda Yusof), 9, 10, 13, 15, 19, 23, 24, 25, 28, 31, 32, 36, 39, 40, 61; diisytihar sebagai Raja Muda, 10
 Rajah Brooke, kapal, 56, 57
 Rapa, Tuk Muda, 36
 Rantau Panjang, 4
 Read, W.H., 16
 Residen British, xii, 19, 24, 35, 39, 44, 52, 60
 Robertson, Timbalan Pesuruhjaya Polis Pulau Pinang, 4, 5
 Robinson, W.F., 46
 Ross, Bregidier Jeneral, 43
 S.S. Indra Bayu, 8
 Sayung, 35, 39

Seberang Perai, 10
 See-Kwans, 12
 Selama, 3
 Seputum, 41, 42, 61; ditangkap, 43; dihukum gantung, 44
 Seri Maharaja Lela, 9, 28, 36, 39
 Si Gondik, 41
 Si Milan, 41
 Si Njan, 41
 Si Tuah, 41, 42, 61; perbicaraan, 45
 Simpang, 3
 Singapura, xii, 2, 15, 16, 17, 34, 44, 45, 50, 53, 56, 57, 58
 Smith, Cecil C., Sir, 50, 51, 52, 53, 55, 56, 57, 58
 Speedy, T.C.S., xii, 14, 15, 21, 25, 26, 28, 30, 39, 60
 Su, 1
 Suffiah, Che, 1
 Sulaiman, Haji, 36, 42
 Sultan Abdullah, xii, 13, 20, 23, 24, 25, 26, 27, 28, 30, 31, 32, 34, 35, 39, 40, 43, 45, 46, 47, 54, 61; dibuang ke Pulau Seychelles, xii; mesyuarat mengenai isi perjanjian pangkor, 21; mesyuarat di Kota Belanda, 23-24; mesyuarat di Rumah Cukai, Kuala Kinta, 31; mesyuarat di Durian Sebatang, 36; upacara bermain hantu di Batak Rabit, 38; ditahan di Singapura, 44; berlepas dan tiba di Pulau Seychelles, 48; Raja Chulan menziarahi, 54; memohon pulang ke Pulau Pinang atau Singapura, 57; syarat yang dikenakan untuk pulang ke Singapura, 57-58; dibenarkan tinggal di Singapura, 58
 Sultan Abdullah (1851 - 1857), 3
 Sultan Ali (lihat juga Raja Ngah Ali), 9; mangkat, xi, 9
 Sultan Ismail (lihat juga Raja Ismail, Bendahara), xi, xii, 10, 12, 17, 19, 20, 21, 23, 24, 25, 26, 28, 32, 34, 36, 38, 39, 40, 44, 46, 47, 61; sebagai Sultan Muda, 19; berlindung di Kedah, 43; ditahan di Singapura, 44; dibuang ke Sekudai, 61
 Sultan Jaafar (lihat juga Raja Ngah Jaafar), xi, 1, 4, 5, 7, 8, 9
 Sultan Safiuddin Muazzam Syah, 3, 8
 Sultan Shahabuddin Riayat Syah, 2, 3
 Sumatera, 1
 Sungai Beruas, 7
 Sungai Durian, 12
 Sungai Kinta, 26
 Sungai Lima, 27
 Sungai Seman, 4
 Sungai Temung, 27
 Swettenham, F., 21, 40, 43, 45, 46, 58
 Syahbandar (lihat juga Dato' Syahbandar), 9, 10, 12, 13, 19, 21,

26, 27, 30, 32, 35, 45; dibuang ke Pulau Seychelles, xii; sokong Raja Muda Abdullah sebagai Sultan, 17; mesyuarat di Kota Belanda, 23-24; mesyuarat di Rumah Cukai, Kuala Kinta, 31; hadir di upacara bermain hantu di Batak Rabbit, 38; ditahan di Singapura, 44; berlepas dan tiba di Pulau Seychelles, 48
Syahbandar Uda Mahamor (lihat juga Syahbandar dan Dato' Syahbandar), 53, 54; dibenarkan tinggal di Singapura, 58
Syed Masahor, 38
Syed Muhammad, Dato' Sedika Raja, 24

Taib, Pak, 36

Taiping, 5

Talbot, A.P., 56

Tan Kim Cheng, 35

Tanjung Belanak, 7

Tanjung Pagar, 46

Tanjung Piandang, 32

Tanjung Sarang Dendang, 3

Temenggung, 17, 19, 26

Temenggung Seri Maharaja Ibrahim, 2

Tengku Panglima Raja (lihat juga Raja Ngah), 30

Thalia, kapal, 15

Toa Peh Kong, 11

Trong, 32

Tuk Bodoh, 41

Tuk Kasah, 1

Tuk Lela Putera, 41

Tuk Nara, 47

Tuk Narah Kembal, 1

Tuk Paduka Setia Long Abdul Latif, 1

Tuk Paduka Setia Pandak Jamaluddin, 1

Tunku Kudin, 14

Twigge, Mejar, 43

Uda Tuk Yeop, 37

Wan Ahmad Rashid, Menteri, 1

Wan Chik, 1

Wan Husin, 36

Wan Ibrahim, 1

Wan Mariam, Hajah, 1

Wan Mat Nasir, 1

Wan Muhammad Isa, Menteri, 1, 59

Wan Muhammad Razali, Menteri, 1
Wan Nong, 1
Wan Yahani, Hajah, 1
Wan Yeop Abdul Shukor, 1
Weld, Frederick, Sir, 49
Welner, Kapten, 43
Willan, 44
Wizurai Selangor, 14
Woods, R.C., xii, 23, 25
Woolcombe, kapten, 15

Yasin, Haji, 36
Yeob Ahmad, 42
Yusof, kerani, pembunuhan, 47